



**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS**

**PENGGAL KEDUA**

**MESYUARAT KETIGA**

---

**SHAH ALAM, 28 NOVEMBER 2014 ( JUMAAT )**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**YANG HADIR**

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)  
**(Tuan Speaker)**

Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin Bin Ali (Bukit Antarabangsa)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

Y.B. Dato' Teng Chang Khim D.P.M.S.  
(Sungai Pinang)

Y.B. Tuan Iskandar Bin Abdul Samad (Chempaka)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi (Sijangkang)

Y.B. Puan Dr. Daroyah Binti Alwi (Sementa)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/I Veraman (Kota Alam Shah)

Y.B. Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad (Seri Setia)

Y.B. Tuan Amirudin Bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Tuan Zaidy Bin Abdul Talib (Taman Templer)

Y.B. Tuan Mohd Shafie Bin Ngah (Bangi)  
**(Timbalan Speaker)**

Y.B. Datuk Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail, D.P.P.N. (Kajang)

Y.B. Puan Hajah Rodziah Binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Puan Dr. Halimah Binti Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Abd Rani Bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Dr. Yaakob Bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/I Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Haniza Binti Mohamed Talha (Taman Medan)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi Bin Haji Shafiei (Sri Muda)

Y.B. Tuan Sallehen Bin Mukhyi (Sabak)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Khasim Bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Hasbullah Bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Puan Noor Hanim Binti Ismail (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin Bin Haji Hassan (Tanjung Sepat)

Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Razaly Bin Hassan (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Tan Pok Shyong (Pandamaran)

Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)

Y.B. Tuan Hasnul Bin Baharuddin (Morib)

Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Teluk Datuk)

Y.B. Tuan Rajiv A/I Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)

Y.B. Dato' Mohd. Shamsudin Bin Lias  
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)

Y.B. Dato' Haji Amiruddin Bin Setro  
D.P.M.S., A.S.A. (Jeram)

Y.B. Datuk Abdul Shukur Bin Haji Idrus  
PMW., PGDK., K.M.N., S.I.S., A.S.D.K. (Kuang)

Y.B. Tuan Sulaiman Bin Abdul Razak  
S.M.S., K.M.N., P.P.N. (Permatang)

Y.B. Puan Halimatun Saadiyah Binti Bohan  
A.M.N., A.M.S., P.J.K. (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Kamarol Zaki Bin Haji Abdul Malik P.J.K.  
(Sungai Air Tawar)

Y.B. Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)

Y.B. Tuan Mat Nadzari Bin Ahmad Dahlan (Batang Kali)

Y.B. Tuan Shahrum Bin Mohd Sharif (Dengkil)

## **TIDAK HADIR**

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Datuk Haji Johan Bin Abd Aziz  
D.M.S.M., A.M.S., J.P. (Semenyih)

Y.B. Datuk Rosni Binti Sohar  
D.M.S.M., P.J.K. (Hulu Bernam)

Y.B. Tuan Jakiran Bin Jacomah  
A.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Bukit Melawati)

Y.A.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim  
P.S.M., S.P.M.S., D.S.A.P. (Pelabuhan Klang)

## **TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Haji Mohammed Kusrin Bin Haji Munawi DSIS., ASA., PPT.  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Haji Nik Suhaimi Bin Nik Sulaiman DIMP., ASA  
**Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Noordin Bin Sulaiman, DPMS., SIS.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

## **PEGAWAI BERTUGAS**

Puan Elya Marini Binti Darmin, AMS  
**Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)**

Encik Mohd Khairul Ashraff Bin Radzali  
**Ketua Penolong Setiausaha**

Encik Jurasmadi bin Pauzi  
**Penolong Setiausaha**

Encik Zawawi Bin Mohd. Arif  
**Penolong Setiausaha**

Puan Siti Salina Binti Muftar  
**Setiausaha Pejabat**

### **Bentara**

Encik Abdul Khalil bin Sabiis  
Encik Izal Izlan bin Misnon  
Encik Ramli bin Shaiai  
Encik Mohd. Redzuan bin Adam  
Encik Mohd. Saifulnizam bin Hasmawi  
Encik Ahmad Hafizan Yusof  
Encik Shahzrin bin Dzahari  
Encik Ibrahim bin Mat Mom  
Encik Hairudin bin Omar

### **Pelapor Perbahasan**

Puan Hajah Noridah Binti Abdullah  
Puan Noor Syazwani Binti Abd Hamid

( Dewan disambung semula)

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

**SETIAUSAHA DEWAN:** *Bismillahir rahmannir rahim. Asslamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan Salam Sejahtera. Aturan urusan mesyuarat bagi Mesyuarat Ketiga Penggal Kedua Dewan Negeri Selangor Ke13 bagi hari yang kelima 28 November 2014 dimulakan dengan bacaan doa'. (Bacaan doa').

**I. DOA**

**II. PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan urusan mesyuarat seterusnya, Pertanyaan-pertanyaan.

**TUAN SPEAKER:** Selamat pagi semua. Soalan 62 telah dijawab bersekali soalan 23. Bangi.

**Y.B. TUAN MOHD. SHAFIE BIN NGAH:** Tuan Speaker, soalan saya 63.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD. SHAFIE BIN NGAH  
(BANGI)**

**TAJUK : PENJELASAN KEBENARAN ISU SABOTAJ DAN GENGSTERISM  
DI LOJI TAKUNGAN AIR DAN CARA TANGANINYA**

63. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

(a) Sejauh manakah kebenaran wujud sabotaj dan *gengsterism* di loji-loji takungan air pada Hari Raya Aidilfitri lepas dan bagaimanakah perkara tersebut ditangani?

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABD. TALIB:** Tuan Speaker, terima kasih kepada Bangi yang bertanya. Sewaktu operasi pengepaman air kolam dijalankan bagi menambah kapasiti sumber air mentah, terdapat beberapa insiden sabotaj telah dilaporkan oleh para petugas dari Lembaga Urus Air Selangor, Kumpulan

Semesta Sdn. Bhd dan Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor. Berikut merupakan ringkasan insiden yang berlaku.

Pada 1 Oktober, jam 1 hingga 2 pagi, lokasi kejadian di Kolam Takungan MBI. Kejadian berlaku di Kolam Takungan MBI yang mana operasi pengepaman dioperasikan oleh pihak KSSB. Pihak operator seramai 2 orang didatangi dan diugut oleh orang yang tidak dikenali dan diugut dengan parang. *Starter* pam telah dicuri dan beberapa kabel utama pam dipotong dan telah mengakibatkan kegagalan pam untuk berfungsi.

11 September 2014 jam 11 malam, kejadian di Kolam Kambing Susu C,petugas KSSB melaporkan kunci pam enjin telah hilang dari milikan. Perkara tersebut disedari sewaktu operasi pengepaman hendak dimulakan. Bilangan pam yang terlibat adalah sebanyak 2 pam. Dilaporkan kunci tersebut telah dibuang oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Pada 4 September 2014, 4.00 hingga 6.30 petang. Kejadian berlaku di Kolam Tan Chong. Pam yang dioperasikan oleh KSSB telah mengalami kemusnahan. Dilaporkan paip tersebut telah dibakar oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Laporan polis telah dibuat di Balai Polis Rawang.

Dan yang terakhir 30 Ogos 2014, 6.30 petang, Kolam Takungan MBI. Sewaktu rondaan dibuat petugas mendapati 1 pam yang dioperasikan oleh JPS Negeri telah mengalami kerosakan seperti berikut :- *wiring* pam rosak, bateri hilang, *radiator* tersumbat, *switchboard* hilang,minyak pada tangki dicuri.

Satu bilik gerakan pemantauan bekalan air yang beroperasi selama 24 jam diwujudkan bagi menyelaras segala aktiviti dan laporan berhubung operasi pengepaman di tapak. Wakil daripada LUAS, KSSB, JPS Negeri, Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor, Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor , Majlis Daerah Kuala Selangor, Majlis Daerah Hulu Selangor dan Unit Bencana Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor bersama-sama mengambil tanggungjawab untuk memantau dan melaporkan segala maklumat dan mengambil tindakan segera bagi mengatasi masalah yang timbul di tapak.

Dalam masa yang sama Kerajaan Negeri juga telah menambah bilangan pasukan peronda yang terdiri daripada anggota RELA, anggota polis bantuan dan penguat kuasa Pihak Berkuasa Tempatan bagi membantu kawalan keselamatan pam-pam serta para petugas yang terlibat dalam operasi pengepaman.



**Y.B. TUAN MOHD. SHAFIE BIN NGAH:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Bangi.

**Y.B. TUAN MOHD. SHAFIE BIN NGAH:** Terima kasih Tuan Speaker dan terima kasih EXCO yang menjawab, yang menjelaskan tentang benar berlakunya sabotaj dan *gengsterism* di loji-loji air. Soalan saya ialah bila berlaku, apa bila laporan polis dibuat, sama ada berlaku tangkapan dan pendakwaan terhadap mereka yang melakukan sabotaj tersebut? Terima kasih.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABD. TALIB:** Terima kasih bagi pada yang bertanya. Setakat ni seperti mana yang disebutkan tadi, laporan-laporan polis telah pun dibuat dan saya akan menyemak berkenaan dengan apakah tindakan susulan selepas dari itu dan setakat ini tidak ada sebarang laporan tangkapan dan sebagainya.

**TUAN SPEAKER:** Seri Andalas.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Soalan saya, itu bermakna Polis sampai sekarang tidak buat apa-apa la dengan laporan-laporan yang telah dikemukakan kepada mereka. Adakah Kerajaan Negeri telah memanggil polis untuk mengadakan perbincangan sebab ini serius, ini *gengsterism* ini di antara satu-satu isu di dalam negeri Selangor telah pun dimajukan kepada semua kawasan. Istilah yang digunakan ini '*pow*', '*pow*', banyak '*pow-pow*' ini di dalam kawasan di mana kerja-kerja menyelenggara jalan pun mereka kena '*pow*' yang dikontrak, yang dibagi oleh kerajaan pun mereka '*pow*'. Adakah polis ambil tindakan, polis buat kerja dia di dalam hal ehwal ini?

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABD. TALIB:** Terima kasih di atas pertanyaan dan keprihatinan itu. Pihak kerajaan akan mengambil maklum dan melihat perkara ini dengan begitu serius. Insya-Allah.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah, Batang Kali.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Soalan no. 64.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN  
(BATANG KALI)**

**TAJUK : BIDANG PERINDUSTRIAN DAN PERDAGANGAN**

64. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- (a) Apakah fokus bidang perindustrian dan perdagangan negeri?
- (b) Bagaimanakah potensi bidang perindustrian dan perdagangan di tahun 2015?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker, sebenarnya soalan daripada Batang Kali telah pun dijawab semalam, semasa Penggulungan saya iaitu bidang, 5 bidang utama yang telah pun difokuskan oleh SSIC atau *Invest Selangor*. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Terima kasih. Kajang.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Puan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Peraturan 24 (2), saya ingin ambil soalan no. 65.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK SERI WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL  
(KAJANG)**

**TAJUK : TRAFIK DAN PENGURUSAN LALULINTAS**

65. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- (a) Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk memperbaiki sistem pengurusan trafik menerusi Pelan Induk Pengurusan Trafik Selangor.
- (b) Minta nyatakan status terkini projek lebuh raya bermasalah seperti projek lebuh raya KIDEX.

- (c) Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk mewujudkan jaringan pengangkutan yang mengutamakan kepentingan rakyat.

**TUAN SPEAKER:** Saya benarkan.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABD. TALIB:** Tuan Speaker, terima kasih kepada yang bertanya. Kerajaan Negeri sedar tentang keperluan memperbaiki sistem pengurusan trafik di Negeri Selangor melalui langkah jangka sederhana dan juga jangka panjang. Walau bagaimanapun untuk makluman Tuan Speaker dan Dewan, Pelan Induk Pengurusan Trafik Selangor yang dinyatakan, belum dirangka. Masa ini Kerajaan Negeri Selangor melalui JPBD Negeri Selangor sedang menjalankan Kajian *Transit Oriented Development* (TOD) untuk merangka pembangunan di sekitar stesen transit seperti MRT, LRT, komuter dan juga rangkaian laluan bas. Kajian TOD ini akan menetapkan jenis dan kepadatan yang dibenarkan mengikut kesesuaian pembangunan sekitar stesen-stesen transit. Ini akan menggalakkan penggunaan pengangkutan awam di kalangan penduduk yang merupakan salah satu langkah untuk memperbaiki pengurusan trafik terutamanya di pusat bandar. Di samping itu juga Kajian TOD ini mengenal pasti elemen-elemen lain yang menggalakkan memperbaiki sistem pengurusan trafik dengan penyediaan *feeder bus* yang secara langsung membantu memperbaiki sistem trafik di Negeri Selangor. Kajian impak lalu lintas juga merupakan kaedah yang digunakan bagi mengenal pasti tahap kesesakan jalan raya untuk pembangunan baru. Laporan kajian akan memberi beberapa penyelesaian alternatif atau penambahbaikan untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas yang dijalankan. Ini menjawab persoalan (a) dan (b) yang berkaitan dengan KIDEX nanti akan dijawab susul oleh soalan yang lain oleh Dato' Menteri Besar.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Walaupun usaha dibuat untuk membuat TOD di kawasan MRT dan LRT tetapi maklumlah, 80% Negeri Selangor jauh daripada mana-mana stesen MRT dan LRT. Jadi apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk menambah baik pengangkutan secara umumnya supaya kawasan-kawasan ini yang jauh daripada mana-mana stesen MRT atau LRT kita boleh mengatasi kesesakan secara umumnya.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABD. TALIB:** Terima kasih kepada yang bertanya. Di peringkat Negeri Selangor seperti mana yang disebutkan tadi selain daripada TOD, kita juga menambah baik sistem pengangkutan awam yang kita dalam ada satu majlis pengangkutan awam yang ditubuhkan di peringkat negeri Selangor yang di dalamnya kita ada wakil-wakil daripada agensi-agensi seperti SPAD, begitu juga dengan LLM dan sebagainya, maka daripada situlah nanti kita akan mengambil segala permasalahan dan juga mungkin cadangan-cadangan penyelesaian yang akan dilakukan.

**TUAN SPEAKER:** Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih Puan Speaker. Soalan saya ke 66.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK : KONSEP *FIRST-IN-FIRST OUT* DALAM PENGURUSAN TANAH**

66. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Kerajaan telah memperkenalkan konsep '*First-In-First-Out*' (FIFO) dalam pengurusan tanah beberapa tahun dahulu. Bagaimana konsep ini diterjemahkan ke dalam carta aliran kerja di setiap PDT dan PTGS?
- b) Apakah mekanisme-mekanisme untuk semak dan pantau keberkesanan pelaksanaan konsep ini?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Yang Berhormat Speaker dan Yang Berhormat Kampung Tunku. Terima kasih atas persoalan berhubung konsep '*First-In-First-Out*' dalam pengurusan tanah. Yang Berhormat Tuan Speaker, Kerajaan Negeri melaksanakan konsep '*First-In-First-Out*' dalam setiap permohonan atau urusan di Pejabat Tanah dan Galian Selangor dan Pejabat Tanah dan Daerah. Konsep ini dilaksanakan bagi mengelakkan berlakunya proses pendaftaran yang tidak mengikut giliran dan menimbulkan ketidakpuasan hati pelanggan. Ini mengambil kira setiap dokumen yang dikemukakan hendaklah lengkap dan menepati senarai semak serta menepati syarat-syarat yang ditetapkan mengikut Kanun Tanah Negara 1995, Kaedah-kaedah Tanah Selangor 2003, keputusan Pihak Berkuasa Negeri dan Pekeliling-pekeliiling serta Arahan-arahan PTGS yang berkuat kuasa. Konsep ini dilaksanakan bagi tujuan

mengelakkan karenah birokrasi dan salah guna kuasa dalam pentadbiran Tanah di Negeri Selangor. Salah satu contoh urusan permohonan tanah yang menggunakan konsep '*First-In-First-Out*' adalah urusan Pindah Milik Tanah 1 Hari dan Carta Aliran Kerja Urusan juga turut dikemukakan. Salah satu mekanisme yang digunakan bagi menyemak dan keberkesanan pelaksanaan konsep '*First-In-First-Out*' di PTGS dan PTD ialah melalui Laporan Bulanan Pindah Milik 1 Hari yang dijana oleh sistem pendaftaran tanah berkomputer setiap bulan. Laporan tersebut merekodkan jumlah perserahan yang diterima dan didaftarkan dalam tempoh 1 hari. Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah perserahan bagi semua urusan tanah di PTGS dalam sehari ialah sebanyak 1,200 perserahan. Jumlah tersebut merupakan yang tertinggi di Malaysia berbanding dengan negeri-negeri yang lain. Namun demikian, PTGS dan Pentadbir Tanah telah melaksanakan PMT dalam tempoh sehari mengikut sasaran yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri dan memenuhi kehendak pelanggan. Laporan pencapaian Pindah Milik Tanah 1 Hari di Negeri Selangor bagi 2010 hingga Oktober 2014 adalah seperti berikut :- Pada 2010, jumlah perserahan yang diterima 89.62%, 2011; 96.77%, peratus pencapaiannya dan sehingga Oktober 2014, pencapaiannya ialah pada kadar 95.8%. Ini membuktikan konsep ini telah berjaya mencapai matlamat yang dihasratkan. Dalam masa yang sama PTG dan PTGS juga melaksanakan pendaftaran semula untuk dokumen-dokumen yang telah ditolak dalam tempoh 1 hari dengan bayaran nominal sebanyak RM20.00 sahaja. Contohnya bayaran pendaftaran untuk urusan pindah milik tanah bernilai RM1 juta ke atas, sekiranya ditolak jika tidak lengkap, fi yang dikenakan mengikut kadar tanah Selangor ialah RM1,500.00. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri hanya mengenakan RM20.00 sahaja berbanding fi sebenar kerana bagi mengurangkan bebanan di pihak pelanggan. Akhirnya mengikut Pekeliling PTGS Bil. 16 Tahun 2010 bagi mengelakkan lambakan dokumen yang tidak dipungut Pentadbiran Tanah di Negeri Selangor telah mengambil inisiatif dengan menetapkan tempoh pungutan dokumen dalam masa 7 hari waktu bekerja. Sekiranya pelanggan tidak memungut dalam tempoh tersebut, denda pungutan lewat akan dikenakan hanya RM100.00 sahaja bagi setiap hak milik. Terima kasih.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar sama ada mungkin satu pemantauan atau sistem pemantauan yang lebih lengkap dijalankan terhadap keseluruhan proses ini

khususnya melalui sistem berkomputer dan *internet* di mana orang ramai dan juga khususnya para pelanggan dan firma-firma guaman boleh *access* kepada jadual waktu ini dan mereka akan dimaklumkan secara *on-line* untuk tentang *progress* ataupun status permohonan dan penyerahan mereka dan pada masa yang sama sekiranya ada dokumen yang telah lengkap mereka akan ambil tepat pada waktunya tanpa perlu membayar denda.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Yang Berhormat Kampung Tunku. Seperti yang saya nyatakan tadi, kejayaan sistem '*First-In-First-Out*' ini telah dapat dicatatkan melalui urusan pindah milik setakat ini tetapi kita juga sedia maklum dalam urusan dengan Pejabat Tanah ini terdapat 89 jenis urusan yang lain seperti pecah sempadan, cantuman, pindah syarat nyata dan sebagainya. Jadi ada beberapa urusan yang berlaku di Pejabat Tanah. Pada ketika ini konsep ini dapat dilaksanakan untuk urusan pindah milik sahaja. Walau bagaimanapun saranan Yang Berhormat tadi, untuk makluman Yang Berhormat PTG tetap memantau melalui Bahagian Korporat di PTG pada setiap bulan ke atas 9 daerah di Negeri Selangor untuk memastikan urusan-urusan yang lain ini juga dapat mencapai sasaran kerja yang telah ditetapkan dan cadangan Yang Berhormat Kampung Tunku supaya ia nya boleh dibuat secara *on-line* dan pihak yang memohon dapat memantau, ini saya percaya boleh dipertimbangkan oleh pihak PTG. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Tanjung Sepat.

**Y.B. TUAN IR HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN:** Terima kasih, Tuan Speaker, Soalan 67.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN  
(TANJUNG SEPAT)**

**TAJUK : PENCEMARAN**

67. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah komitmen kerajaan untuk mengatasi pencemaran kualiti air, udara dan bau khususnya di sungai-sungai dan pantai-pantai?
- b) Berapakah kos yang telah diperuntukkan dan dibelanjakan bagi melaksanakan program pemulihan alam sekitar?

- c) Apakah kerajaan berjaya memelihara kawasan hutan simpan di Selangor dari dicerobohi?

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Terima kasih, Tanjung Sepat. Puan Speaker, bagi mengatasi pencemaran kualiti air, udara dan bau di sungai-sungai dan pantai-pantai yang mana berpunca dari pelepasan buangan dari kenderaan, aktiviti industri perniagaan dan komersial, pelepasan kumbahan serta pembuangan sisa pepejal. Kerajaan Negeri mempunyai komitmen yang tinggi di dalam menyelesaikan masalah pencemaran tersebut dengan mengambil langkah-langkah sewajarnya. Antaranya, adalah :

1. Mempertingkatkan penguatkuasaan undang-undang bagi kawalan pencemaran air, udara dan bau di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya oleh Jabatan Alam Sekitar.

Selain itu, agensi-agensi lain juga turut menguatkuasakan undang-undang di bawah bidang kuasa mereka seperti Akta Kerajaan Tempatan 1974, Enakmen Lembaga Urus Air Selangor, Kanun Tanah Negara 1965, Akta Perhutanan Negara 1984 dan Enakmen Perladangan Unggas Negeri Selangor 2007. Jabatan Alam Sekitar menjalankan program penguatkuasaan berjadual ke atas kilang-kilang yang dikenal pasti berisiko melakukan pencemaran air atau udara bagi memastikan kilang-kilang tersebut sentiasa mematuhi peraturan, Jabatan Alam Sekitar serta lain-lain agensi berkaitan juga turut menjalankan program pemantauan dan rondaan darat ke atas kawasan-kawasan berisiko tinggi berlaku aktiviti yang boleh mengakibatkan pencemaran kepada kualiti air, udara dan bau di sungai-sungai dan pantai-pantai Negeri Selangor bagi mengesankan dan mengelakkan berlakunya pencemaran. Selain daripada itu, aktiviti program pendidikan dan kesedaran kepada orang awam, pihak industri, para petani dan pihak-pihak yang berkepentingan dilaksanakan seperti mengadakan seminar, bengkel, ceramah dan pameran bagi memastikan mereka memberi kerjasama dan usaha-usaha penjagaan alam sekitar dengan tidak melakukan sebarang aktiviti yang boleh menyumbang kepada pencemaran kepada kualiti air, udara dan bau. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, dari 1 Januari 2014 sehingga 17 November 2014, Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor telah menerima sebanyak 2,023 aduan yang terdiri daripada aduan pencemaran air, termasuklah pencemaran badan air seperti sungai atau pantai, udara, bunyi bising, buangan sisa pepejal dan lain-lain. Pada tempoh tersebut tindakan undang-undang yang telah diambil kerana melakukan kesalahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekitar sekeliling 1974 ialah sebanyak 87 kes yang telah diambil tindakan pendakwaan

di mahkamah, di mana 63 kes adalah bagi kesalahan pencemaran air dan udara dan manakala tindakan kompaun ialah sebanyak 528 kompaun telah dikeluarkan. Tambahan daripada itu, bagi memastikan sumber air di Selangor sentiasa bersih dan selamat untuk digunakan Lembaga Urus Air Selangor ataupun LUAS menjalankan aktiviti pemantauan dan siasatan berkala bagi memastikan sumber air dipelihara daripada pelbagai aktiviti yang memberi kesan negatif kepada kuantiti dan kualitinya. Dengan izin Puan Speaker, saya ingin jawab bahagian kedua ini bersekali dengan soalan 74 yang dibangkitkan oleh YB Balakong. Lembaga Urus Air Selangor ataupun LUAS menjalankan penguatkuasaan, kuasa perundangan yang diperuntukkan secara holistik dalam penjagaan sumber air dan antaranya ialah :

1. Pelesenan kemasukan atau pelepasan bahan pencemar Negeri Selangor.
2. Pemberian kebenaran bertulis bagi aktiviti perubahan sumber.
3. Pengeluaran notis pemberitahuan kesalahan, kompaun atau pendakwaan bagi setiap kesalahan yang berkaitan dengan sumber air.

Untuk kes pencemaran yang berlaku pada Ogos 2013. Pendakwaan telah dibuat dan kini kes sedang dalam peringkat perbicaraan di Mahkamah Seksyen Shah Alam. Ini adalah kes tahun lepas di mana ada penutupan loji pembersihan air di Sungai Selangor. Dalam pada itu, usaha penjagaan dan pemuliharaan sumber air di pantai dan dikuatkuasakan melalui 3 Jawatankuasa :

1. Jawatankuasa Pengurusan Lembangan Sungai.
2. Pasukan Petugas Lembangan Sungai.
3. Jawatankuasa Kecemasan Pencemaran Sumber Air.

Selain daripada itu, beberapa program sedang dilaksanakan :

1. Mewartakan kawasan rizab sungai sebagai zon perlindungan bagi tujuan kawalan fizikal dan kualiti air sungai. Tiada aktiviti berisiko tinggi yang menyumbang kepada pencemaran khususnya kepada sungai-sungai yang merupakan sumber air untuk Negeri Selangor dibenarkan di kawasan rizab sungai yang telah diwartakan.



2. Kajian semula inventori pemetaan pencemaran dengan penganalisan risiko tahap pencemaran dan menetapkan syarat-syarat yang lebih ketat.
3. Pembangunan, dengan izin *decision support system* (DSS) bagi pengurusan lembangan sungai Selangor khasnya secara holistik di mana pelepasan air empangan akan dilaksanakan secara optimum dengan mengambil kira keadaan semasa aliran sungai dan juga ramalan hujan kawasan tadahan dan DSS ini akan diaplikasikan di sungai-sungai lain pada masa yang terdekat.

Untuk makluman Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar diberi peruntukan sebanyak RM450,000.00 untuk tahun ini untuk melaksanakan program pemulihan alam sekitar dan aktiviti-aktiviti pendidikan dan kesedaran kepada orang awam. Manakala, dengan sokongan yang mantap daripada Dato' Menteri Besar Y.A.B. Bukit Antarabangsa, Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar untuk tahun depan diberi peruntukan RM1,000,000.00 untuk melaksanakan aktiviti yang berkaitan pemulihan dan juga pendidikan. Pada masa yang sama, jabatan-jabatan yang berkenaan seperti Lembaga Urus Air Selangor, Jabatan Perhutanan Negeri Selangor juga mempunyai peruntukan tertentu untuk menjalankan aktiviti-aktiviti pemulihan. Akhirnya kerajaan Negeri Selangor setakat ini dapat memelihara kawasan hutan simpan di Negeri Selangor dengan mengekalkan 31.6 % daripada jumlah kawasan tanah di Negeri Selangor dengan mewartakan kawasan ini sebagai hutan simpan kekal.

**Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Tanjung Sepat.

**Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN:** Terima kasih kepada YB EXCO atas jawapan yang diberikan. Seperti mana yang dinyatakan tadi, antara faktor-faktor pencemaran yang berlaku di sungai-sungai yang dinyatakan tadi lebih tertumpu kepada kawasan tadahan air dan ini adalah merupakan salah satu faktor ataupun perkara yang perlu diambil serius dan tahniah saya ucapkan. Cuma persoalan saya sekarang ini mengenai masalah pencemaran bau dan kualiti air yang telah pun sekian lama berlakunya di kawasan Tanjung Sepat ya, masalah ini berlaku telah sudah lama dan seolah-olah tidak ada tindakan yang dilakukan secara holistik bagi menyelesaikan masalah ini. Kerana kita tahu bahawa tadi, semalam kita dinyatakan oleh YB EXCO mengenai bahawa *Standco* YB akan menganjurkan ataupun dalam bajet pun ada menyatakan bahawa aktiviti *eco-tourism* di kawasan-kawasan desa ini akan dilaksanakan,

maka sebab itu saya ingin pandangan daripada YB apakah langkah-langkah yang holistik yang perlu dilaksanakan bagi menghilangkan masalah pencemaran air, kualiti air khususnya di sungai-sungai dan pantai-pantai dan juga masalah bau yang menggagalkan menetapkan pelancong-pelancong ataupun pengunjung-pengunjung telah hadir di kawasan *eco-tourism* khususnya di kawasan Tanjung Sepat.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Terima kasih Tanjung Sepat, mungkin saya boleh menterjemahkan soalan yang Tanjung Sepat apa *point* Tanjung Sepat adalah khasnya berkenaan tentang ladang-ladang khinzir. Betul?. So, kita pergi *straight to the point*. Saya rasa Dewan ini sudah di maklum lebih awal bahawa ladang-ladang khinzir yang berada bukan sahaja di Tanjung Sepat tetapi juga di Morib. Perlu disatukan dan dimasukkan dalam dengan izin *modern pig farm* projek yang pada masa ini Jawatankuasa yang bertanggungjawab itu dipengerusikan oleh YB EXCO Taman Templer dan dalam Jawatankuasa tersebut juga ada beberapa wakil seperti daripada Pejabat saya, Pejabat EXCO Seri Kembangan dan juga ADUN-ADUN yang berkenaan khasnya YB Tanjung Sepat dan juga Sungai Pelek, Morib juga turut dalam Jawatankuasa tersebut. Adakah kerajaan Negeri Selangor mempunyai dengan izin *political will* daya politik untuk menjalankan projek ini. Saya rasa memang daya politik ini ada, cuma kita memerlukan sedikit masa, bukan senang untuk satu, mendapat satu penyelesaian yang menyeluruh untuk mengumpulkan semua peladang-peladang khinzir di kawasan Kuala Langat dan juga khasnya di Morib dan juga Tanjung Sepat. Keduanya, apa yang kita boleh buat sementara ini, satu Jabatan Veterinar menjalankan pemantauan di kawasan perladangan khinzir secara berkala. Keduanya kalau kita ada aduan mungkin ada aduan tentang pelepasan atau bau. Semua Jabatan akan turun termasuk Jabatan Alam Sekitar, Lembaga Urus Air Selangor, Jabatan Veterinar, Majlis Daerah dan sebagainya untuk mengenal pasti di mana punca ataupun *apparent discharge* yang dikeluarkan oleh ladang yang mana dan sebagainya. Ketiganya ada beberapa penyelesaian jangka masa pendek yang juga dicadangkan oleh pihak EXCO termasuk menggunakan *enzyme* untuk mengurangkan bau ataupun untuk ladang-ladang tersebut membuat *treatment* dengan izin sebelum ia nya dilepaskan di sungai ataupun di kawasan-kawasan tertentu. Ini adalah cadangan yang dikatakan jangka *you know short term solution* dengan izin tetapi itu bukan penyelesaian yang menyeluruh. Jadi saya dengan rakan-rakan EXCO kita yakin mulai tahun depan kita boleh melihat proses untuk memindah peladang-peladang khinzir di kawasan Kuala Langat akan bermula, pada masa yang sama kita telah dengan izin *short list* beberapa cadangan daripada pihak swasta yang telah memberi cadangan yang saya rasa agak mantap kepada

kerajaan Negeri Selangor dan akan dikemukakan di peringkat MTES dan juga MMKN.

**Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Semenyih. Tidak hadir. Seri Andalas.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Soalan No.69.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM  
(SERI ANDALAS)**

**TAJUK : PENYELENGGARAAN JALAN, LONGKANG, PEMBERSIHAN  
RUMPUT MILIK JABATAN KERJA RAYA DAN JABATAN PARIT  
DAN SALIRAN.**

69. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor :-

- a) Bagaimana Pihak Berkuasa Tempatan mengatasi masalah penyelenggaraan jalan, longkang, pembersihan rumput milik Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Jabatan Parit dan Saliran (JPS) yang kadangkala kadangkala berkeadaan tidak terurus sehingga mengaibkan Pihak Berkuasa Tempatan itu sendiri?

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Tuan Speaker, terima kasih kepada Seri Andalas. Bagi mengatasi masalah tentang penyelenggaraan jalan, longkang, pembersihan rumput milik Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Parit dan Saliran. Contohnya, saya bagi 2 contoh, di MBSA, MBSA akan menghantar surat yang disertakan bersama laporan bergambar dan notis yang dikeluarkan di bawah Seksyen 74 Akta Kerajaan Tempatan 1976 yang meminta pihak terbabit mengambil tindakan pembersihan dalam tempoh yang telah ditetapkan dalam notis tersebut. Bagi MPK, cara dia, dia ada satu Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam yang diadakan pada setiap bulan bersama dengan beberapa Jabatan berkaitan seperti JKR dan JPS untuk membincangkan isu berbangkit termasuk isu jalan, longkang, pembersihan rumput dimiliki oleh Jabatan Kerja Raya dan JPS. Kerajaan Negeri juga difahamkan bahawa penduduk ataupun rakyat akan terus melaporkan aduan mereka kepada PBT walaupun ia di bawah jagaan JKR dan JPS. Justeru itu, Kerajaan Negeri akan

berbincang dengan pihak JKR, JPS supaya satu mekanisme yang lebih berkesan dapat dilaksanakan. Sekian. Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Seri Andalas dulu.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Terima kasih Speaker. Saya nak tanya Y.B. EXCO, masalah ini ialah kerja-kerja yang kita hadapi selalu untuk jalan-jalan utama di dalam kawasan-kawasan masing-masing yang nampak selalu tidak diselenggarakan oleh JKR ataupun JPS. Bila tanya mereka, dia kata kontrak dia ialah untuk bersihkan satu tahun dua kali ke satu tahun tiga kali saja. Itu kontrak dia sudah diberikan. Soalan saya, tahukah JKR pada waktu sekarang iklim ataupun *climate changes* telah pun berlaku dan hujan dan matahari yang selalu ada dengan keadaan sekarang sudah tukar dah. Kalau *you* kata potong rumput dua kali satu tahun, kontrak itu tak guna lagi. Adakah kerajaan negeri akan teliti kontrak-kontrak yang telah pun ditandatangani lama-lama ini dengan JKR dan JPS untuk tukar dia punya modus operandi tentang jalan-jalan yang di bawah mereka?

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Speaker, saya tak pasti cara JKR ataupun JPS untuk menyelenggarakan jalan ataupun sungai tersebut. Tapi, apa yang saya maksudkan tadi dalam jawapan saya adalah kerana banyak aduan telah disalurkan kepada PBT walaupun bukan di bawah kawasan operasi PBT. Oleh itu, cadangan awal di peringkat Kerajaan Negeri adalah kita akan berbincang dengan JPS dan JKR supaya adakah kemungkinan pada masa hadapan supaya kontrak boleh dibagikan kepada PBT supaya PBT akan jaga kawasan operasi JKR dan JPS. Itu yang saya maksudkan.

**TUAN SPEAKER:** Soalan 70 telah dijawab bersekali dengan soalan 3.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Puan Speaker, soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Dusun Tua.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Penting ni.

**TUAN SPEAKER:** Dusun Tua.

**Y.B. TUAN ROZALY BIN HASSAN:** Terima kasih Puan Speaker. Soalan saya no. 71.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN  
(DUSUN TUA)**

**TAJUK : HUBUNGAN ANTARA AGAMA**

71. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah usaha-usaha yang telah dan akan dijalankan oleh kerajaan negeri bagi merapatkan lagi jurang kefahaman antara agama bagi mempertingkatkan lagi suasana saling menghormati?

**Y.B. TUAN DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Puan Speaker. Bagi tujuan merapatkan lagi hubungan kefahaman antara agama bagi mempertingkatkan lagi suasana saling hormat-menghormati di antara penganut-penganut agama dan juga kaum di negeri Selangor.

Usaha-usaha yang dirancang oleh Kerajaan Negeri bagi merapatkan lagi jurang kefahaman antara agama adalah dengan menganjurkan program-program perayaan bagi setiap agama secara terbuka bagi membolehkan semua masyarakat di Negeri Selangor dapat bersama-sama merasai dan memahami adat budaya agama yang lain. Ini akan meningkatkan (secara tidak langsungnya) rasa hormat-menghormati antara kaum kerana masing-masing mempunyai cara tersendiri untuk menyambut hari kebesaran masing-masing.

Di samping itu di dalam program-program merakyatkan ekonomi di negeri Selangor juga, pihak negeri menggalakkan supaya program-program yang melibatkan pelbagai penganut agama dan juga pelbagai kaum ini dapat diadakan program-program bersama supaya secara tidak langsungnya kita dapat memahami dan mengambil kesempatan untuk belajar ataupun mengetahui cara hidup, adat resam sesuatu kaum dan juga penganut-penganut agama yang lain yang akhirnya juga ini secara tidak langsung dapat melahirkan rasa hormat-menghormati di antara kaum.

Kerajaan negeri juga bercadang untuk mengadakan satu perjumpaan bersama semua ketua-ketua agama di negeri Selangor untuk mendapatkan kesepakatan dalam hal-hal berkaitan dengan agama.

Bagi Jabatan Agama Islam Negeri Selangor (Bahagian Dakwah) dengan kerjasama BRO Shah Alam *Consultancy and Services*, setelah mengadakan

program ziarah muhibah ke rumah-rumah ibadat bagi pada 22 September 2014, program ini diketuai oleh *brother* Syakirin yang disertai oleh 5 orang peserta yang terdiri daripada pegawai-pegawai dakwah, pensyarah kolej, guru, kakitangan awam dan jawatankuasa masjid. Ini adalah dalam perancangan supaya akhirnya kita dapat berbincang dengan lebih baik dan keharmonian antara agama ini dapat diperbaiki di masa akan datang.

Saya kira dengan hasrat kerajaan negeri untuk mewujudkan Institut Darul Ehsan sebagai wahana untuk merangka kebijakan-kebijakan serta menerapkan pemikiran progresif demi kecemerlangan di Selangor ini. Ianya juga boleh diambil kesempatan untuk kita juga memikirkan bagaimana di negeri Selangor (negeri yang maju ini) bukan sahaja isu-isu pembangunan yang ada, tetapi juga pembangunan sosial yang sudah seharusnya secara tidak langsung bagaimana kita dapat mewujudkan satu cara untuk menambah baik dan memupuk kesefahaman kaum dan toleransi antara agama di Negeri Selangor ini dapat terus diperbaiki dan akhirnya kerancangan pembangunan ini dapat kita rasai bersama-sama di Negeri Selangor. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Puan Speaker. Berhubung dengan hubungan antara agama ini, soalan tambahan saya ialah apakah hubungan antara agama sesama kaum sekarang ini lebih terjejas jika dibandingkan dengan yang sebelum ini? Dan apakah puncanya? Maksud saya, hubungan sekarang jika dibandingkan dengan dulu, tahap sekarang ini lebih bagus ke atau sebelum ini lebih bagus? Ini nak tahu.

**Y.B. TUAN DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Pada pandangan saya, dengan adanya kerajaan Pakatan Rakyat yang daripada segi pentadbirannya melibatkan pelbagai kaum dan pelbagai agama yang ada pada hari ini, dia memberikan suatu impak yang cukup baik terutamanya program-program Merakyatkan Ekonomi Negeri Selangor yang kita anjurkan di negeri Selangor ini juga melangkaui batasan-batasan kaum dan juga batasan-batasan penganut agama. Selagi ianya adalah rakyat Negeri Selangor, maka program-program ini memberikan impak secara langsung kepada rakyat Negeri Selangor. Saya kira secara keseluruhannya baik dan perkara ini perlu ditambahbaikkkan lagi dengan adanya pentadbiran yang pada hari ini. Terima kasih.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Soalan tambahan, Puan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Permatang.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Terima kasih. Pasal tak pergi PWTC dia pakai kat sini. Terima kasih Puan Speaker. Saya nak bertanya pada Exco. Satu daripada kaedah barangkali yang boleh / yang biasa kita gunakan untuk merapatkan hubungan atau saling menghormati antara agama ini ialah dengan penguatkuasaan undang-undang. Itu satu cara yang sesuai. Jadi,

**TUAN SPEAKER:** Penjelasan ke soalan tambahan ni?

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Baru nak bagi soalan.

**TUAN SPEAKER:** Soalan, soalan.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya nak tanya sama ada Yang Berhormat setuju bahawa dalam menguatkuasakan undang-undang ini di mana dalam Akta Hasutan yang baru ini memperkuatkan lagi dengan meletakkan menghormati agama-agama Islam, agama-agama lain sebagai satu usaha untuk pastikan semua keharmonian agama ini dapat dihargai dan dapat dikekalkan dalam negara kita. Maknanya penguatkuasaan undang-undang itu, adakah Yang Berhormat bersetuju Akta Hasutan ini menguatkan lagi keharmonian agama dengan meletakkan satu daripada tambahan, meletakkan bahawa agama Islam dan agama lain mesti dihormati sebagai satu syarat, kalau tidak akan diambil tindakan dalam Akta Hasutan ini. Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih. Saya kira faktor undang-undang ini adalah satu perkara yang sangat penting dan penguasaannya juga akhirnya dengan adanya undang-undang itu memberikan satu impak yang baik. Cuma yang saya lihat, bagaimana kita boleh meletakkan sesuatu akta ataupun undang-undang itu dapat dijalankan dengan sebaik mungkin. Kita tidak mahu ada satu akta tetapi ianya digunakan oleh orang-orang yang berkepentingan ataupun kumpulan-kumpulan yang berkepentingan ataupun parti-parti politik yang berkepentingan yang akhirnya dia bukan sahaja dapat menambahbaikkan saling hormat-menghormati, tetapi ia memberikan kesan impak yang tidak baik kepada masyarakat dan juga politik serta sistem pemerintahan di negara kita. Terima kasih.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Hulu Bernam?

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Puan Speaker, Peraturan Tetap 24(2) saya mohon mengambil soalan Hulu Bernam.

**TUAN SPEAKER:** Saya benarkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK ROSNI BIN SOHAR  
(HULU BERNAM)**

**TAJUK : PERUBATAN PERCUMA WARGA EMAS**

72. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah statistik terkini pemberian khidmat perubatan percuma kepada warga emas?
- b) Berapakah jumlah warga emas yang telah menerima perkhidmatan ini?

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Puan Speaker. Kerajaan negeri buat masa ini belum mempunyai program khusus bagi khidmat perubatan percuma kepada warga emas. Namun, program bantuan kesihatan sihat Selangor Kerajaan Negeri telah membantu ramai pesakit yang mana terdiri daripada semua kategori rakyat Selangor termasuk warga emas yang kurang bernasib baik dalam mendapatkan bantuan dan rawatan perubatan.

Di antara bantuan yang disediakan di bawah program ini adalah untuk rawatan dialisis, katarak mata, pembedahan kecil serta lain-lain rawatan dan kaki palsu. Data menunjukkan 94% penerima bantuan program ini adalah terdiri daripada warga emas. Jumlah kelulusan adalah bergantung kepada bantuan yang diluluskan iaitu menepati syarat-syarat bantuan dan baki peruntukan yang masih ada.

Jumlah permohonan daripada warga emas bagi tahun ini sehingga 15 November 2014 adalah sejumlah 159 orang permohonan bagi pelbagai jenis rawatan. Daripada 159 permohonan ini, 80 permohonan adalah daripada warga emas dan



diluluskan serta menepati syarat-syarat bantuan yang telah ditetapkan. Daripada 80 permohonan tersebut, rawatan dialisis adalah sebanyak 50 permohonan, katarak mata (14 permohonan), pembedahan kecil (5 permohonan), kaki palsu (1 permohonan) dan lain-lain rawatan (10 permohonan).

**TUAN SPEAKER:** Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Terima kasih Puan Speaker. Soalan 73.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA  
(TAMAN MEDAN)**

**TAJUK : KESAN GOODS & SERVICES TAX (GST)**

73. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah usaha kerajaan negeri dalam menghadapi tahun 2015 apabila dilaksanakan GST, khususnya bagi rakyat yang menjadi pengguna?
- b) Jelaskan di mana dalam Belanjawan 2015 diperuntukkan wang bagi meredakan kesan GST?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Puan Speaker, Kerajaan Negeri Selangor sebagai sebuah kerajaan yang sangat peduli rakyat sesungguhnya sangat merasa terkesan hasil daripada pengenaan Sistem Percukaian GST kelak. Anggaran perbelanjaan 2015 sebanyak RM2.422billion akan dimanfaatkan sebaiknya bagi mengurangkan kesan kenaikan harga akibat pengenaan cukai tersebut. Dalam mendepani pengenaan GST, kerajaan negeri telah merangka dasar fiskal dengan cara meningkatkan hasil negeri dan membelanjakan hasil tersebut untuk kebajikan ekonomi rakyat. Terjemahan perbelanjaan ini dinyatakan dalam bentuk pelbagai program. Antaranya pendidikan, sosioekonomi dan keusahawanan seperti yang terdapat dalam Belanjawan 2015. Dalam belanjawan yang dicadangkan itu, kerajaan negeri bersedia meneruskan beberapa program yang memberi impak kepada rakyat selain mengadakan program-program baru yang akan meringankan beban rakyat. Beberapa program dan inisiatif baru yang terdapat dalam Belanjawan 2015 ialah:-

- (i) Tabung Biasiswa Selangorku sebanyak RM10juta setahun;

- (ii) Program Bantuan Sara Diri Anak Selangor berjumlah RM12juta;
- (iii) Peruntukan biasiswa sebanyak RM5juta untuk pengajian di peringkat Doktor Falsafah dalam bidang strategik dan kritikal;
- (iv) Mewujudkan 10 biasiswa Sagongtasi untuk anak-anak Orang Asli;
- (v) Peruntukan RM3juta di bawah sektor pengangkutan untuk mengadakan perkhidmatan awam percuma di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan terpilih; dan
- (vi) Peruntukan RM10juta untuk sektor pelaburan dan perniagaan bagi membolehkan rakyat yang terlibat memasarkan produk dan membina rangkaian pemasaran ke peringkat nasional dan global.

Kerajaan negeri juga memutuskan beberapa program dan inisiatif sedia ada dikekalkan dan yang ada juga yang diperkukuhkan dengan penambahan peruntukan. Antaranya :-

- (i) Hadiah Anak Masuk Universiti diperuntukkan RM8juta setahun;
- (ii) Kemudahan pinjaman pelajaran boleh ubah sebanyak RM16juta setahun;
- (iii) Pemberian Air Percuma diperuntukkan RM165 juta setahun;
- (iv) Skim TUNAS sebanyak RM4 juta setahun (meningkat dari RM3juta pada tahun 2014);
- (v) Program Pembasmian Kemiskinan sebanyak RM9.368 juta setahun;
- (vi) Program Kemahiran Teknikal diperuntukkan RM4 juta (meningkat 100% berbanding tahun ini);
- (vii) Program Kerajaan Prihatin kekal dengan peruntukan RM1juta setahun;
- (viii) Tabung Pendidikan Anak-anak Pekerja Ladang kekal sebanyak RM1 juta setahun;

- (ix) Program Pembangunan Ekonomi Nelayan, Petani dan Penternak meningkat dari RM2.6 juta kepada RM3.2 juta setahun;
- (x) Pelbagai program di bawah Jabatan Pertanian sebanyak RM14.47 juta setahun berbanding dengan RM10 juta tahun ini;
- (xi) Pelbagai program di bawah Jabatan Veterinar berjumlah RM7.7 juta setahun;
- (xii) Perkhidmatan masyarakat kelolaan Y.B. Ahli Dewan Negeri dan Y.B. Ahli Parlimen yang ditingkatkan kepada RM51.9 juta setahun;
- (xiii) Skim Mesra Usia Emas berjumlah RM25 juta setahun;
- (xiv) Skim Kesihatan Wanita sebanyak RM1 juta setahun;
- (xv) Sektor keusahawanan berjumlah RM3.4 juta setahun; dan
- (xvi) Perumahan rakyat dan kehidupan bandar sebanyak RM21.88 juta setahun.

Semua peruntukan di atas yang diterjemahkan dalam bentuk program berjumlah RM376.9 juta sesungguhnya akan dapat dinikmati oleh rakyat pelbagai lapisan yang terkesan daripada pelaksanaan GST.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menukar kadar penerima ataupun kelayakan penerima bagi skim-skim yang ditawarkan memandangkan kesan GST ini terhadap kos sara hidup yang meningkat? Juga keperluan memberi subsidi kepada keperluan asas iaitu seperti makanan harian? Terima kasih.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Terima kasih kepada Y.B. Taman Medan. Cadangan daripada Taman Medan itu agak boleh dikaji dengan lebih mendalam kerana buat masa ini, masih ada terdapat kekeliruan dalam pelaksanaan GST ini. Jadi, kerajaan akan melihat apabila dengan pelaksanaannya sekiranya ada masalah yang timbul dan belum dapat diduga buat masa ini akan kita kaji. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Burong.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Terima kasih Puan Speaker. Kesan GST ini daripada segi kenaikan harga ini yang paling menjejaskan ialah kedudukan dua kumpulan masyarakat. Yang pertama ialah mereka yang berpendapatan rendah iaitu golongan yang miskin dan termiskin. Kedua ialah rakyat yang tinggal di bandar-bandar kerana mereka akan mengalami kenaikan kos hidup. Soalannya ialah apakah langkah-langkah kerajaan negeri untuk memastikan bahawa usaha-usaha untuk mengurangkan kesan daripada kenaikan harga ini, kerajaan negeri memberikan bantuan kepada mereka ini tidak akan menimbulkan diskriminasi sebab kalau ikut kenyataan Y.A.B. Dato' Menteri Besar semalam pun bila berlaku kenaikan *review* kepada *indicator* kemiskinan, seramai 1.2 juta rakyat di Selangor ini akan menjadi miskin.

Jadi, untuk pastikan bahawa mereka ini akan menerima sepenuhnya apa juga dasar-dasar kerajaan negeri untuk mengurangkan kesan GST pada peringkat awalnya, maka langkah-langkah tersebut saya ingin tahu sama ada ia dapat supaya ia tidak *discriminate* (dengan izin) sebagaimana yang berlaku dari segi pelaksanaan (contohnya) air percuma. Kerana ada sebilangan masyarakat yang lebih layak, tapi tidak dapat menikmati air percuma. Ini satu contoh yang saya ingin beritahu dan minta penjelasan pada kerajaan negeri.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Ya, Puan Speaker. Yang pertama sekali, tidak ada soal ada rakyat tidak dapat air percuma. Kalau mereka tidak dapat, sudah tentu ada masalah-masalah teknikal tetapi masalah teknikal telah pun ditawarkan penyelesaiannya oleh kerajaan negeri. Tetapi sekiranya golongan tertentu tidak mengambil inisiatif untuk menyelesaikan masalah itu, maka kerajaan negeri tidak boleh dipersalahkan.

Yang keduanya, GST ini dia akan menjejaskan semua rakyat (setiap orang di Malaysia ini akan terjejas). Jadi, tidak pun sebenarnya langkah terbaik supaya rakyat tidak dibebankan secara ekonominya disebabkan GST, yang terbaik adalah jangan laksanakan GST. Jangan laksanakan. Kita tidak ada masalah nak bagi lagi peruntukan lebihan untuk pemberian, untuk biasiswa. Tidak perlu. Kita boleh jimatkan duit itu untuk pembangunan yang lebih baik demi kesejahteraan rakyat. Jadi, itu kira-kira yang paling *simple* sekali. Tapi kita semua faham, malangnya kerajaan persekutuan tak faham. Juga nak melaksanakan GST. Itu yang menimbulkan masalah sekarang ini. Dan kitalah (di peringkat negeri) cuba cari penyelesaian pula untuk kerajaan persekutuan.

Jadi, saya mintalah yang 'berbaju biru' ini, bawalah ke perhimpunan agung ini supaya rintihan rakyat itu dapat didengar di peringkat 'perhimpunan baju biru' ini.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Penjelasan ya. Penjelasan.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Burong, saya bagi Permatang.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Terima kasih.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Tak betul tu.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya dengar jawapan EXCO mengenai apa saranan untuk mengurangkan ataupun meredakan GST. Pendidikan dan sebagainya yang disebut tadi termasuk bantuan biasiswa anak Orang Asli, sebenarnya untuk makluman Yang Berhormat, pendidikan tidak dikenakan GST. Jadi yang disebut tadi pendidikan (sokongan-sokongan pendidikan). Jadi, saya nak tanya kepada pihak kerajaan satu langkah yang mungkin boleh dicadangkan oleh kerajaan negeri, kalau sekiranya (kononnya) GST akan memberikan kesan termasuk mengurangkan, membantu rakyat mengurangkan. Contohnya ialah lesen-lesen yang dikurangkan kadarnya, cukai-cukai pintu diturunkan sebagai yang telah dijanjikan. Itu juga satu langkah yang kerajaan negeri ada kuasa untuk buat. Yang disebut tadi (saya faham, saya terima atas bajet itu memang ada) pendidikan dan sebagainya (tapi pendidikan tak dikenakan GST pun). Itu saya minta maaf. Jawapan itu mungkin saya boleh terima tapi tak dikenakan. Jadi,

**TUAN SPEAKER:** Soalan?

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Soalannya, boleh tak Kerajaan Negeri bantu rakyat Selangor mengurangkan beban cukai pintu, cukai perkhidmatan, cukai apa saja yang kerajaan negeri boleh bantu supaya rakyat negeri Selangor dapat menerima sokongan daripada kerajaan negeri? Terima kasih.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Ya, yang pertama sekali saya rasa Permatang tak faham masalah rakyat. Memang pendidikan tak ada GST, tapi GST dikenakan pada barangan yang lain. Jadi, rakyat kena tanggung. Kena

tanggung cukai semua tu. Sebab itu kita bantu. Dia dah bayar ini (makanan, apa tu semua dia kena bayar, beli kereta, beli baju tu tambah), maka tak cukup wang untuk pelajaran anak dia, maka itu kita bagikan biasiswa (bagi bantuan). Itu cara kita membantu. Memang kita tahu, tapi Permatang tak tahu. Saya tak faham macam mana itu.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Boleh minta penjelasan?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Nanti dulu. Belum habis. Saya belum habis jawab. Nanti dulu. Duduk. Nanti saya bagi peluang.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Nanti bagi saya ruang.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Ya, sudah tentu. Kita janji memang kita ditepati.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Saya ingat EXCO tak tahu.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Belum lagi. Eh Sungai Burong, nanti dulu. Dengar. Nak tanya kena sabarlah. Bagi jawapan dulu. Yang pertama, kena faham. Keduanya, saya tak faham logiknya. Kerajaan persekutuan dikenakan cukai namanya GST. Dia naik cukai, dia minta kita (kerajaan negeri) turunkan cukai. Apa logiknya?

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Penjelasan.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Melainkan. Belum lagi. Saya akan bagi tahu.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Belum lagi? Kena panggil Speaker.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Melainkan kalau GST itu dia kata baik. Bila kita dapat GST, GST itu kita akan bagi pada kerajaan negeri. Kita akan turunkan cukai pintu, cukai lesen dan sebagainya. Ya?

**TUAN SPEAKER:** Ya, Sungai Burong.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Saya ingat, minta maaflah Sungai Pinang. Saya ingat Sungai Pinang pun tak faham GST ni sebenarnya. Jadi bila tak faham GST, dok kata GST ni cukai yang dikenakan oleh kerajaan. Saya nak

**TUAN SPEAKER:** Soalannya?

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Ya?

**TUAN SPEAKER:** Sungai Burong, soalan?

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Sebenarnya soalan saya ialah sebelum GST ini diadakan, sebenarnya sudah ada SST (cukai yang memberi kesan yang lebih tinggi di antara 10% hingga 16%). Bila adakan GST ini, cukainya telah berkurangan menjadi 6%. Ini cukai yang mengganti, bukan cukai menambah. Itu saya ingat Sungai Pinang (dia) tidak memahami atau sengaja tidak mahu faham tentang GST ini.

**TUAN SPEAKER:** Soalan? Soalannya?

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Soalannya ini ialah langkah-langkah ini yang dilaksanakan (saya kata tadi) untuk memastikan tidak ada diskriminasi kepada mereka yang sebenarnya perlu. Saya ingat di negeri Selangor ini, yang paling besar ialah mereka yang tinggal di bandar menjadi kesan. Jadi, kita nak melihat langkah-langkah kerajaan ini memastikan bahawa penduduk-penduduk terutamanya hijrah miskin bandar ini yang perlu dibela ini, apakah langkah yang diberikan? Saya setuju dengan Permatang tadi bahawa apabila kita membuat dasar-dasar yang tidak ada kena mengena *direct* kepada golongan sasaran, ini yang menyebabkan dasar itu jadi tergelincir, tidak mencapai matlamat. Kalau nak bantu menyelesaikan mengurangkan kesan harga daripada GST, sebenarnya GST ini telah digunakan oleh seluruh negara dunia kecuali tiga negara saja.

**Y.B. TUAN ABD RANI BIN OSMAN:** Peraturan Tetap.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Meru.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Dan ia adalah

**TUAN SPEAKER:** Peraturan Tetap? Apa Peraturan Tetap?

**Y.B. TUAN ABD RANI BIN OSMAN:** Peraturan Tetap 24(4). Sesuatu pertanyaan itu tidak boleh dijadikan helah untuk berbahas.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Burong.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Meru sudah bangkitkan Peraturan Tetap. Masa untuk bertanyakan soalan tambahan pun sudah habis.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Ya. Puan Speaker, saya kira Sungai Burong ini dia cakap dengan bahasa yang hanya boleh difahami oleh 'perhimpunan berbaju biru'. Tak logik. Permatang tanya di mana dah ada kesan. Ada kesan akibat GST, maka minta kita kurang cukai. Tapi Sungai Burong kata "eh, GST tak ada kesan, sebelum ini ada SST". Kalau tak ada kesan, apa soalnya? Sudah tentu ada kesan. Ada kesan yang membebankan rakyat.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Bukan. Sebab? Sebab apa? Sebab kenyataan tu tak betul. Saya tak cakap macam itu ya. Saya cakap ni (GST ni) menggantikan SST. Bukannya cukai yang tak ada, nak ditambah cukai yang baru. Itu dia. Itu bezanya.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Kalau

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Dan dengan adanya GST ini.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Ya.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Sebenarnya dalam jangka panjang, dia akan mengurangkan kenaikan kos-kos

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Ok. Ok. Ok. Waktu perbahasan dah, dah, dah.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Harga inflasi ini.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Ya, ya lah. Sebab itu saya kata Sungai Burong (dia) tak faham logik. Kalau GST itu dia cuma gantikan SST, kenapa



Permatang suruh kita turunkan cukai pintu, cukai lesen? Dah sama, buat apa kita nak turunkan? Sudah tentu kesannya lain. Kesannya lain. GST membebankan rakyat, sebab itu dia minta turunkan cukai.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Boleh minta penjelasan?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Sungai Burong pula kata “eh, tidak, sama saja”. Kalau sama saja, kenapa minta turun cukai? Itu saya kata, bahasa kamu cuma ‘perhimpunan baju biru’ yang faham. Orang lain tak faham. Logiknya tak ada. Bagaikan kita terima kereta rasmi tapi peruntukan untuk rakyat kita tak terima. Itu logik tak betul.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Minta penjelasan.

**TUAN SPEAKER:** Apa dia Permatang? Ya.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Ok. Kalau Yang Berhormat kata tidak ada perubahan, SST dah diterangkan. SST (dulu cukai SST), sekarang jadi GST. Bukan cukai yang baru. Dia disusun semula cara percukaian itu. Itu saja. Saya nak tanya kepada Yang Berhormat, melangkah (kita kena sedia maklum barang-barang makanan asas tidak di masuk dalam GST, tidak dikenakan), tetapi dengan kenaikan harga-harga, cukai-cukai perniagaan yang dikenakan oleh pihak-pihak PBT yang melampau tinggi sekarang menyebabkan harga makanan (kos itu) dipindahkan pada harga makanan. Maka orang akan melihat bahawa GST seolah-olah menaikkan harga makanan, sedangkan harga cukai yang tinggi.

Jadi, saya nak tanya kepada kerajaan negeri. Bersedia tak? Atau kerajaan negeri mengkaji semula cukai-cukai, lesen-lesen, *fee-fee* yang dikenakan (semua) dalam bentuk perniagaan ini supaya boleh memberikan kesan yang lebih minima.

**TUAN SPEAKER:** Permatang, dalam bajet ucapan (dalam ucapan bajet) Menteri Besar sudah dikatakan akan dikaji semula.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Ha, ok. Saya terimalah. Saya nak itu saja jawapannya daripada EXCO.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Baik duduk, duduk.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Kalau beri jawapan itu pun diterima.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Jangan cari ruang untuk berbahas. Duduk dulu.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Janganlah marah. Ni Speaker atau EXCO?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Sekarang ini, duduklah. Saya nak jawab ni. Ini

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Speaker yang boleh suruh saya duduk. EXCO tak payah suruh saya duduk. Saya boleh duduk.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Nanti saya tak bagi peluang ini.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya ingat Speaker tak beri arahan saya duduk. Kalau tak saya boleh duduk.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Saya yang bagi peluang.

**TUAN SPEAKER:** Permatang, tolong duduk.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Ha, terima kasih.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Ya. Inilah Permatang ni. Dia nak cari hal nak kutuk saja. Dah Y.B. Seri Kembangan kata, bila kita tambahkan cukai untuk fi lesen, pendapatan tambah RM16 juta. Tapi GST berbilion kerajaan persekutuan dapat. Lebih tinggi. Dan jangan lupa. Jangan lupa *fee* lesen tu, rangkanya siapa yang buat? Siapa yang luluskan? Tahun 2007! Masa itu, Permatang yang jadi ahli majlis yang luluskan. Kita cuma laksanakan 6 tahun kemudian. Kamu yang luluskan, kamu salahkan kepada kita!

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Puan Speaker.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Ha, jangan. Saya tak bagi. Duduk, duduk, duduk. Tahun 2007 siapa jadi kerajaan?

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Boleh minta penjelasan?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Barisan Nasional! Barisan Nasional 7 tahun dulu dah buat dah.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Yang bagi manifesto siapa?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Duduk, duduk. Saya nak jawab ni. Duduk!

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Yang bagi manifesto (Kerajaan Pakatan) tak tunai pun.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Duduk, saya jawab. Duduk! Saya jawab. Duduk! Duduk! Duduk!

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Tamatkan!

**TUAN SPEAKER:** Tamatkan? Tamatkan. Sungai Pinang tolong ulas.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Ya, baik. Puan Speaker, jadi dalam ini saya mintalah Ahli Yang Berhormat bila cakap tu, kena cek dengan rakan kita. Hujah kita kena konsisten, kena logikal. Ini tak logik. Ini satu kata itu ganti, yang tu kata bebankan pula. Kata GST tak kena, makanan tak kena. Tapi minyak kena, baju kena. Tak raya ke?

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Puan Speaker, Puan Speaker. Boleh saya tanya sekarang?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tak raya? Ha, songkok pun kena.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Burong, kita nak tamatkan perbincangan GST ya.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Itu saja Puan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah, soalan 74 telah dijawab bersekali dengan soalan 67. Selat Kelang? Selat Kelang tidak hadir. Jeram? Jeram tidak hadir. Ijok?

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Terima kasih Puan Speaker. Soalan Ijok 77.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD  
(IJOK)**

**TAJUK : JABATAN TERNAKAN**

77. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Lembu korban dua tahun berturut-turut kurus-kurus. Apakah rancangan kerajaan untuk mengatasi masalah ini?

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Tuan Speaker, terima kasih kepada Ijok yang bertanya. Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) telah dilantik sebagai pembekal lembu korban bagi tahun 2013 dan 2014 yang dilantik menerusi MMKN. Bagi tahun 2014 jumlah lembu yang dibekalkan adalah sebanyak 763 ekor yang melibatkan 681 lokasi penghantaran. Pada Jun 2014, PKPS telah membeli lembu jenis *Brahman Cross* dengan anggaran berat minima 220 kg seekor dan dibesarkan dan digemukkan dalam masa 3 bulan untuk mencapai berat badan 250 kg. PKPS menyedar dan memohon maaf atas kekurangan dan kesulitan yang timbul akibat daripada beberapa ekor lembu yang tidak mencapai berat 250 kg. Ini berlaku adalah kerana kesesakan di kandang, terdapat beberapa ekor lembu ini tidak dapat makan secara sempurna dan menyebabkan berat minimum 250 kg seekor tidak dapat dicapai. Semasa penghantaran, PKPS menerima beberapa aduan daripada penerima dan tindakan PKPS selepas menerima aduan adalah seperti berikut:

- 1) Lembu yang cacat seperti patah kaki semasa proses menurunkan lembu telah pun diganti.
- 2) Lembu yang kecil ditambah dengan seekor lagi lembu secara percuma.

Bagi menangani masalah ini, langkah-langkah berikut akan dilaksanakan oleh PKPS pada pembekalan yang akan datang.

1. PKPS akan memastikan kesemua lembu yang dibekalkan adalah daripada jenis *Brahman Cross*. Lembu-lembu ini akan mula di bawa masuk pada bulan Mac 2015 dengan berat minimum 230 kg seekor berbanding pada tahun ini 220 kg seekor untuk proses pembesaran / penggemukan.

2. PKPS akan membeli mesin penimbang dan akan menimbang dan setiap ekor lembu-lembu yang diterima sebelum digemukakan di dalam ladang PKPS.
3. Pengasingan lembu antara lembu kecil dan lembu besar akan dilaksanakan terlebih dahulu.
4. PKPS akan menimbang sekali lagi setiap ekor lembu-lembu tersebut sebelum di agihkan kepada penerima dan berat lembu akan di *tagging* pada telinga lembu tersebut.
5. PKPS akan mengundang wakil daripada Kerajaan daripada Pejabat Menteri Besar atau Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri untuk menyaksikan proses penimbangan lembu tersebut di mana ianya akan dilaksanakan 4 -5 hari sebelum penghantaran.
6. PKPS akan melantik pakar pemakanan dan seorang Dr. Veterinar bagi memastikan pemakanan dan kesihatan lembu-lembu tersebut dipantau dengan baik dan diharapkan pada 2015 perkara-perkara yang tidak berkenan di hati penerima-penerima dapat di atasi. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ya Ijok.

**Y.B. TUAN IDRIS BIN AHMAD:** Soalan tambahan. Itu jawapan yang lawaklah saya ingat. Tahun 2013 masalah itu timbul, tahun ini masalah itu timbul tak kan lah satu tahun masalah ini tidak boleh di selesai. Jadi saya nak tanya pada Kerajaan Negeri yang tadi jawapan-jawapan yang telah dihuraikan macam ditimbang dibeli itu semua ini kan membazir duit. Apa langkah yang betul yang sebenarnya berlaku. Ini tak kan lah lembu jatuh dari lori, patah kaki, sebab saya ingat semua kawasan ADUN telah mendapat masalah yang sama., Jadi *this is universal* dengan izin, *problem*. Jadi, saya ingat kerajaan negeri mesti membuat satu langkah ataupun perancangan yang drastik untuk mengatasi masalah lembu-lembu yang akan diberi pada tahun depan. Jadi lain pada yang telah dihuraikan, saya ingat adakah rancangan kerajaan untuk swastakan penternakan lembu untuk Kerajaan Negeri.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih kepada Ijok yang bertanya. Pada 2014 masih ada masalah-masalah seperti pelantikan tetapi ada tambah baik berbanding 2013 dan seperti mana yang saya nyatakan tadi itu adalah di antara langkah-langkah cadangan-cadangan yang akan diambil dan

cadangan-cadangan daripada llok penswastaaan dan sebagainya itu akan diambil serius. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Kinrara.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI:** Tuan Speaker, Klang ada bukan tak hadir. Tapi GST panas sangat kat dewan tadi, keluar kejas sahaja.

**TUAN SPEAKER:** Tak boleh sebab sudah soalan seterusnya Selat Klang, ah... Kinrara.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN:** Terima kasih Tuan Speaker, soalan 78.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SZE HAN  
(KINRARA)**

**TAJUK : AKHBAR SELANGORKINI**

78. Bertanya kepada YAB Dato' menteri Besar:

- (a) berapakah jumlah edaran akhbar Selangorkini bagi setiap edisi dan bagaimanakah pengedaran akhbar ini dilakukan
- (b) berapakah usaha kerajaan dalam mengangkat nilai kebebasan media akhbar Selangorkini.
- (c) Nyatakan jumlah perbelanjaan setahun untuk operasikan akhbar Selangorkini.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Tuan Speaker dan juga Yang Berhormat Kinrara. Sukacita saya memaklumkan bahawa Selangorkini di terbit bagi menyampaikan dasar-dasar dan program-program kerajaan negeri bagi meningkatkan kesedaran dan pencerahan di kalangan rakyat khususnya di negeri Selangor. Bagi mencapai keberkesanan sebagai medium penyebaran maklumat, pengeluaran Selangorkini sebanyak 169,000 naskhah sebulan. Berpegang kepada prinsip kebebasan media dan menghormati profesionalisme kewartawanan semenjak pentadbiran baru mengambil alih Selangorkini tidak hanya memaparkan berita satu pihak sahaja. Tetapi turut menyiarkan berita Ahli-ahli Yang Berhormat Pembangkang setiap minggu yang mengkritik kerajaan

negeri. Ia dapat dilihat melalui paparan berita ADUN Semenyih pada keluaran 7 November 2014 dan ADUN Kuang keluaran 14 November 2014. Rakyat pula boleh menyuarakan masalah malah mengkritik pentadbiran kerajaan negeri termasuk agensi pihak berkuasa tempatan melalui segmen apa kes. Di mana apa kes ini menghimpunkan aduan rakyat yang disalurkan melalui e-mel dan *facebook* untuk siaran akhbar satu halaman penuh.

Perbelanjaan berikut telah digunakan bagi tahun berakhir Disember 2013 bagi merealisasikan penyampaian maklumat kepada rakyat khususnya di negeri Selangor iaitu kos pentadbiran RM5.9 juta. Kos percetakan RM3.3 juta dan kos pengeluaran dan edaran RM1.8 juta. Walau bagaimana pun seperti yang telah saya tegaskan baru-baru ini, pengurusan MBI yang baru yang akan mula berkhidmat pada awal Disember 2014 telah pun diminta untuk melihat semula usaha-usaha untuk menstrukturkan semula CCSB bagi menjamin keberkesanan saluran komunikasi termasuk kos operasi dan pengurusan berasaskan urus tadbir yang baik. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Sri Andalas.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Terima kasih Speaker, saya ingat minta tanya Dato' Menteri Besar CCSB ini dilangani oleh akhbar Selangorkini, dia ada versi Mandrin dia atau Tionghoa dan lepas itu dia ada bukan versi Tamil tapi di dalam bahawa Tamil dia ada Selangor Hindu yang kita terbitkan. Selangorkini terbit tiap-tiap minggu saya minta adakah cadangan negeri kita sekarang untuk khususnya untuk Selangor hindu itu sekarang sebulan sekali sahaja. Sebab saya dapat berita sekarang sudah cepat mungkin keluar seminggu sekali sebulan tak cukup kalau mintalah, seolah saya minta kepada Dato' Menteri Besar di dalam kita apa itu *adjust* balik CCB kita bolehkah kemungkinannya untuk Selangor hindu itu menjadi tiga kali sebulan ataupun sekurang-kurangnya dua kali sebulan untuk masa depan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Yang Berhormat Sri Andalas. Seperti yang saya katakan dalam usaha menstrukturkan semula CCSA semua perkara-perkara ini akan diambil kira termasuk keberkesanan penyampaian maklumat daripada medium yang berkenaan dan juga kos operasi dan juga pengurusan. Ini juga termasuk kepada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sekinchan tentang dokongan dan sokongan kerajaan negeri terhadap penerbitan semula Selangor Times yang telah pun saya nyatakan dalam tempoh tiga bulan yang pertama dalam tahun 2015 perkara ini akan disemak dan kita tidak ada halangan untuk melihat keperluan penerbitan semula Selangor Times

berasaskan kepada keperluan dan juga kos operasi dan pengurusan. Terma kasih.

**TUAN SPEAKER:** Paya Jaras, tidak hadir. Sungai Burong.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS:** Tuan Speaker, soalan no. 80.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS  
(SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : PREMIUM TANAH**

80. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah kadar premium tanah sedia ada diterima rakyat
- b) Apakah dasar akan datang tentang kadar premium tanah
- c) Berapakah perolehan hasil premium tanah tahun 2013 dan status yang terkini

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Yang Berhormat Sungai Burong yang bertanyakan isu premium tanah. Untuk maklumat Yang Berhormat kadar premium tanah bagi tujuan perniagaan, industri dan pertanian telah diguna pakai semenjak tahun 2003 berasaskan kaedah tanah Selangor 2003 pindaan 2005. Manakala penetapan kadar premium tanah bagi tujuan kediaman adalah berdasarkan Pekeliling PTGS bilangan 6 tahun 2011 dan nilai daripada Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan JPPH yang berkuat kuasa mulai Jun 2011. Pada ketika ini Kerajaan negeri masih meneruskan dasar-dasar sedia ada berhubung kadar premium tanah. Untuk persoalan perolehan hasil premium bagi tahun 2013 adalah sebanyak RM1.1 billion dan pada tahun 2014 berjumlah 963 juta ringgit.

**TUAN SPEAKER:** Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Soalan saya No. 81.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI  
(KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK : PELAKSANAAN PROGRAM SPIES**

81. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah Kerajaan akan meneruskan program SPIES ini
- b) Apakah bentuk program-program latihan lain yang akan di perkenalkan
- c) Berapakah peruntukan yang disediakan untuk keseluruhan program latihan ini.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. *STANDCO* Modal Insan dalam proses untuk menilai sepenuhnya program SPIES dan melihat langkah-langkah penambahbaikan yang dapat di jalankan dan ini akan membentuk atau pun menentukan program-program latihan lain yang akan ditambah sekiranya di putus. Di bawah belanjawan 2015 *STANDCO* Modal Insan menerima belanjawan sebanyak 3 juta ringgit dan walaupun jumlah ini lebih kecil berbanding pada tahun-tahun sebelum ini tetapi kita melihat pendekatan modal insan akan dilakukan secara bersepadu bersama dengan program-program pendidikan seperti dan juga menerusi institusi Darul Ehsan, biasiswa, program-program di TAHFIZ di KUIS dan sebagainya yang akan dilaksanakan pada 2015.

**TUAN SPEAKER:** Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI:** Saya dapati yang program pendidikan komuniti seperti ini satu program yang baik yang pernah saya terlibat dan apakah rasional daripada pihak EXCO sebab peruntukannya perlu dipertingkatkan sebab komuniti program ini perlu ditingkatkan bukan dikurangkan. Sebab itu kalau kita lihat secara menyeluruh portfolio saya bukan hanya melihat secara di peringkat modal insan sahaja tetapi kalau dilihat di bawah portfolio pendidikan kita menerima peningkatan yang begitu banyak dengan program-program yang begitu banyak yang telah diumumkan oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar baru-baru ini. Dan sebab itu pendekatan yang ingin diambil oleh Kerajaan Negeri ialah pendekatan yang holistik yang mana boleh dilakukan

menerusi program-program pendidikan juga bukan hanya tertumpu pada program modal insan semata-mata.

**TUAN SPEAKER:** Telok Datuk.

**Y.B. TUAN LOH CHEE HENG:** Tuan Speaker soalan saya 82.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG  
(TELOK DATUK)**

**TAJUK : DASAR RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM**

82. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah dasar dan pendirian kerajaan negeri berkenaan rumah ibadat bukan Islam yang menduduki di atas tanah kerajaan
- b) Berapakah jumlah RIBI yang telah di rekod kan di setiap pejabat daerah dan tanah negeri Selangor sejak tahun 2008 hingga kini

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker merujuk kepada keputusan Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri MMKN ke 23/2008 dasar Kerajaan Negeri telah menetapkan bahawa mana-mana bangunan keagamaan yang di bina secara tidak sah di atas Tanah-tanah Kerajaan termasuk rizab jalan, sungai dan parit selepas 1 Mac 2008 akan dikenakan tindakan perobohan. Segala tindakan penguatkuasaan perlulah mematuhi garis panduan tatacara penguatkuasaan Rumah Ibadat Selain Islam dan tempat penyembahan dibina tanpa kebenaran di negeri Selangor yang telah diluluskan dalam MMKN yang ke-4/2014. Garis panduan ini menetapkan segala tindakan penguatkuasaan perlulah dibawa ke dalam mesyuarat hal ehwal selain Islam sebelum diangkat ke MMKN untuk pertimbangan. Sehubungan itu Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam juga bertanggungjawab untuk menyemak dan mempertimbangkan setiap permohonan pewartaan tanah kerajaan, tukar syarat tanah dan pembinaan bangunan bagi Rumah Ibadah Selain Islam. Setiap permohonan akan dibincangkan di peringkat Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam berdasarkan ulasan jabatan teknikal yang berkaitan. Satu kertas ringkasan berserta persetujuan yang diputuskan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam akan diangkat untuk pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Walau bagaimana pun terdapat permohonan yang tidak dapat

dipertimbangkan untuk diwartakan sekiranya tanah yang dipohon terletak di atas tapak kemudahan awam tertentu seperti rizab sungai, rizab jalan, rizab kawasan lapang, perintis TNB dan juga rizab kawasan pelupusan sampah, rizab Tadika dan rizab balai raya. Jumlah Rumah Ibadat Bukan Islam yang telah direkodkan di setiap Pejabat Daerah dan Tanah Negeri Selangor sejak tahun 2008 hingga 2014 adalah seperti jadual berikut:-

Di MBSA - Tokong 15, Kuil 59, Gereja 12, Gudwara a 1 dan jumlah 87.

Di MPPJ, Petaling Jaya - Tokong 52, Kuil 44, Gereja 37, Gudwara 2 jumlah 135.

Di Majlis Perbandaran Klang - Tokong 297, Kuil 165, Gereja 13, Gudwara 0 jumlah 475.

Di Majlis Perbandaran Ampang Jaya – Tokong 31, Kuil 10, Gereja 23, Gudwara 2 dan jumlah 66.

Di Majlis Perbandaran Subang Jaya – Tokong 57, Kuil 68, Gereja 4, Gudwara 2 jumlah 131.

Di Majlis Perbandaran Selayang – Tokong 34, Kuil 35, Gudwara 4, jumlah 73 dan lainnya saya kira, saya akan edarkan kemudian. Jumlahnya Tokong 845, Kuil 809, Gereja 138, Gudwara 18 dan jumlah 1,810.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Permatang.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Terima kasih, saya nak Tanya kepada EXCO kalau dalam rumah ibadat Islam masjid atau surau pemohon biasanya akan mengambil kira jumlah ahli kariah dan sebagainya baru boleh dipertimbangkan. Jadi dalam kes-kes rumah ibadat bukan Islam apakah kriteria-kriteria yang digunakan sekiranya ada permohonan secara rasmi dibuat oleh penduduknya. Apakah mengambil kira jumlah penduduk atau pun mengambil jumlah agama yang dianuti di situ baru diberi kelulusan. Atau apakah kriteria-kriteria yang digunakan / diguna pakai?

**Y.B. DATO TEN CHANG KHIM:** Tuan Speaker sebenarnya soalan ini sebenarnya dijawab hari semalam di mana kawasan tertentu hendaklah melebihi penduduk 40% - 45% diduduki dan untuk agama tertentu penganutnya hendaklah sebanyak 2,600 orang. Dalam setiap permohonan Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam akan melihat ulasan daripada semua Jabatan Teknikal termasuk Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Jabatan Kerja Raya, Jabatan JPS termasuk juga pandangan atau ulasan Majlis Perbandaran berkenaan. Melainkan semua teknikal itu dipatuhi kelulusan tidak dapat diberikan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Soalan Tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Apakah prosedur tindakan terhadap aduan daripada pihak awam kepada PBT bagi tokong ataupun kuil yang berada di atas tapak yang tidak sah sama ada di atas rizab sungai atau pun di atas tapak kawasan lapang kerana apa yang sering diberi alasan oleh pihak PBT mereka perlu mengemukakan aduan tersebut kepada Jawatankuasa Rumah Ibadat Selain Islam untuk tindakan selanjutnya, tidak bertindak terus.

**Y.B. DATO TEN CHANG KHIM:** Tuan Speaker sesungguhnya itu adalah dasar kerajaan negeri di mana penubuhan sebarang rumah ibadat tidak kira apa agama sekali pun kalau yang untuk selain Islam ia hendaklah dibawa ke Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam untuk dipertimbangkan dan kemudian selepas itu keputusan itu juga akan diangkat ke Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri Selangor untuk diputuskan kemudian baru diturunkan arahan tersebut kepada jabatan berkenaan sama ada Pejabat Tanah ataupun Majlis Perbandaran.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Soalan Tambahan. Apakah tempoh untuk keputusan dibuat daripada menerima aduan sehingga arahan kepada pihak PBT.

**Y.B. DATO TEN CHANG KHIM:** Itu sebenarnya bergantung kepada pihak PBT itu sendiri atau pun Pejabat Tanah berapa laju atau berapa pantas, berapa singkat masanya dapat dibentangkan kepada Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam ini. Kerana ini sebelum tahun 2013 Jawatankuasa ini bermesyuarat 3 bulan. Tapi sekali sejak tahun 2013 apabila saya mempengerusikan jawatankuasa tersebut saya telah menetapkan mesyuarat bulanan di adakan. Jadi sekiranya di peringkat Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam ini memang tidak ada kelewatan yang disebabkan oleh Jawatankuasa ini dan kita bergantung kepada Jawatankuasa Teknikal untuk membuat keputusan.

**TUAN SPEAKER:** Tanjung Sepat soalan seterusnya.

**Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN:** Terima kasih Tuan Speaker soalan 83.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF  
(TANJUNG SEPAT)**

**TAJUK: SUKAN LAYAR**

83. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Adakah kerajaan bersedia membantu menyediakan kemudahan prasarana Pusat Latihan Perahu Layar di Pantai Batu Laut?
  - b) Berapakah peruntukan kerajaan bagi membantu memajukan sukan perahu layar bagi tahun 2010 -2014?

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Terima kasih Tanjung Sepat. Jawapan untuk soalan (a) sudah pasti ia kerana berdasarkan daripada rekod yang kita perolehi bantuan terakhir yang diberikan daripada segi peruntukan untuk prasarana pusat tersebut adalah dilaksanakan. Pusat latihan sukan perahu layar ini telah diberikan pada tahun 2007, justeru setelah lebih daripada 7 tahun bantuan itu disampaikan *Insyaa-Allah* tahun ini berdasarkan kepada peningkatan kemudahan infrastruktur, sukan Kerajaan Negeri Majlis Sukan Negeri telah bersedia menimbang peruntukan-peruntukan tertentu bagi menaik taraf kemudahan di tempat tersebut. Sukan ini merupakan sukan yang paling berjaya termasuk menyumbangkan pingat emas kepada Malaysia di dalam Sukan Asia di Incheon baru-baru ini melalui atletnya anak tempatan iaitu saudara Faizal Norizan dan Syukri Abdul Aziz.

Untuk soalan (b) Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri telah memperuntukkan semenjak daripada tahun 2010 hingga 2014 sebanyak RM757,155.10 untuk sukan perahu layar yang boleh saya cerakin berikut-berikut. Tahun 2010 sebanyak RM147,217.00 yang digunakan untuk penyertaan kejohanan, peralatan dan 4 buah bot telah dibeli oleh Majlis Sukan Negeri bersesuaian dengan tahun Kejohanan Sukan Malaysia SUKMA. Tahun 2011 sebanyak RM68,344.00 yang digunakan untuk penyertaan kejohanan dan peralatan. Tahun 2012 RM74,728.00, Tahun 2013 sebanyak RM92,642.00 dan pada tahun 2014 sebanyak RM374,224.10 untuk penyertaan kejohanan dan sekali lagi menambah peralatan seperti 9 buah bot untuk kejohanan dan kebetulan ia merupakan ianya penyertaan di dalam Sukan Malaysia SUKMA di Perlis, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Dengkil.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Terima kasih Tuan Speaker soalan nombor 84.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF  
(DENGKIL)**

**TAJUK: TANAH RIZAB MELAYU**

84. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan keluasan terkini Tanah Rizab di Melayu Negeri Selangor?
- b) Berapa banyak Tanah Rizab Melayu yang telah ditukar status kepada bukan Tanah Rizab Melayu?
- c) Adakah tanah yang ditukar status ini digantikan semula?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Yang Berhormat Dengkil yang ingin mendapatkan penjelasan berhubung dengan tanah rizab Melayu. Sehingga 30 Oktober 2014 kawasan tanah rizab Melayu di Negeri Selangor adalah seluas 402,755.42 ekar dan keluasan tanah rizab Melayu yang ditukar status kepada bukan tanah rizab Melayu adalah 11,770.87 ekar. Ini bermakna daripada jumlah keluasan yang telah dibatalkan status tanah rizab Melayu sebanyak 11,770.87 ekar Kerajaan Negeri telah pun membuatkan sebanyak 7,210.73 ekar. Keluasan yang belum diganti dan sedang diusahakan oleh kerajaan negeri ialah berjumlah 3,867.14 Hektar. Semua tanah rizab Melayu dikekalkan di Negeri Selangor perlu dibuat penggantian selaras dengan perkara 89 fasal 3 Perlembagaan Persekutuan dan Pekeliling PTGS Bilangan 2 Tahun 1990. Sehubungan dengan itu kerajaan negeri sentiasa dan mengenal pasti tanah-tanah yang bersesuaian dan sama jenis kawasan yang hendak dicadangkan tanah penggantian kepada tanah rizab Melayu yang telah dibatalkan. Dalam tempoh dua bulan sahaja ketika mesyuarat MTES saya telah meneliti perkara ini supaya usaha ini dipertingkatkan untuk disegerakan penggantian tanah-tanah rizab Melayu telah dibatalkan bagi tujuan pembangunan dan sehingga hari ini masih mempunyai kekurangan 3,867.14 ekar, terima kasih.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Soal tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Dengkil.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Terima kasih, tuan Speaker, Y.A.B. Dato' Menteri Besar di atas penjelasan tadi. Saya merujuk kepada Ketua Laporan Audit Negara 2013 siri 2 yang menyatakan antara November 2014 hingga Februari 2014. Pengurusan tanah rizab Melayu daripada aspek penggantian yang disebutkan oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar tadi tidak memuaskan. Hampir 38.6% tanah rizab tidak diganti semula di antaranya disebabkan pengurusan rekod yang tidak cekap, syarat pengisytiharan tanah rizab yang tidak dipatuhi juga TRM diberi milik kepada orang bukan Melayu dan sebagainya. Saya ingin minta penjelasan daripada Y.A.B. Dato' Menteri Besar apakah syor daripada Ketua Audit Negara ini telah pun dipatuhi atau apakah langkah-langkah seterusnya untuk memastikan supaya kejadian tidak berulang lagi dalam usaha memastikan pengurusan dan juga urus tadbir yang baik di peringkat kerajaan negeri, terima kasih.

**Y.A.B DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Yang Berhormat Dengkil pendirian kerajaan negeri yang baru ialah untuk memastikan teguran yang dibuat oleh Ketua Audit Negara itu perlu diberikan perhatian dan mengambil langkah-langkah untuk menanganinya. Itu saya katakan dalam tempoh 2 ini sahaja antara perkara penting yang dibincangkan dalam MMKNS untuk melihat langkah-langkah bagi menggantikan bagi tanah rizab Melayu yang telah batalkan statusnya bagi tujuan pembangunan. Tetapi persoalan yang ingin saya kongsi pagi ini ianya bukan sahaja berkaitan dengan soal pengurusan dan rekod tetapi kita juga menghadapi masalah di mana beberapa bidang tanah yang diserahkan kepada Kerajaan Persekutuan bagi tujuan pembangunan ini masih ada kelewatan dari segi pengantiannya. Dan ini sedang kita selaraskan dan saya nyatakan tadi daripada 11,000 ekar yang telah dibatalkan dan kita telah menggantikan 7,200 ekar. Ini satu usaha yang cukup proaktif tetapi saya mengakui masih ada kekurangan sebanyak 3,800 ekar yang perlu diperkembangkan. segerakan pengantiannya, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Batu Tiga tidak hadir, soalan 86 telah dijawab bersekali dengan soalan 7, Morib tidak hadir, Sungai Panjang tidak hadir, Kajang.

**Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL:** Terima kasih Tuan Speaker soalan nombor 89.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK SERI WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL  
(KAJANG)**

TAJUK: Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Minta kerajaan negeri nyatakan usaha untuk meningkatkan '*community policing*' untuk dijalankan di semua zon PBT.
- b) Minta kerajaan negeri jelaskan usaha-usaha untuk mencegah sindiket judi haram.
- c) Apakah cadangan kerajaan untuk mewujudkan sistem amaran '*Crime Alert*' sebagai perkongsian maklumat kepada rakyat Selangor.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Tuan Speaker saya minta maaf kerajaan negeri mengarahkan semua PBT untuk melaksanakan program pasukan keselamatan kejiranan atau Polis Komuniti di dalam kawasan pentadbirannya sebagai contoh di MPPJ program PJ *safe, safe for all* memperuntukkan 700 ribu pada 2014 dari Januari sehingga kini terdapat 61 telah diterima sejumlah RM280 dibayar kepada 51 RT, IA dan 5 JMB. Program ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan menggalakkan penglibatan secara kolektif kepada persatuan-persatuan penduduk secara aktif untuk terlibat di dalam program-program keselamatan yang dianjurkan di kawasan pentadbiran Petaling Jaya. Program ini juga turut melibatkan pihak Polis Diraja Malaysia. Di samping itu pihak majlis telah mengadakan 4 kali majlis dialog dan pameran di kawasan komuniti sekitar Petaling Jaya. Di samping itu juga PBT juga bekerjasama dengan pihak Polis Diraja Malaysia bagi memperluaskan pergerakan kawalan keselamatan. Antara usaha PBT untuk meningkatkan aktiviti polis komuniti adalah:

- 1. Menyediakan anggota penguat kuasa bersama dengan pihak PDRM. Rondaan dilakukan di kawasan *hot spot*, kadar jenayah yang tinggi oleh pihak PDRM.
- 2. Wakil daripada bahagian penguatkuasaan yang akan dijadualkan untuk menyertai rondaan tersebut
- 4. Pihak MBSA juga mengadakan aktiviti kawalan keselamatan yang melibatkan kawasan pangsapuri yang telah disenaraikan sebagai kawasan



*hot spot* kadar jenayah yang tinggi yang dikenali Program Skim Rondaan Keselamatan dan Kejiranan Pangsapuri Negeri Selangor (SEROJA) yang di mana ianya diselaraskan oleh Lembaga Perumahan Hartanah Negeri Selangor.

Program ini akan diperluaskan lagi di 5 buah kawasan pangsapuri di MBSA. Antara usaha-usaha Kerajaan Negeri melalui PBT dalam memerangi sindiket judi haram adalah PBT meningkatkan sekurang-kurangnya 2 kali seminggu. Semua barangan premis yang dilakukan aktiviti sindiket judi haram juga akan disita. Selain itu pemantauan yang diteruskan kerap dilakukan oleh anggota penguat kuasa bagi mengelak aktiviti-aktiviti tersebut berulang. Kerjasama orang awam juga amatlah digalakkan kerana PBT juga menyediakan talian *online* atau e-aduan untuk penyaluran aduan secara terus kepada PBT. Premis perniagaan yang didapati melanggar syarat atau melakukan kegiatan judi di sebalik perniagaannya, tindakan menarik balik lesen dan membatalkan lesen perniagaan akan dilakukan oleh PBT. Kerajaan Negeri tidak mempunyai cadangan untuk mewujudkan sistem *crime alert* di PBT. Walaupun sekiranya keadaan ini didapati dapat mengurangkan kadar jenayah, Kerajaan Negeri bersedia mengkaji kesesuaian sistem ini untuk dilaksanakan.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan jam 11.00 pagi. Dengan ini saya menanggungkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

## **II. RANG UNDANG-UNDANG**

### **Rang Undang-Undang Perbekalan 2015 (Sambungan)**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan urusan mesyuarat seterusnya sambungan Rang Undang-Undang Perbekalan 2015 semua peringkat.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini bersidang sebagai Jawatankuasa Perbekalan di bawah Peraturan Tetap 66 (3) untuk menimbangkan Rang Undang-Undang ini fasal demi fasal.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**Y.B. TUAN SPEAKER:** Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa Perbekalan.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B1. Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan - RM 112,419,172.92.

**TUAN SPEAKER:** Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih Puan, Puan Pengerusi Jawatankuasa. Kampung Tunku ingin membawa perhatian Dewan kepada maksud bekalan VOT B01 butiran program 50

**TUAN SPEAKER:** Tolong bagi saya muka surat dulu.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Muka surat 54.

**TUAN SPEAKER:** Boleh cakap kuat sikit tak Kampung Tunku. Saya tak dengar.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** 54, 54. Saya kena kuatkan suara

**TUAN SPEAKER:** Baiklah butir

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih Puan Pengerusi Majlis. Muka surat 54 Butiran Program 50 5000 Kod 29000 Perkhidmatan Ikhtisas dan perkhidmatan lain yang dibeli dan hospitaliti tentang Jawatankuasa Tetap Pelaburan.

Tuan Speaker, saya ingin membawa perhatian Dewan kepada Jawatankuasa Tetap ini khususnya tentang satu saranan yang akan dijalankan oleh kerajaan iaitu penjenamaan semula SSIC yang akan dipanggil selepas ini Invest Selangor Berhad. Ini adalah satu usaha yang saya rasa tepat pada waktunya. Beberapa minggu yang lepas, Puan Pengerusi kita telah pun dimaklumkan bahawa ada satu laporan akhbar *Asian Wall Street Journal* tentang masalah ekonomi yang bakal dihadapi oleh Malaysia. Khususnya disebabkan khususnya disebabkan oleh kebertanggungan yang terlalu banyak ekonomi Malaysia terhadap komoditi dan pada waktu sekarang, maklum diketahui umum bahawa minyak kelapa sawit, susu getah dan juga minyak mentah. Harga pasaran ketiga-tiga komoditi ini telah pun merosot dan menyebabkan ekonomi Malaysia amnya dan khususnya ekonomi Selangor juga akan terjejas. Maka saya sebenarnya bangga dengan cadangan ataupun ulasan daripada Yang Berhormat EXCO bahawa kerajaan melalui *Invest Selangor* akan menarik lebih banyak pelaburan khususnya dalam 5 bidang yang disebut semalam. Jadi adalah menjadi

cadangan saya di dalam Dewan ini supaya Kerajaan selain daripada mengenal pasti 5 sektor utama yang perlu diberi penumpuan. Kita juga mengenakan beberapa strategi untuk memperkukuhkan pelaburan kemasukan pelaburan dalam kelima-lima sektor ini ke dalam Negeri Selangor. Contoh yang pertama ialah saya ingin mencadangkan kerajaan membawa satu strategi sekiranya terdapat *investment* ataupun pelaburan dalam bidang ini ke Negeri Selangor dan sekiranya saiz pelaburannya besar, barangkali melebihi RM1 bilion, kerajaan boleh mempertimbangkan sama ada kita menawarkan potongan premium tanah ataupun dalam potongan dalam bentuk *discount licence fees* dan sebagainya sebanyak 10% kepada mereka untuk meringankan kos pelaburan mereka.

Satu lagi strategi saya rasa telah pun digunakan di Pulau Pinang ialah sekiranya pelabur-pelabur asing ini tidak mahu dibelenggu dengan kos pelaburan yang tinggi, maka *Invest Selangor* barangkali GLC yang tertentu seperti PKNS boleh membina kilang ataupun bangunan kilang untuk pelabur ini dan kemudian disewa kepada mereka. Dengan itu pelabur-pelabur asing ini tidak perlu menanggung kos pelaburan yang terlampau tinggi.

Puan Pengerusi, saya sebenarnya ada juga ada ingin masuk ke beberapa jawatankuasa tetap yang lain tetapi kalau ikut perintah sampai 2, 10 minit kalau kita boleh beri laluan kepada EXCO untuk mengulas.

**TUAN SPEAKER:** Ia, pihak Kerajaan boleh memberi penjelasan atau ulasan.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih Kampung Tunku. Ia, berkenaan dengan cadangan untuk memberi potongan premium sebanyak 10% kepada pelabur-pelabur. Perkara ini kita akan kaji tapi pada dasarnya saya rasa ini bukan satu cara yang terbaik kerana dengan potongan 10% sekalipun sebenarnya jumlahnya tidak berapa banyak. Dan jika dilihat jenis insentif dan potongan cukai yang diberikan oleh Kerajaan Pusat, sebenarnya saya telah pun dibekalkan dokumen tersebut. Dia lebih tebal daripada fail ini. Yang insentif dan potongan cukai yang ditawarkan oleh pihak Kerajaan Persekutuan. Dan ini dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan melalui media kerana Kerajaan Persekutuan lah yang memungut cukai pendapatan. Sementara itu untuk Kerajaan Negeri, pungutan untuk premium ni hanya sekali sahaja. Jadi kesannya tidak seberapa kepada pelabur tetapi kesannya akan ketara kepada hasil yang akan dipungut oleh pihak Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun sebelum ini ada sebenarnya dasar Kerajaan untuk memberikan pajakan kepada pelabur-pelabur ini untuk menggunakan tanah tersebut untuk tujuan membina kilang tapi ada pelabur juga sebenarnya untuk jangka masa

panjang mereka rela, lebih rela untuk membeli dan itu walau bagaimanapun kita menyediakan ya apa tu kemudahan pajakan *lease*. Jadi dengan itu dia akan menggunakan sedikit kos tanah di pihak pelabur ini. Tapi saya rasa apa yang lebih penting adalah bagaimana kita dalam masa kita menarik pelabur ini juga melalui usaha-usaha kerajaan akan datang ini kita akan juga menyediakan platform untuk membantu mereka juga memasarkan barangan mereka bukan sahaja untuk pasaran Malaysia. Sebab pasaran Malaysia adalah terlalu kecil. Kita hanya ada penduduk sebanyak 28 juta sahaja. Kita harus melihat kepada pasaran yang lebih besar di rantau ini. Terima kasih.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Puan Pengerusi, saya

**TUAN SPEAKER:** Teruskan Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Ingin juga merujuk kepada VOT yang sama, butiran yang sama, kod yang sama tetapi untuk Jawatankuasa Tetap Perumahan. Iaitu saya telah pun memerhati Puan Pengerusi bahawa dalam perbahasan sehingga hari ini, kita telah menumpukan perhatian yang begitu banyak terhadap rumah mampu milik khususnya Rumah Selangorku. Tetapi ada satu isu di bawah Jawatankuasa Tetap ini yang belum lagi dibahas ataupun dibincangkan sehingga sekarang. Dan saya, tetapi saya rasa kepentingannya adalah sama penting seperti rumah mampu milik. Isunya adalah rumah, projek rumah terbengkalai. Saya rasa sehingga sekarang belum dengar lagi mana-mana ADUN yang membangkitkan isu ini. Tetapi saya, apa yang saya ingin bawa kepada Dewan yang mulia ini ialah kita masih belum dapat dengan izin, *track* mengesan kemajuan ataupun perkembangan pengurusan projek rumah terbengkalai ini. Sekali sekala kami akan disuapkan dengan informasi ataupun statistik tentang perkembangannya tetapi ianya bukanlah satu usaha berterusan. Dan saya ingin mencadangkan kepada Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Tetap ini supaya kalau boleh sekiranya mungkin kita bekalkan informasi ataupun statistik ini dalam bentuk laporan kertas putih kepada Dewan supaya kita boleh tahu setiap kali kita bersidang, kita hanya bersidang 3 kali setahun, kita akan tahu apa telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri terhadap katakana kita ada 100 projek 10 minit dan sekarang kita bersidang kita tahu daripada 100 projek ini berapa yang telah pun dipulihkan dan berapa yang masih dalam usaha Kerajaan Negeri Selangor. Jadi saya rasa ini adalah satu cara yang akan memperkasakan peranan pemantauan yang perlu dijalankan oleh Dewan Negeri Selangor ini. Jadi saya berhenti di sini untuk Jawatankuasa Tetap ini dan saya akan pergi ke Jawatankuasa Tetap yang lain.

**TUAN SPEAKER:** Pihak kerajaan.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD:** Terima kasih Yang Berhormat. Ada soalan pada hari Isnin, *Insyallah* soalan 98 tentang Jawatankuasa Projek Perumahan Terbengkalai dan kita akan jawab tentang masalah tersebut. Dan dari segi maklumat *insya-Allah* kita boleh lakukan. Sama ada sebagai suatu laporan berkala kepada Dewan ataupun apa yang boleh kita lakukan sekarang ini lebih kepada kita memaklumkan atau memasukkan ke dalam *website* Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor kesemua projek-projek yang terbengkalai dan statusnya. Tujuannya adalah bagi kepada, bukan sahaja kepada Ahli Dewan tetapi kepada mereka yang terlibat ataupun telah membeli di projek-projek terbengkalai tersebut dapat mengetahui akan apakah status projek tersebut. Jadi *Insyallah* kita akan lakukan pada awal tahun hadapan. Terima kasih.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih Yang Berhormat Speaker, Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa dan Pengerusi Jawatankuasa Tetap. Saya ingin merujuk kepada Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar di bawah muka surat dan butiran yang sama. Semalam saya telah pun mengatakan tentang cadangan untuk diadakan satu jawatankuasa kajian terhadap perubahan iklim dan makluman yang diberi adalah tentang bahawa Kerajaan Negeri Selangor akan menjalankan pembenihan awan. Ini adalah ulasan yang diberi oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar semalam. Saya kira jawapan ini benar tetapi ia tidak akan, ia hanya akan menyelesaikan masalah kita dari segi jangka pendek. Jadi untuk jangka masa panjang, saya berpendapat bahawa kerajaan perlu melakukan sesuatu yang bersikap bersifat berpanjangan di mana saya tetap mencadangkan kepada eksekutif diadakan satu jawatankuasa tentang perubahan iklim. Apa yang kita lihat sekarang ini ialah perubahan cuaca termasuk banjir, penurunan air hujan, puting beliung, tanah runtuh. Ia berlaku pada kadar yang sangat dahsyat, sangat serius dan tidak pernah berlaku sebelum ini. Musim kemarau lagi. Dan ia berlaku bukan sahaja di Selangor, di seluruh Malaysia, di seluruh dunia. Jadi saya lihat sehingga sekarang kita masih menyentuh isu ini di peringkat permukaan sahaja. Kita masih belum menyelami dasar hakikatnya ataupun faktor dia. Jadi saya mencadang supaya perkara ini diterajui oleh Jawatankuasa Tetap ini dan kita dapat isu kemarau, isu kekurangan air, isu tanah runtuh, isu bencana alam ini dengan satu pendekatan yang lebih holistik.

Semalam kita berbincang tentang, tadi kita berbincang tentang *modern pig farming* iaitu adalah pencemaran alam sekitar. Isu telah, isu ini telah pun

dibangkitkan oleh rakan saya dari Morib. Saya berpendapat dan saya juga ingin mencadangkan supaya apa yang diperlukan oleh Dewan ini adalah satu laporan yang lebih konsisten dan sistematik. Apa yang saya sifatkan sebagai konsisten dan sistematik ini ialah kita tidak boleh terima jawapan seperti kita perlu mengambil masa sedikit panjang. Kita perlu, kita sedang berusaha, kita memerlukan sedikit masa, kita perlu bincang. Setiap kali kita datang ke Dewan kita tanya soalan kemudian kita dapat jawapan yang sama. Saya rasa kita tidak boleh bincang lagi. Apa yang kita nak ialah apa yang telah dibincangkan. Berapa ramai penternak yang terlibat dan berapa ramai, ramai yang berminat dan telah pun mentransformasikan ladang dia kepada *modern pig farming*. Saya baca daripada surat khabar bahawa memang terdapat mereka yang, yang telah pun melaksanakan program *modern pig farming* ini, *modern pig farming* ke atas usaha mereka sendiri dan kesannya adalah sangat ketara. Jadi apa yang kita perlukan ialah statistik dan sebenarnya Puan Pengerusi, kalau kita lihat buku anggaran belanjaan ini, kita telah lihat isi kandungannya telah pun, tadi saya cadang potongan diskaun premium, ini isi kandungannya pun telah pun di diskaun. Dulu, kalau kita lihat buku anggaran perbelanjaan ini, kita akan dibekalkan dengan maklumat *input, output* dasar baru. Berapa kali kita akan bermesyuarat, apa akan dilakukan, *overtime* berapa kali, maklumat ini dahulunya dibekalkan. Tapi kalau kita lihat B01 terus sahaja anggaran, terus sahaja *dolar and cents*. Kita tak tahu. Jawatankuasa Tetap berapa kali mesyuarat dia. Yang Berhormat Sungai Pinang tadi kata jawatankuasa rumah ibadat bukan Islam dulu 3 kali setahun kerana kalau dari dulu kita tahu ini memang 3 kali setahun kerana dalam buku bajet ada sebut. Tapi sekarang ni maklumlah mujur kita ada Yang Berhormat beritahu kita bahawa mesyuarat sebulan sekali. Tapi bagaimana dengan jawatankuasa tetap yang lain. Saya tahu dahulunya ada jawatankuasa tetap bermesyuarat hanya 2 kali setahun pun ada. Jadi saya tempias sikit, lari sedikit kepada isu yang dasar ini dan saya berharap Yang Berhormat, Jawatankuasa Pengerusi Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, kita boleh lihat isu ini supaya kita boleh memberi maklumat yang lebih banyak dan lebih komprehensif ke dalam Dewan yang mulia ini. Itu sahaja sedikit ulasan saya.

**TUAN SPEAKER:** Pihak kerajaan, Bukit Lanjan.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Terima kasih Kampung Tunku. Saya tiada halangan untuk menubuhkan satu Jawatankuasa Perubahan Iklim tapi mungkin bukan Jawatankuasa Perubahan Iklim tapi macam mana jabatan-jabatan yang berkenaan boleh menangani masalah yang timbul oleh efek, kesan daripada perubahan iklim. Saya ingin juga tambah serba sedikit. Untuk menangani kesan-kesan yang, yang disebabkan oleh perubahan iklim ada

beberapa perkara yang perlu disentuh. Bukan sahaja pembenihan awan, tetapi pada masa yang sama, banjir. Kerajaan Negeri Selangor sebenarnya telah membuat satu dasar di mana sekarang kita tidak merancang pembangunan tepi sungai khususnya ataupun tepi laut mengikut dasar lama iaitu dengan izin a *100 year flood plan* kerana kita boleh lihat bukan sahaja di Selangor tetapi di seluruh Negara Malaysia. Banjir yang sangat teruk lebih kerap berlaku. So, selain daripada Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, pelbagai jabatan juga perlu masuk dalam mungkin ini jawatankuasa teknikal sebagai contohnya JPS, Jabatan Alam Sekitar termasuk LUAS dan sebagainya. Saya memang terima baik cadangan daripada Bukit, Kampung Tunku dan ini akan, saya akan laporkan kepada Dewan pada tahun depan khususnya juga kerana kita ada satu jawatankuasa tetap yang baru iaitu berkenaan tentang teknologi hijau. Dan teknologi hijau adalah antara cara-cara di mana kesan daripada perubahan iklim dapat ditangani iaitu dengan mengurangkan *carbon emission*, dengan izin di Negeri Selangor.

Keduanya, saya terima teguran daripada Kampung Tunku. Tapi ini hakikat bukan senang untuk Kerajaan Negeri, mana-mana Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan masalah perladangan khinzir. Dan pada masa yang sama dalam 1 tahun ini, 1 tahun lebih ini, kita telah ada 2 EXCO yang jaga pertanian. Jadi saya juga minta bukan sahaja Kampung Tunku tetapi Dewan ini untuk memberi sedikit masa kepada EXCO baru yang jaga pertanian daripada Taman Templer supaya beliau boleh menyesuaikan dan juga boleh memberi mungkin 1 arah untuk menyelesaikan masalah ini yang lebih mantap. Saya hanya antara ahli dalam jawatankuasa tersebut dan tanggungjawab ini diberi kepada Yang Berhormat Taman Templer dan kita juga perlu memberi sokongan penuh kepada Taman Templer untuk menyelesaikan perkara ini. Kita telah ada selepas Yang Berhormat Taman Templer mengambil jawatan tersebut, beliau telah ada 1 mesyuarat penuh yang juga dihadiri oleh ADUN-ADUN berkenaan dan juga jabatan-jabatan berkenaan dan pada bulan depan, bulan Disember 1 mesyuarat lagi diadakan, ada lawatan dan sebagainya. Jadi memang ini kita cuba *fast track* secepat boleh.

**TUAN SPEAKER:** Saya nak ingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat semua untuk merujuk kepada perintah Tuan Speaker 1/2012. Ini bukan masa untuk ceramah. Semua orang diberi 10 minit pergi terus kepada *point* perbincangan dan EXCO pun boleh terus kepada jawapan. Tak payah ceramah panjang ya. Kepada semua ADUN ya. Baiklah Kampung Tunku 10 minit sudah habis untuk Kampung Tunku

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Ia? Sudah habis ya?

**TUAN SPEAKER:** Ia

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Nanti saya masuk B02

**TUAN SPEAKER:** Saya nak bagi peluang kepada ADUN-ADUN yang lain untuk bincangkan di bawah B01. Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RUSHYKARAN:** Terima kasih Puan Pengerusi. Saya ingin bermula di perkara yang sama, muka surat 54, perkara 29000. Jawatankuasa Tetap Infrastruktur dan Kemudahan Awam. Saya ingin menyambung daripada Kampung Tunku berkenaan dengan perubahan iklim. Ini yang *point* pertama. Bahawa dalam menangani perubahan iklim ada 2 cara. *Adaptation or Mitigation*. *Mitigation*, kita mengurangkan *effect world* perubahan iklim. Kita cuba buat banyak *green building* supaya pengurangan karbon tetapi saya rasa Kerajaan Negeri perlu beri pendekatan kepada *adaptation*. Macam mana kita nak mengubah bandar-bandar kami, macam mana kita nak ubah infra-infra kami supaya dapat menampung dengan iklim yang berubah. Sebab di Negeri Selangor dan di Malaysia, *there's not much we can do*, dengan izin sebab negeri seperti China, Amerika, Rusia, Australia yang mereka yang membuat *pollution* yang terbesar. Kalau kita potong semua pencemaran kami pun iklim tetap akan berubah. Jadi macam mana kita nak buat *adaptation* dengan izin supaya infra di Negeri Selangor boleh menampung dengan iklim yang akan berubah. Saya mohon jawapan sebelum saya sambung.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih Bukit Gasing. Saya sebenarnya pun berkongsi rasa yang sama dengan Bukit Gasing dan di peringkat portfolio dan jawatankuasa sedang melihat perkara ini termasuk jugalah semalam dinyatakan bagaimana kita akan tubuhkan 1 jawatankuasa khas khusus untuk banjir dan sebagainya akan melihat kembali dari sudut infrastruktur bagi kita melakukan 1 adaptasi kepada permasalahan perubahan cuaca. Terima kasih

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RUSHYKARAN:** Terima Yang Berhormat Taman Templer. Yang kedua, kepada Jawatankuasa Tetap Pertanian. Yang ini juga berkenaan dengan perubahan iklim. Perubahan iklim ini pasti akan mengganggu pertanian, nelayan dan juga petani sayur-sayuran dan sebagainya. Jadi saya harap kerajaan Negeri boleh jadi peneraju untuk membuat perubahan yang sesuai supaya sektor pertanian di Negeri Selangor boleh bertukar, boleh



membuat *adjustment* yang perlu untuk menangani perubahan iklim dalam tahun-tahun yang akan datang. Ada nak jawab ke atau?

Okey. Yang ketiga, saya ingin merujuk kepada perkara yang sama Jawatankuasa Tetap Pengangkutan. Tadi saya mendengar jawapan dari sesi soal jawab yang berkata untuk mengatasi masalah pengangkutan, kita belum ada 1 pelan induk. Saya tahu bahawa MRT dan LRT ini memang akan membantu di Negeri Selangor tetapi MR dan LRT ini tak akan sampai 10, 20% of Negeri Selangor. Ada banyak kawasan perbandaran di Negeri Selangor yang akan jauh daripada mana-mana stesen MRT ataupun LRT. Saya harap Kerajaan Negeri akan proaktif untuk mencari penyelesaian untuk memberi akses pengangkutan awam kepada semua kawasan perbandaran ini. Saya tahu lesen pengangkutan di bawah pihak Kerajaan Persekutuan. Tetapi Kerajaan Negeri boleh proaktif untuk menekan Kerajaan Pusat. Kerajaan Negeri juga boleh proaktif untuk merangka 1 pelan induk bagi tujuan menekan Kerajaan Pusat ataupun bekerja dengan Kerajaan Pusat supaya akses pengangkutan awam ini akan menyeluruh di seluruh Negeri Selangor. Mohon sedikit ulasan sebelum saya bersambung.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Terima kasih Tuan Speaker, Tuan Pengerusi dan terima kasih Bukit Gasing. Sebenarnya adalah tidak praktikal untuk Kerajaan Negeri untuk menyediakan 1 pelan induk pengangkutan kerana ia di luar bidang kuasa ya. Kita kena lihat kepada dalam Jadual 9 dalam Perlembagaan Persekutuan. Tapi Kerajaan Negeri telah pun mengarahkan Jabatan Perancang Bandar dan Desa untuk menyediakan pelan induk dari segi penyediaan infrastruktur bagi menampung keperluan pengangkutan awam khususnya bagi kawasan-kawasan pembangunan yang baru. Sama ada kawasan perumahan atau perindustrian. Memang diarahkan untuk menyediakan 1 pelan untuk jangka masa panjang. Tapi yang untuk perbandaran yang sedia ada, itu menjadi masalah. Itu kita amat bergantung pada pihak Kerajaan Persekutuan. Jadi, langkah-langkah yang proaktif memang kita cuba dengan keadaan sekarang ini, dengan keadaan kewangan Kerajaan Negeri dan juga keadaan kewangan Kerajaan Tempatan. Kerajaan Negeri telah pun mengarahkan supaya bagi Pihak Berkuasa Tempatan yang mempunyai kemampuan dari segi kewangan untuk menyediakan bas percuma. Dan Kerajaan Negeri juga dalam proses ni juga dalam cadangan belanjawan tahun ini telah pun menyediakan sebanyak RM3.5 juta. Kalau disediakan RM350 juta senang kita nak buat kerja. Tapi hanya kita mampu memperuntukkan sebanyak RM3.5 juta dan kita akan menggunakan sebaik-baiknya untuk mencadangkan, mungkin projek perintis. Menguji sama ada model, menguji model yang baru

untuk kawasan yang belum disediakan lagi bas perkhidmatan awam percuma ini. Dan sedang dalam perbincangan adalah mungkin kita akan menjalankannya sama ada di dalam kawasan Majlis Perbandaran Subang Jaya ataupun Majlis Perbandaran Klang kerana buat masa ini pihak Petaling Jaya dan Shah Alam telah pun memulakan projek mereka dalam menyediakan perkhidmatan bas awam percuma ini. Tapi untuk kawasan-kawasan lain, saya tahu di Ampang Jaya juga turut permintaan tapi di sebabkan kekangan ini maka kita kena melaksanakan secara berperingkat-peringkat.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RUSHYKARAN:** Saya menyambut baik perkhidmatan bas percuma yang mula disediakan oleh PBT-PBT tetapi dari segi *big picture*, dengan izin perkhidmatan bas percuma ini tidak cukup. Kalau kita lihat sebagai perbandingan dengan *Klang Valley*, Lembah Klang keluasan bandar raya London lebih kurang sama dengan keluasan *Klang Valley* lebih kurang 2 ribu lebih kilometer persegi. Penduduk bandar raya London 7 juta lebih, Lembah Klang 6 juta lebih. Pun tidak jauh beza dia. Tetapi bandar raya London mempunyai 7,500 bas yang berkhidmat untuk semua penduduk tetapi di Lembah Klang kita ada hanya 1,500 bas. Jika kita membekalkan 10 bas di MBPJ, 10 bas di MBSA dia *is a drop in the ocean*. Apa yang kita perlu membekalkan. Itu yang saya kata saya rasa Kerajaan Negeri mungkin tidak ada kemampuan kewangan tapi kita perlu proaktif. Saya pun ada banyak kali bermesyuarat dengan pihak SPAD, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat. Jelas sekali mereka tidak akan membentuk 1 pelan induk untuk bandar raya Shah Alam, bandar raya Subang Jaya dan sebagainya. Jadi kalau Kerajaan Pusat tidak membuatnya, saya harap Kerajaan Negeri akan proaktif demi kesejahteraan penduduk. Saya juga nak bagi 1 contoh di Negeri Pulau Pinang. Pada tahun lepas mereka membentuk 1 pelan induk pengangkutan termasuk pengangkutan awam yang menunjukkan bukan sahaja pembinaan lebih raya baru tetapi pembinaan rel baru dan sebagainya. Jadi saya rasa tidak menyalahi perlembagaan untuk Kerajaan Negeri membentuk pelan induk tersebut. Saya harap perkara ini boleh diberi pertimbangan. Terima kasih.

**YB. DATO' TENG CHANG KHIM:** YB, dalam menyelesaikan masalah ini bukan soal pro aktif ke tak pro aktif, kita boleh banyak pro aktif melantik pakar yang terbaik dari dunia, dari London, dari mana-mana New York sekalipun tapi bila duit tak ada tak boleh. Itu yang asasnya. Jadi kita tak boleh bandingkan dengan London. Yang pertama London mempunyai sejarah yang lama, lebih daripada seratus tahun dan cukainya lain. Sini kita naik fi lesen sikit pun dah sebelah sana dah bising macam kita lakukan lebih teruk daripada GST. Tapi kalau dalam keadaan ni kalau kita tak sudi bayar cukai yang lebih tinggi tak mampu bayar

kalau bukan tak sudi maka kita terpaksa menerima hakikat ni, *adaptation*, kita kena menerima, ini hakikat nya duit kita tak banyak, kita naikkan cukai akan bebankan rakyat kita kurangkan kita nak bantu melalui saluran bagi apa tu bantuan untuk universiti, bantuan untuk biasiswa dan sebagainya maka kita terpaksa *compromise* dalam perkara ini. Dan *plan* hanya akan berkesan sekiranya disokong oleh kewangan. Jadi sebelum kita memberi kewangan mencukupi kita terpaksa bergantung kepada kemampuan kewangan kita untuk merancang. Itu yang dilakukan oleh pihak kerajaan negeri. Dan pihak JKR juga semalam saya dimaklumkan tiada pelan induk memang pelan pengurusan trafik ini. Jadi bidang kuasanya dan kuasanya adalah dibawah SPAD di Kerajaan Persekutuan. Kita nak sekarang ni kalau kita nak melantik mana-mana syarikat yang sudi kalau katakan ada syarikat hendak membuat CSR nak bagikan bas kita kena dapatkan persetujuan daripada SPAR kita nak buat rail pun kita perlu kelulusan daripada SPAD dan bukan mudah ya kerana dia akan juga rujuk kepada *plan* yang telah pun disediakan oleh pihak persekutuan. Jadi dalam perkara ini kita terpaksa praktikal tapi dan usaha ni saya rasa saya tak tahu apa yang akan berlaku di Pulau Pinang tapi setakat ini saya kira dalam Pulau Pinang itu keadaan di dalam pulau itu keadaan trafiknya lebih teruk daripada Selangor. Saya kira saya ada pengalaman baru-baru ini juga...lebih teruk. Jadi saya kira kalau nak tengok Pulau Pinang kita tengok di mana kejayaan dululah. Di mana perancangan kita belum tahu lagi. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Masa sudah tamat untuk Bukit Gasing. Hulu Kelang.

**YB. TUAN HAJI SAARI SUNGIB:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya ingin ambil bahagian. Pertamanya adalah muka surat 54 berkenaan dengan semua jawatankuasa tetap. Di sini disusun semua diatur semua ini menggambarkan menunjukkan terdapat 39 jawatankuasa tetap kalau tidak silap saya tetapi saya ingin tekankan satu konsep dalam pelaksanaan kerja kerana peruntukkan dia agak banyak seratus ribu setiap jawatankuasa tetap itu konsep politik akal budi yang menekankan tentang keprihatinannya terutamanya terhadap kemiskinan rakyat. Kita alu-alukan apa yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri dengan meningkatkan garis paras kemiskinan kepada seribu lima ratus ringgit yang bererti 30% daripada rakyat Selangor berada dalam keadaan miskin yang berjumlah 1.5 juta. Jadi oleh kerana itu jentera penggerak kepada kerajaan boleh kita katakan adalah jawatankuasa tetap dibawah EXCO masing-masing. Saya mencadangkan satu perkara yang perlu ditekankan dalam menggerakkan jentera perubahan ke arah pembasmian kemiskinan pertamanya adalah untuk mewujudkan kesedaran, kefahaman, penghayatan dan fokus kerja agar setiap jawatankuasa tetap ini menguruskan kerja-kerja mereka ke arah pembasmian

kemiskinan. *Quite* berfalsafah pendekatan ini tetapi ya ini kami sedar apabila jawatankuasa pilihan khas mengadakan pertemuan tertutup dengan beberapa agensi perkara ini tidak begitu menonjol dalam paradigma dan pemikiran penggerak dan pemimpin dalam jawatankuasa tetap.

Yang keduanya adalah *synergy*, kerana kita lihat contohnya jawatankuasa tetap kemiskinan kerajaan prihatin, pekerja ladang dan boleh dikatakan pengguna dan boleh dikatakan hampir semua sebenarnya terlibat dalam proses yang untuk meningkatkan kemakmuran meningkatkan pendapatan rakyat kesejahteraan hidup yang sudah pasti berkait langsung secara *direct*, dengan izin, dengan pembasmian kemiskinan. Dengan itu pendekatan *synergy* apa jawatankuasa yang boleh mengadakan pertemuan sekali serentak hendaklah diwujudkan. Di dalam pendidikan desa, perumahan kerajaan prihatin di mana kita boleh mengurangkan birokrasi cuba kita aturkan agar kurangkan birokrasi. Dan daripada 39 jawatankuasa tetap ini saya mencadangkan boleh dibahagikan kepada dengan izin, *anchor* jawatankuasa dan *supporting* jawatankuasa. Jadi strategik itu dilakukan diperingkat awal sebaik sahaja permulaan tahun 2015 bermula. Jadi saya ingin penjelasan daripada pihak kerajaan.

**TUAN SPEAKER:** Pihak kerajaan silakan.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih YB Hulu Kelang. Saya menyambut baik peringatan yang diberikan oleh YB Hulu Kelang dan sekiranya kita merujuk kepada ucapan belanjawan yang telah dibentangkan pada 24 November yang lalu saya memulakan dengan menekankan falsafah yang sama kerana Kerajaan Negeri pada hari ini menekankan soal pembangunan bukan sahaja daripada aspek pembangunan fizikal dan pertumbuhan tetapi juga menekankan dengan jumlah perbelanjaan yang besar soal ekonomi kemanusiaan. Sebab itu elemen-elemen seperti budaya, *intellectual discourse* itu diberikan peranan yang penting dalam pembangunan di negeri Selangor. Untuk memastikan pelaksanaan ini berjalan dengan baik selain daripada saranan YB tadi supaya jawatankuasa tetap ini diasingkan dari segi keutamaan peranannya. Pagi ini dalam Mesyuarat Majlis MMKN kita telah mengambil ketetapan supaya dibentuk satu jawatankuasa tertinggi diperingkat negeri untuk memantau secara berkala setiap tiga bulan pelaksanaan semua perkara yang telah dibangkitkan di dalam belanjawan. Dan jawatankuasa ini kita akan dia akan dianggotai bukan sahaja oleh beberapa EXCO Kanan Kerajaan Negeri tetapi juga Pengarah JKR, Pengarah JPS dan beberapa jabatan dan agensi yang penting sebagai agensi pelaksana dan kita mahu setiap tiga bulan itu kita tahu *exactly* pencapaian yang telah dibuat. Dan kita akan laporkan ini di dalam

Dewan Negeri ini supaya ahli-ahli YB dapat memantau pelaksanaan dan juga proses kerja-kerja yang telah kita janjikan. Terima kasih.

**YB. TUAN HAJI SAARI SUNGIB:** Terima kasih Dato' Menteri Besar. Terima kasih pengerusi. Seterusnya saya membawa Dewan ke muka surat 61 butiran Program Aktiviti 564001 tentang 29000 Perkhidmatan Ikhtisas dan perkhidmatan lain yang dibeli dan hospitaliti khususnya di bawah kod objek Pusat Latihan dan Dasar Baru. Penekanan tentang latihan ini memang telah dapat dilihat begitu menonjol dalam pentadbiran sesi 2008 hingga 2013 dengan program SPIES yang juga akan saya sentuh kemudian. Tetapi yang saya ingin tarik perhatian dari Dewan adalah tentang Pusat Latihan Dasar Baru. *Training* ataupun latihan yang berkesan adalah *hands-on*. Satu latihan, dengan izin, yang mewujudkan satu perkongsian di antara peserta kursus dan yang membimbing kursus ataupun fasilitator. Di mana pengalaman, penghayatan, perkongsian yang dizahirkan daripada keikhlasan kesucian akal budi dikongsi dengan kakitangan awam. Dulu pernah saya dijemput sekali dalam latihan di pusat latihan PBT di Morib, di Banting atau di Kuala Langat untuk berkongsi. Sesinya berjalan dua jam. Tetapi segala pengalaman daripada peserta dan fasilitator dikongsi bersama hingga mewujudkan satu penghayatan. Jadi saya ingin mencadangkan bahawa penggerak dalam kerajaan samaada di peringkat EXCO, di peringkat ADUN, di peringkat ahli parlimen daripada Pakatan Rakyat, pihak kerajaan hendaklah diatur disusun agar mereka mewujudkan satu modul dan dapat dilaksanakan dalam memberi pencerahan, perkongsian *hands-on* pengalaman dalam pentadbiran kerajaan di peringkat PBT di peringkat daerah di peringkat negeri dalam menyantuni rakyat. Kita telah menekankan perkara ini dalam sesi yang lepas di mana *customer* kita dengan izin yang utama adalah rakyat. Dan kadang-kadang mereka datang beratur untuk membayar cukai, membayar cukai tanah. Kenapa kita tidak menyantuni mereka dengan mengurangkan tempoh masa mereka menunggu dalam *que* untuk membayar cukai dan bayaran-bayaran yang sebenarnya adalah hasil kepada negeri. Jadi konsep yang perlu kita tanamkan adalah bagaimana jurang perbezaan dari segi status dan sebagainya itu dapat kita kurangkan dengan perkhidmatan kita menyantuni rakyat. Jadi saya ingin pandangan daripada Menteri Besar, daripada kerajaan adakah konsep ini sesuai dalam kod objek yang tadi telah saya nyatakan dan kalau tidak boleh diletakkan dalam mana-mana kod objek dan program lain agar konsep ini dapat kita terapkan di mana penglibatan pembabitan setahun sekali dua kali di kalangan baris pimpinan EXCO dengan Dewan dengan ADUN untuk bertemu dengan kakitangan awam peringkat PBT dan Peringkat Pejabat Daerah untuk dilaksanakan dengan baik. Terima kasih.

**YB. TUAN NIK NAZMI NIK AHMAD:** Terima kasih Hulu Kelang. Sebenarnya kalau ikut perkara 564001 ini ia sebenarnya merujuk kepada PULAPES di Jugra, ILPBT di Morib dan Pusat Latihan Belia. Tetapi saya mengambil maklum apa yang telah dicadangkan oleh Hulu Kelang tersebut dan di bawah *Standco* modal insan. Dan kita akan melihat bagaimana kita dapat melaksanakan cadangan tersebut.

**YB. TUAN HAJI SAARI SUNGIB:** Terima kasih YB EXCO. Pengerusi seterusnya saya pergi ke muka surat 66. Kod Projek Butiran 10030 Perbandaran, Dewan Orang Ramai, peruntukan negeri sebanyak RM500,000.00 untuk tahun 2015. Saya rasa ini adalah satu peningkatan berbanding dengan pada bajet yang lepas iaitu RM100,000.00 di mana pentingnya.....

**TUAN SPEAKER:** Muka surat mana satu lagi Hulu Kelang

**YB. TUAN HAJI SAARI SUNGIB:** RM100,000.00

**TUAN SPEAKER:** Muka surat

**YB. TUAN HAJI SAARI SUNGIB:** Ooh.....66

**TUAN SPEAKER:** 66 Pembangunan

**YB. TUAN HAJI SAARI SUNGIB:** Belum lagi ya...

**TUAN SPEAKER:** Sudah masuk P

**YB. TUAN HAJI SAARI SUNGIB:** Ok

**TUAN SPEAKER:** Kita hadkan perbahasan kepada bekalan. Hulu Kelang boleh bangkitkan dalam usul Pembangunan nanti.

**YB. TUAN HAJI SAARI SUNGIB:** Baik, terima kasih. Sekian Pengerusi saya di sini sahaja.

**TUAN SPEAKER:** Ok. Sekinchan...

**YB. TUAN ENG SUEE LIM:** Terima kasih Tuan Speaker. Sekinchan juga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan jawatankuasa Tuan Pengerusi. Jawatankuasa pembekalan. Muka surat 54 Kod Butiran 50500 Pentadbiran dan

Kewangan Jawatankuasa tetap Majlis Ekonomi Selangor (MTES). Saya menarik perhatian Dewan Yang Mulia ini berkenaan dengan peranan MTES ini. Kita sedia maklum seminggu selepas EXCO adalah mesyuarat MTES. Dan saya nampak daripada pengamatan saya selama ini banyak keputusan-keputusan daripada mesyuarat MTES ini tidak turun ya ataupun turun sampai ke Pejabat Daerah ataupun agensi yang dipertanggungjawabkan untuk mengambil tindakan. Ada keputusan-keputusan MTES itu ditinggalkan begitu sahaja ya dan tidak ada tindakan daripada jawatankuasa bukan jawatankuasa agensi yang berkenaan. Umpamanya ada satu keputusan daripada MTES sampai ke Pejabat Tanah dan Daerah, sebagai contoh dan keputusan itu kadang-kadang diletak disitu dan apabila agensi menghadapi sedikit masalah ataupun apa mereka letak di situ dan tidak ada tindakan langsung. Apabila ditanya lepas tiga bulan tak tau lagi tanya lagi hulur sebelah sini tengok sebelah sini sebelah sana tak ada tindakan yang untuk mendapatkan keputusan menjalankan keputusan tersebut. Jadi saya mohon ada satu jawatankuasa khas untuk merujuk kepada tindakan MTES ini semua tindakan keputusan MTES ini ada tindakan dan ada laporan. Ha ini antara MTES yang saya nak bangkitkan tentang MTES, minta sedikit penjelasan.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih YB Sekinchan. Mengikut amalannya Mesyuarat Tindakan Ekonomi Selangor ini akan membincangkan perkara-perkara yang berbangkit yang memerlukan penjelasan lanjut dari segi teknikalnya daripada Jabatan dan agensi yang berkenaan dan apabila perkara ini dibangkitkan Pegawai Daerah yang berkenaan dan YDP yang berkenaan serta Ketua-ketua Jabatan yang ada kaitan dengan isu itu akan dipanggil untuk membincangkan perkara-perkara yang dibangkitkan dan disitulah kita mengambil satu penderiaan dan penderiaan ini keputusan ini akan dibawa dalam Mesyuarat EXCO untuk disahkan. Jadi isunya ialah keputusan yang diambil dalam MTES itu diketahui oleh Pegawai Daerah dan YDP yang berkenaan dan Ketua-ketua Jabatan dan agensi yang berkaitan tentang penderiaan yang diambil oleh MTES dalam sesuatu perkara. Cuma sebaik sahaja keputusan ini disahkan dalam Mesyuarat EXCO kita akan beri secara bertulis dan saya percaya semua keputusan-keputusan yang telah diambil dan disahkan ini akan dilaksanakan di peringkat daerah dan juga PBT yang berkenaan. Sekiranya YB ada isu-isu tertentu boleh laporkan supaya kita dapat memantau dari segi pelaksanaan keputusan tersebut.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih atas respons Y.A.B. Dato' Menteri Besar ya kita akan kemukakan. Kalau saya nampak perkara itu kerana saya nampak kelemahan dari situ dan seterusnya saya ingin menarik perhatian juga dalam kod yang sama jawatankuasa tetap penerangan. Penerangan di mana

YAB Dato' Menteri Besar memberitahu CCSB akan diatur semula dan sebagainya, itu bagus cuma saya nampak masih ada keperluan kalau boleh diwujudkan satu pegawai penerangan di setiap kawasan, di setiap DUN kerana sebaran kita dari segi maklumat ini setakat ini memuaskan. Kita boleh tambah baik kerana ada pegawai penerangan ini kita boleh memanfaatkan dengan apa penaja-penaja sebaran khususnya semua info Kerajaan Negeri kepada kawasan Ketua Kampung dan sebagainya. Saya rasa pegawai penerangan ini sangat penting.

**YAB. DATO' MENTERI BESAR:** Y.B. Sekinchan sedia maklum bahawa pada satu ketika dahulu Kerajaan negeri ada memperkenalkan Program Pikom tetapi kita menghadapi beberapa masalah dari segi keberkesanan pelaksanaan program ini dan sebab itu saya memutuskan supaya struktur CCSB ini diteliti semula dan perkara-perkara yang melibatkan soal komunikasi dan penerangan akan dikemukakan kepada Lembaga Pengarah CCSB dan putus dalam MBI untuk dilaksanakan dan isu yang dibangkitkan oleh Sekinchan tadi adalah sebahagian daripada perkara-perkara yang akan terlibat dalam penstrukturan semula peranan CCSB.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih YAB Dato' Menteri Besar. Tuan Pengerusi saya ingin juga menarik perhatian Dewan Yang Mulia Ini tentang kod yang sama dalam Jawatankuasa Tetap Kebajikan. Jawatankuasa-jawatankuasa Tetap Kebajikan baru-baru ini dalam Laporan Audit 2013 dalam sebaran akhbar-akhbar kita dituduh di Selangor di katakan kita antara negeri yang mempunyai rizab yang tinggi RM2.9 dalam Audit 2013 tetapi kita bayar skim bantuan am SBA. SBA paling kedua terendah di Malaysia RM175. Ah ini dalam laporan akhbar dan saya nampak dalam perkara ini minta penjelasan kenapa perkara ini berlaku dan kalau boleh kita boleh tambah peruntukan supaya kita jangan dituduh kita tidak beri peruntukan, terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih kepada Sekinchan, Tuan Speaker tentang bantuan am ya yang di peruntukan oleh Kerajaan Negeri pada pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat yang mana setiap tahun kita di peruntukan sebanyak RM14.269 juta untuk bantuan am sahaja yang mana penerimanya adalah sejumlah 7,131. Kadar yang diberikan oleh kerajaan negeri atau pun Jabatan Kebajikan Masyarakat Selangor adalah daripada RM75 ke RM175 dan kita memberi kadar ini antara RM100, RM150 dan RM175 dan ia adalah kadar yang kedua terendah di Malaysia. Jadi sebab itulah kita sedang mengkaji untuk menambahkan kadar bantuan am ini kepada paras RM300. Jadi insya-Allah satu kertas cadangan akan dikemukakan kepada Majlis MMKN.



**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Y.B. EXCO, saya harap perkara itu dapat diteliti kerana tersebut. Saya ingin menarik perhatian di Dewan Yang Mulia Ini tentang kod yang sama iaitu Jawatankuasa Tetap Adat Melayu dan Warisan, Adat Melayu dan Warisan minta perhatian EXCO yang berkenaan. Saya nampak setelah apa matlamat Penubuhan Perbadanan agar Melayu dan Warisan ini iaitu padat ya. Jadi mana saya nampak kalau kita cerita bincang soal warisan ini di Selangor ini kita kaya dengan pelbagai tapi saya nampak dalam konteks ini dalam struktur Perbadanan ini 63 perjawatan yang ada saya nampak kesemuanya, semuanya di jawatan oleh Melayu, tak ada seorang pun dari India atau Cina. Saya nak tahu sama ada dengan sentuh sedemikian boleh memberi idea-idea atau pun cadangan warisan ini bukan sahaja Melayu, dia kena warisan ini mungkin ada warisan daripada kaum Cina, kaum India dan sebagainya. Jadi kita kepelbagaian jadi saya nampak ada Melayu ini sesuatu kita tidak fokus atau pun kita dalam strukturnya dan juga dari segi matlamatnya. Saya minta penjelasan daripada EXCO dalam konteks ini.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Terima kasih Sekinchan yang cukup prihatin dengan jawatan tetap ini? Perbadanan Adat Melayu dan Warisan ini adalah satu penjenamaan semula yang mana dulu adalah Jabatan Muzium, Pemuziuman Negeri. Walaupun dalam perjawatan melibatkan penjawat-penjawat yang selain daripada Melayu ini tetapi seperti mana yang kita sedia maklum bahawa Warisan ini juga meliputi Warisan Adat-adat Melayu, India dan juga Cina dan perbincangan yang diadakan berkaitan dengan Warisan ini dalam Ahli Mesyuarat di Lembaga Padat diwakili oleh Akademik *Academician* termasuklah Melayu, India dan juga Cina yang mana ada juga dibincangkan pun begitu saya kira ada banyak perkara yang perlu kita teliti semula dan sebenarnya kita pun sudah bermula. Pada minggu ini kita ada sebagai contoh pada minggu ini Seminar berkaitan dengan Adat dan Pantang Larang yang melibatkan ke pelbagai kaum yang saya kira ia akan menjadi satu kertas untuk dibincangkan dan akhirnya kita akan terap bagaimana di dalam perkara yang berkaitan dengan Warisan ini boleh kita war-warkan dalam kepelbagaian kaum itu sendiri. Insya-Allah saya akan meneliti dengan lebih baik lagi di masa akan datang supaya ianya juga bila kita sebutkan berkaitan Warisan meliputi kawasan-kawasan atau pun pembangunan atau pun bangunan-bangunan, adat-adat yang bersifat kepelbagaian ini, terima kasih.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Sedikit, sedikit Tuan Pengerusi, Puan Pengerusi berkenaan dengan Adat Warisan Melayu ini saya ambil maklum dengan jawapan daripada EXCO tapi saya cuma tengok dari segi Ahli Lembaga Pengarah atau

pun daripada susunan ada seorang kalau tak silap ada seorang bernama Lim Swee Tin, Lim Swee Tin dalam adat Warisan padat ini. Dia seorang penyair betul, warisan penyair tetapi dia tak tahu Bahasa Cina, walaupun dia Cina saya bukan nak kata apalah dia Cina tapi tak faham Bahasa Cina ya maaf saya kata dia penyair, dia tidak mewakili dia tidak akan beri input tentang budaya Cina dan sebagai, dia akan bagi tahu penyair Melayu. Jadi perkara ini saya minta dia Cina tapi tak tahu Bahasa Cina, minta penjelasan.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Sekinchan, walaupun Ahli Lembaga Padat itu sendiri dia mungkin bukan yang tahu khusus berkaitan dengan Warisan ini tetapi juga di dalam perbincangan itu contohnya dalam program-program yang kita rancang selepas itu memanggil mereka-mereka yang arif tentang Adat-adat yang berkaitan dengan sesuatu kaum pun saya terima kasih di atas yang di *highlight* kan dengan izin oleh Sekinchan, saya akan mengambil tindakan, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Y.B. yang lain, Kinrara.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN:** Tuan Speaker terima kasih. Saya hanya ada satu perkara yang ingin nak bangkitkan dalam B.01 saya rujuk kepada muka surat 60 Butiran 563000 Bahagian Korporat. Setahu saya selama ini segala aduan daripada orang awam mahu pun melalui *hotline*, *e-mail* atau pun *website* kerajaan negeri akan diterima oleh Bahagian Korporat dan selepas itu Bahagian Korporat itu akan agihkan aduan-aduan ini kepada Jabatan masing-masing untuk proses. Tetapi selama ini mungkin Jabatan-jabatan yang berkaitan itu dia perlu masa untuk proses atau mengambil tindakan terhadap aduan-aduan yang dikemukakan tetapi pengadu tidak terima maklum balas daripada mana-mana jabatan pada waktu yang menunggu ini. Jadi saya ingin mencadangkan supaya Jabatan Korporat, Bahagian Korporat selepas agihkan aduan itu kepada Jabatan mereka mungkin boleh memberi satu maklum balas kepada pengadu sekurang-kurangnya maklum balas itu kena beritahu yang aduan itu telah diagihkan kepada Jabatan yang mana dan sesiapa yang perlu hubungi untuk *follow-up*, ah sekian terima kasih.

**YAB. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Y.B. Kinrara, saya lihat itu satu cadangan yang baik bagi penambahbaikan urusan tadbir kerajaan negeri di semua jabatan dan agensi dan saya boleh mengambil perkara ini secara serius dan kita akan bawa dalam Mesyuarat yang akan datang dan memaklumkan kepada semua Jabatan dan Agensi supaya apabila Bahagian Korporat telah mengagihkan tugas dan aduan tersebut kepada jabatan berkenaan pihak

pengadu perlu dimaklumkan tentang status dan kedudukan rayuan yang berkenaan, terima kasih Y.B.

**TUAN SPEAKER:** Sri Andalas, 2 minit, tanya soalan dulu kita boleh sambung nanti.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** 64 Jawatankuasa Tetap Kewangan, walaupun negeri ada banyak program di bawah kewangan, yang itu utamanya ialah MES, sekarang kita sudah sampai ke mana semua ADUN-ADUN faham program-program MES di dalam pejabat masing-masing. Tetapi sekarang saya nampaknya ialah birokrasi dan juga permintaan untuk program-program berkenaan ini meningkat sangat. Kita perlu ada seorang pegawai di dalam pejabat untuk data *entry* sahaja, sampai sekarang saya punya pegawai masih ada masalah data *entry* dengan permintaan dengan MES berkenaan pembayaran atau pun bantuan yang telah bagi dengan Hari Raya. Susah untuk kita buat demikian sebab selalu kena ada teliti dengan kebetulannya untuk masukan data-data ini sekarang. Walau pun kita sudah ada beberapa ribu nama di dalam DUN tetapi data itu sampai sekarang kita tak terima di dalam ADUN-ADUN, Pejabat-pejabat ADUN sendiri sahaja. So saya minta kalau Kerajaan buat satu semakan di dalam sistem yang ada sekarang ini dan birokratik proses ini tengok macam mana kita boleh cepatkan prosesnya. Kalau tak ada kita akan ada masalah masa depan yang akan datang.

**TUAN SPEAKER:** Sri Andalas saya minta sambung selepas makan tengah hari. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Dewan perlu bersidang semula. Masa telah menunjukkan jam 12.00 tengah hari dengan ini saya mempersilakan YAB Dato' Menteri Besar untuk membawakan Usul.

**YAB. DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian saya ingin membawa suatu Usul yang berbunyi seperti berikut:-

“ Bahawasanya Dewan yang bersidang pada hari ini mengikut Peraturan 11 dalam Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor hendaklah dimulakan dengan semula pada jam 3.00 petang”.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian Usul ini telah pun disokong. Saya kemukakan untuk mendapat persetujuan. Ahli-ahli Yang

Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**. So ini **Dipersetujui**.

Dengan ini saya menangguhkan Dewan sehingga jam 3.00 petang. Dewan ditangguhkan.

**(Dewan ditangguhkan pada jam 12.00 tengah hari )**

**(Dewan disambung semula)**

**(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)**

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa Perbekalan. Silakan Seri Andalas 8 minit.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER A/L ARULANANDAM:** Terima kasih Tuan Speaker. So saya katakan dulu kerajaan kena teliti balik program-program MES ini dan bagaimana program-program ini dilaksanakan dan permintaan-permintaan mereka kepada ADUN-ADUN yang kita ada. Sebab saya nampak di sini banyak kerja sekarang di dalam *office-office* ADUN dengan pelibatan MES dan juga dari UPEN nama-nama pembekalan, nama-nama yang terima bantuan kita kena detil dan masuk dalam data sebagainya. Walaupun kita masuk dalam detil bila kita minta balik detil itu dibagi balik kepada kita sampai sekarang kita tak dapat susah macam program yang baru yang jalan oleh TAWAR gagal program itu sebab yang dipanggil 2,000 lebih anak yang terima bantuan tapi yang datang dekat 1,000 sahaja 50% sahaja. Sekarang mereka mengadakan program lagi sekali untuk minggu depan atau 2 minggu dari sekarang dan sampai sekarang pun mereka tidak bagi kita detil untuk kita buat panggilan untuk ibu bapa membawa anak-anak. Sebab itu saya minta kerajaan teliti dengan cara MES keseluruhan ini dan jangan sangat birokrasi yang saya nampak sekarang. Dan juga perbezaan di antara satu DUN dan lain-lain di dalam Negeri Selangor besar macam DUN dari saya dapat tahu Sekinchan pengundi dia 15, 1,600. Bukit Melawati 1,500. Tapi Seri Andalas 1,000 pengundi. Seri Muda dekat 50,000. So kerja kita di dalam DUN-DUN ini lebih untuk kita kendalikan. So saya minta kerajaan ya saya minta satu *staff* di dalam Pejabat DUN untuk kita melaksanakan program-program teliti yang kita ada. Dan juga kerajaan kena tengok proses ini di Program MES ini sekarang. Saya minta jawapan dari

**TUAN SPEAKER:** Silakan pihak kerajaan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih YB. Seri Andalas. Saya mengambil maklum tentang perkara yang dibangkitkan. Cuma kita putuskanlah sama ada kita hendak program ataupun kita hendak pegawai. Sebelum ini kita dengar masalah telah di bawah di mana perlukan bantuan dan pertolongan dan kita mengujudkan program-program rakyat ekonomi Selangor ini. Dengan tujuan-tujuan tentu dengan bidang-bidang tertentu. Soal birokrasi saya setuju ia mesti diperkemas tidak banyak birokrasi tapi kita tidak boleh korbankan prinsip

ketulusan sebab kita tidak mahu pembayaran ini kalau tidak disandarkan kepada ketulusan dan keterbukaan akan terdedah kepada salah gunakan kuasa penyelewengan. Tetapi pada masa yang sama, kita juga sedia maklum permintaan rakyat itu besar yang memerlukan sedikit pengorbanan. Kalau kerajaan melantik seorang pegawai ADUN pun elaun dah tinggi lantik pegawai-pegawai yang lain, jadi boleh bantu pusat khidmat masyarakat di situ. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Tiada lagi Seri Andalas.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER ARULANANDAM:** Ya boleh balas balik.

**TUAN SPEAKER:** Ini bukan perbincangan.

**YB. TUAN DR. XAVIER A/L ARULANANDAM:** OK, saya terima apa yang dikatakan oleh YAB Menteri Besar tetapi saya ingat ini kena teliti juga kerja-kerja bukan macam dulu permintaan-permintaan dari rakyat ini ada kesan dia di dalam pejabat-pejabat DUN dan sebagainya. Dan saya harap ini boleh nampak cara baiklah. Terima kasih Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Saya benarkan 3 orang lagi. 2 daripada Pembangkang jika ada. Ada sesiapa hendak bahas B1. OK Damansara Utama.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Memandangkan MARRIS satu isu yang besar, sekarang saya merujuk kepada VOT muka surat 55, 505500 Jawatan Tetap. Jawatankuasa Tetap. Saya rasa adalah dibawah Jawatankuasa Tetap Infrastruktur Dan Kemudahan Awam, jika *I am right*. Tapi saya hendak tanya adakah rancangan yang berkala? Sama ada akan membuat macam *last year*. Tahun lepas apabila kita cakap pasal MARRIS juga *answer* yang sama, jawapan yang sama, kita akan pantau, kita akan pantau perbelanjaan supaya perbelanjaan akan meningkat. Tahun ini sama jawapan adalah sama. So saya tidak tahu macam mana kita akan membelanjakan MARRIS untuk tahun depan. Kita ada RM800 billion terkumpul dan RM600 billion Menteri Besar umumkan untuk *next year*. Apakah rancangan yang kita ada dalam Jawatankuasa ini supaya kita memantau perbelanjaan secara berkala ? Sebagai contoh *after one* berapakah perbelanjaan MARRIS yang sudah kita buat? Bolehkah kita membuat laporan 3 bulan sekali supaya kita dapat memantau perbelanjaan MARRIS tersebut untuk tahun depan? Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Pihak kerajaan. Taman Templer. Bukit Antarabangsa

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Saya minta izin Tuan Speaker menggunakan mikrofon dari Sungai Pinang ya. Bukan Sungai Pinang Menteri Besar tapi saya pinjam (gelak). Ini tentang pertanyaan Damansara Utama saya memang memberi perhatian khusus sebab itu pagi tadi saya memaklumkan dalam Mesyuarat MMKN pagi ini kita telah mengambil keputusan untuk mewujudkan satu Jawatankuasa Tertinggi peringkat tertinggi untuk memantau semua pelaksanaan program-program dan projek yang telah diumumkan Belanjawan 2015. dan dalam Mesyuarat MMKN juga saya telah memberikan contoh khusus tentang MARRIS di mana sejumlah RM600 juta yang akan dibelanjakan mesti dipantau setiap 3 bulan. Kerajaan Negeri ingin tahu semua PBT berapa jarak jalan yang telah diturap, berapa belanja yang dibelanjakan dan untuk tempoh 3 bulan berikutnya kita juga akan pantau berapa diperlukan. Jadi itu satu pantauan secara berkala dan saya nyatakan pagi tadi laporan ini boleh kita bentangkan dalam perbahasan Dewan Negeri.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Kita ada satu masalah sekarang ialah di DUN kita ada satu limit RM3,000,000,00 satu DUN sekarang. So Kerajaan Negeri untuk meningkatkannya sebab saya ada satu *list* yang sangat panjang saya *ask from beginning the year until now. Never been shorten* so boleh tak kita ada rancangan untuk DUN *request* orang sudah panggil kita pergi tengok memang jalan sudah rosak. Tetapi kita *request* ke PBT tiada MARRIS *fund* so i boleh tak ada rancangan....

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih yang berhormat Damansara Utama. Saya bersetuju itu saya tekankan tadi, saya tidak mahu banyak sangat birokrasi dalam pelaksanaan walaupun amalan sebelum ini ada dihadkan RM3,000,000,00 untuk seorang DUN. Tetapi ada kes tertentu kawasan yang tertentu yang memerlukan perbelanjaan lebih dan oleh sebab sekarang kita ada jumlah yang agak besar RM600,000,000.00 perancangan ini harus dibuat lebih awal. Maknanya setiap PBT mesti bincang dengan semua DUN yang berkenaan di mana keperluan yang perlu diberi keutamaan untuk 3 bulan utama dan disenaraikan dan diputuskan supaya kerja-kerja perolehan ini dapat dibuat lebih awal dan tidak ditangguhkan hingga sekutu tahun kedua. Yang keduanya seperti yang kita putuskan baru-baru ini semua Jurutera Daerah dan Agensi Pelaksana akan mengikut kursus dalam bulan 12 kerana kita mahu sementara perbelanjaan itu disalurkan kualiti habis daripada kerja ini tidak dijamin. Kita tidak mahu satu peruntukan yang besar maka kerja dibuat secara tergesa-gesa dan ada usaha untuk mengorbankan kualiti kerja tersebut. Jadi pemantauan ini dibuat bukan sahaja dalam soal jumlah perbelanjaan tetapi juga hasil kerja yang

akan dilakukan setiap 3 bulan. Dan kalau ada keperluan lebih RM3,000,000,00 bagi setiap DUN saya percaya perkara ini boleh dipertimbangkan kerana peruntukan itu ada yang penting mesti ada perbincangan dan permuafakatan di peringkat PBT dan DUN-DUN yang berkenaan. Terima kasih.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** MARRIS lagi. So yang kebimbangan saya apabila saya *check* pengurusan (cakap Inggeris) yang kita hadapi sebab saya *check* dari *history* sejarah perbelanjaan MARRIS Selangor dari 2004 hingga 2008 kita membelanjakan sebanyak RM300 hingga RM400. Kita tidak pernah belanja lebih banyak daripada apa yang kita belanja selepas 2008. *So I then* (cakap inggeris) apakah rancangan Kerajaan Negeri tentang ini.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Perkara yang dibangkitkan oleh Damansara Utama itu memang kita sedia maklum. Sebab itu rizab yang terkumpul terlalu besar kerana tidak dimanfaatkan sepenuhnya. Maka kali ini seperti yang saya nyatakan kita tidak mahu apabila PBT mengetahui kita ada satu peruntukan yang besar sebanyak RM600,000,000.00 untuk tahun 2015. maka tidak ada perancangan yang jelas. Kali ini kita telah mencadangkan supaya semua PBT dapat menyenaraikan jalan-jalan di setiap kawasan yang perlu diselenggarakan atau diturap semua pada awal tahun. Perbincangan ini mesti dilakukan dengan semua Ahli Dewan Negeri supaya ada kerjasama dan persefahaman. Dan daripada senarai yang dikemukakan sudah tentu ada keutamaannya yang harus diberikan supaya kerja-kerja perolehan ini tender ini dapat dibuka awal dan mulakan kerja. Kerana kalau kita buat kerja-kerja ini di suku tahun yang ke-4 atau hujung tahun ia menimbulkan banyak masalah kerana dari segi kualiti kerja dan dari segi prestasi, kontraktor yang dipilih juga akan terdedah pada masalah kemungkinan salah guna kuasa atau penyelewengan. Jadi kalau kita rancang lebih awal maka kita boleh optimumkan jumlah yang telah ditetapkan bagi peruntukan MARRIS bagi tahun 2015.

**TUAN SPEAKER:** Masih ada.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Apakah MARRIS. Muka surat 59. Saya hendak minta penjelasan sikit sahaja *under* VOT.556002 Seksyen Pihak Kuasa Tempatan tanya sahaja apakah sewaan yang buat RM5.8 juta

**TUAN SPEAKER:** Muka surat mana?

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** 59



**TUAN SPEAKER:** Ya pihak kerajaan muka surat 59. Sewaan *one off*

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Saya dimaklumkan bahawa sewaan di bawah seksyen adalah untuk CCTV yang telah CCTV, CCTV yang telah dipasangkan di merata seluruh tempat di kawasan PBT masing-masing. Ya CCTV.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Kita sewa CCTV. Dari siapa?.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** CCT sdn bhd.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Sewa

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Sewa, sewa beli. Sewa.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Apakah rasional kita sewa CCTV dan adakah *open* tender telah dilakukan.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Saya akan menyemak balik tentang isu ini kerana saya baru menjaga profolia PBT dan perlu saya mendapatkan banyak maklumat tentang isu ini. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Saya benarkan seorang sahaja lagi. Selat Kelang.

**Y.B. PUAN DR HALIMAH BINTI ALI:** Terima kasih Puan Speaker. Saya merujuk kepada muka surat 55. B.01 Butiran Program 50500 Kod Objek Pentadbiran dan Kewangan. Khususnya tentang kemiskinan. Saya merujuk kepada apa yang telah disebut oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar dalam ucapan membentangkan bajet di mana 30% daripada penduduk Selangor adalah di bawah paras kemiskinan. Jadi saya juga merujuk kepada yang disebutkan oleh Hulu Kelang, Sungai Kelang pergi Selat Kelang jadi oleh kerana ia satu isu agak besar, saya mencadangkan agar satu tindakan yang *inclusive* yang melibatkan pelbagai *STANDCO-STANDCO* dan jabatan dan agensi kerajaan sama ada federal mahupun negeri, bersama dengan Pejabat Daerah, bersama dengan PBT dan juga melibatkan langsung ADUN-ADUN di semua kawasan, jadi saya mengesyorkan supaya sekretariat atau *Task Force* khusus diwujudkan untuk membanteras masalah kemiskinan. Lagi-lagi 2015 kita dah ada GST dan sebagainya dan satu sekretariat itu sampai di DUN masing-masing dan juga supaya Dato' Menteri Besar boleh memantau secara terus, mungkin *target* 30%,

bila nak dapat 29%, bila nak dapat 28% dan sebagainya. Jadi kalau diletak di bawah Menteri Besar, ia lebih efektif dan efisien. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Pihak kerajaan. Kota Alam Shah.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN:** Saya memang mengambil maklum dan juga saranan tadi dari Yang Berhormat Selat Kelang, saya percaya itu satu saranan yang patut diambil kira oleh pihak Kerajaan. Namun perlu diingatkan bagi bajet kali ini ada tambahan dalam sektor kemiskinan seterusnya untuk tajaan, penajaan untuk pembelajaran teknikal di INPENS Kolej di tambahan. Namun apabila Menteri Besar, Yang Amat Berhormat Menteri Besar tadi dalam jawapan tadi memang diberitahu penambahan dari segi juga MIMBAR, Skim sel, perlu diambil kira tapi dalam memantau sekali gus membawa program ini akan diletakkan di bawah untuk dipantau oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Saya rasa syor tu patut diambil maklum. Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI:** Puan Speaker, saya rasa kalau tindakan selama ini agak terpisah, kalau nak buka sekolah, '*Back to School*', kemudian ada sedikit beli kasut, ada TUNAS, ada sedikit-sedikit terpisah. Jadi saya mengesyorkan kepada kerajaan buat secara holistik, orang miskin tak cukup makan, apa nak buat, orang miskin tak ada rumah, apa nak buat, orang miskin tak ada pakaian apa nak buat, orang miskin sakit, apa nak buat. Itu yang saya syorkan kepada kerajaan melihatkan secara *total holistic solution*.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN:** Tadi saya telah beritahu jawapan yang tadi menyatakan kalau tadi orang miskin, kita ada bantuan kemiskinan daripada Yang Berhormat Sementa. Memang ada *Standco-Standco* yang berbeza menjaga bahagian-bahagian yang berbeza tapi namun saya telah memberitahu tadi ini perkara memang perlu diambil maklum, perlu ada satu program saranan daripada Yang Berhormat Selat Kelang, saya rasa akan dibincangkan di dalam MMKN dan biar UPEN kaji balik *Standco-Standco* dan juga program yang patut dilaksanakan nanti.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Sedikit sahaja.

**TUAN SPEAKER:** 2 sahaja ya, Sri Muda dan Taman Medan. Sri Muda dulu.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Terima kasih Puan Speaker. Saya ingin nak mengambil sedikit sahaja masa di muka surat 55 Butiran 505000 berkenaan dengan Jawatankuasa Tetap Pembangunan Desa dan Tradisi

Kampung. Saya dapati dalam permohonan-permohonan yang dibuat oleh Pejabat-pejabat ADUN, syarat utama yang mesti untuk penyelenggaraan jalan dan juga diturap semula mestilah memerlukan jalan itu diwartakan. Saya mohon kepada Kerajaan Negeri untuk mengkaji semula peraturan seperti juga yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Sijangkang. Saya lihat kalau kita mengetatkan atau menetapkan syarat seperti itu nak gazet atau wartakan jalan itu memerlukan masa yang cukup panjang. Jalan dah rosak, nak dapat kelulusan itu pun satu proses yang cukup panjang, jadi jalan itu dah rosak teruk dan tidak membantu menyegerakan pembinaan jalan ataupun menurap semula. Jadi Kerajaan Negeri perlu mengkaji supaya proses itu dipermudahkan, maknanya kalau jalan itu adalah jalan yang telah digunakan berpuluh tahun oleh orang awam, maka diberikan kelonggaran untuk diturap semula menggunakan peruntukan-peruntukan Pejabat Ahli Dewan Negeri. Kalau kita tengok kepada jalan yang diturap oleh ICU, dia tidak memerlukan kepada kaedah itu pun. Jalan dia lebih cepat diturap, dibaiki dan aduan itu kita dapat kurangkan. Jadi saya minta Kerajaan Negeri untuk menjawab isu ini. Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. AHMD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Sri Muda. Jalan-jalan kampung ini ada terbahagi kepada beberapa kategori. Satu adalah, jalan yang di bawah MARRIS, bermakna penggunaan kewangan MARRIS ya sekiranya jalan itu telah didaftarkan di bawah MARRIS dia boleh digunakan peruntukan MARRIS untuk penyelenggaraan. Yang kedua ialah jalan-jalan di atas tanah persendirian yang kadang-kadang beberapa lot tetapi menjadi kegunaan jalan awam. Yang ini yang kita katakan bahawa jalan ini yang sebaik-baiknya adalah perlu ada pengambilan dan diwartakan sebagai jalan supaya penyelenggaraan mudah di peringkat Kerajaan Negeri kerana berlaku apabila jalan awam yang tidak mendapat kebenaran daripada tuan punya pemilik tanah, kita menghadapi bermacam-macam masalah. Itulah saya katakan bahawa jalan-jalan ini perlu diwartakan sebagai jalan awam untuk penyelenggaraan oleh pihak Kerajaan Negeri. Saya kita dengan bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, dengan adanya peruntukan untuk penyelenggaraan jalan kampung, saya kira kewangan ini boleh digunakan. Sebahagian besar daripada jalan-jalan yang sudah ada diturap, dahulunya adalah jalan-jalan yang diselenggarakan di bawah Unit ICU ataupun Pihak Berkuasa PLB yang mana sepatutnya kewangan itu masih ada lagi dan saya kira dengan adanya secara umumnya dengan adanya penambahan ataupun dengan adanya bajet untuk penyelenggaraan jalan kampung, wang-wang ini boleh digunakan dengan syarat sekurang-kurangnya perlu ada secara bertulis daripada tuan pemilik tanah untuk jalan ini dijadikan jalan awam dan ini mungkin akan kita bawa dalam peringkat Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk kita putuskan sama ada kita mahu

mewartakan untuk jalan ini diselenggarakan ataupun sekurang-kurangnya ada secara *official* kebenaran daripada pemilik jalan itu untuk diselenggarakan oleh kerajaan. Terima kasih.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Butiran yang sama, satu lagi Puan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Sri Muda, tadi Sri Muda beritahu saya 2 minit sahaja.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI :** Jawapan yang lebih Puan Speaker, soalan pendek sahaja, sedikit sahaja, ini penting. Saya dapati untuk butiran yang sama tetapi di Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan berkenaan dengan Audit di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan ya. Saya semak sebagai contoh di Majlis Bandar raya Shah Alam, Jawatankuasa Audit tidak berfungsi sepenuhnya untuk melaporkan. Antara perkara-perkara yang kita dapati ialah sebagai satu contoh, parit erong tidak dibersihkan, parit/longkang tidak dibersihkan tetapi kontraktor yang menjaga kawasan itu tetap mendapat bayaran dan ini salah satu puncanya mungkin pemantauan pihak PBT dan Jawatankuasa Audit tidak berfungsi sepenuhnya. Jadi saya memohon penjelasan daripada Kerajaan Negeri kenapa Jawatankuasa Audit ini tidak berfungsi untuk melaporkan perkara-perkara seperti ini supaya kalau ia berfungsi dengan baik kemungkinan parit erong dan longkang-longkang yang tak dibersihkan tetapi diberi bayaran kepada kontraktor dapat kita sekat dan kita atasi masalah-masalah banjir kilat. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Pihak Kerajaan.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Boleh saya dapat *clarification* sikit yang Jawatankuasa Audit tu di bawah PBT ke di bawah? PBT ya. Saya akan ambil maklum tentang isu yang dihadapi oleh di bawah kawasan Yang Berhormat ataupun di seluruh PBT kerana kita memang menghadapi masalah sebegini di sebahagian kawasan. Saya akan bincang dengan UPEN untuk memastikan satu cara yang lebih baik untuk kita memantau kontraktor melakukan kerja mereka.

**TUAN SPEAKER :** Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Terima kasih Pengerusi. Saya ingin membangkitkan isu di muka surat 54 bawah Kod Objek 50500 di bawah tajuk Jawatankuasa Tetap Penerangan. Buat masa ini kita sedia maklum SPR sedang menjalankan proses persempadanan semula dan ini melibatkan negeri-negeri yang akan memutuskan sama ada penerima persempadanan tersebut.

Dalam dua sidang yang lepas saya telah bangkitkan usaha Kerajaan dalam mengemukakan cadangan ataupun apa-apa jua cadangan berkaitan dengan isu yang dibangkitkan. Jawapan pada ketika itu telah ada satu jawatankuasa yang dianggotai oleh Yang Berhormat EXCO. Namun sehingga ke hari ini kita belum dapat apa-apa penjelasan dan penerangan perkara tersebut. Saya mohon pihak Kerajaan menjelaskan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Yang Berhormat Taman Medan. Isu persempadanan semula yang sedang dirancang oleh SPR ini sedang diteliti oleh pihak Kerajaan Negeri, namun ada dua isu yang ingin saya kongsi bersama. Yang pertama; setakat ini kita belum menerima peta cadangan yang akan dikemukakan oleh SPR dan kita bercadang untuk menulis surat secara rasmi kepada pihak SPR untuk mendapatkan peta yang berkenaan untuk kita teliti cadangan yang dikemukakan oleh SPR. Yang keduanya di peringkat Pakatan Rakyat memang ada perbincangan tentang perkara-perkara yang kita sarankan tetapi belum ada satu *consensus* ataupun keputusan yang terakhir untuk kita kemukakan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Saya juga berharap Kerajaan Negeri akan ada perbincangan bersama SPR, apa yang kita maklum sekarang, tidak ada pelantikan ARO, dengan izin untuk menjalankan kerja-kerja pendaftaran pengundi-pengundi baru. Perkara kedua yang saya ingin bangkitkan ialah tentang berkaitan di bawah Jawatankuasa Perumahan. Terdapat projek-projek perumahan kos rendah yang telah dijalankan secara tergesa-gesa pada tahun 2000 dalam proses kempen Setinggalan Sifar. Tapi apa yang berlaku pada hari ini kita dapati, projek-projek tersebut terdapat banyak kesilapan dari segi reka bentuk dan penduduk atau penghuni terpaksa menanggung kerosakan atau masalah tersebut dan saya nampak ini perlu ditangani oleh Pihak Berkuasa Tempatan yang telah meluluskan projek-projek tersebut dan juga melibatkan pemaju-pemaju yang telah mengemukakan reka bentuk tersebut kepada Pihak-pihak Berkuasa Tempatan. Namun apa yang berlaku pada hari ini segala permasalahan itu diserahkan bulat-bulat kepada Jawatankuasa Pengurusan Bangunan. Jadi saya mohon pihak kerajaan memberi satu formula bagi mengatasi masalah ini.

**TUAN SPEAKER:** Pihak Kerajaan. Cempaka.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIIN A. SAMAD:** Terima kasih kepada Yang Berhormat. Masalahnya ada dua, adakah masalahnya dari segi reka bentuk

ataupun masalahnya dari segi kualiti ataupun penyelenggaraan yang menimbulkan masalah kepada penduduk.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Saya ingin memberi contoh satu perkara, saluran air, paip air melalui bilik suis. Jadi pada satu ketika telah berlaku satu letupan kerana ada bocor pada saluran air di dalam bilik suis tersebut. Jadi ini satu kesilapan dari segi *design* dengan izin.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIIN A. SAMAD:** Bermakna kalau kita berkata tentang penyelenggaraan Yang Berhormat adalah ataupun dari segi bahan binaan ataupun *construction* dengan izin yang kualitinya agak rendah, kita boleh menggunakan peruntukan dari Program Ceria sama ada Ceria ataupun Lif Ceria tetapi kerajaan Negeri belum ada suatu usaha untuk melihat atau mengkaji kesemua reka bentuk. Walau bagaimanapun, kalau ada masalah dari segi reka bentuk, Kerajaan Negeri boleh melihatnya dan siapa yang bertanggungjawab, siapakah PSP ataupun *Principle Submitting Person* bagi projek tersebut dan kemungkinan kalau ia nya tidak menurut spesifikasi maka konsultan atau perunding yang terlibat adalah bertanggungjawab ke atas reka bentuk yang tidak menurut spesifikasi. Tetapi untuk mengambil tindakan itu, usahanya boleh kerajaan negeri tetapi memang memahami bahawa penduduk memang tidak ada kemampuan melakukannya, jadi ianya kembali kepada kerajaan negerilah. Jadi apa yang perlu dilakukan adalah dalam isu-isu sedemikian perlu dimajukan kepada kerajaan negeri.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Perkara ketiga yang saya ingin bangkitkan di bawah tajuk Jawatankuasa Sukan, saya mengalu-alukan program sukan atau pun penambahan peruntukan bagi jawatankuasa sukan saya ingin mencadangkan seperkara lagi bagi memastikan sukan bola sepak yang menjadi minat ramai golongan muda di manfaatkan dan juga memberi ruang kepada mereka menceburinya dari segi kerjaya sebagai keripaf, saya mencadangkan kepada EXCO yang berkaitan mengadakan kursus latihan kod bagi mereka yang meminati bola sepak. Selain daripada bermain bola sepak di perlawanan-perlawanan dan pertandingan-pertandingan. Mereka juga boleh menggunakan kemahiran bola sepak ini untuk melatih golongan belia lain sama ada remaja ataupun murid sekolah dan secara tidak langsung mendapat pendapatan daripada kemahiran mereka perolehi. Jadi saya mohon pihak Jawatankuasa Sukan mempertimbangkan cadangan ini kerana saya telah menjalankan usaha ini di peringkat ADUN.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Terima kasih Taman Medan, cadangan yang saya rasa boleh diambil kira dan harus dimasukkan di dalam pelan perancangan yang dibuat oleh persatuan bola sepak Selangor. Melalui satu *blue print* yang dikeluarkan oleh Persatuan Bola Sepak Selangor yang diuruskan oleh bahagian pembangunannya pada ketika ini mereka sedang yang menyusun kembali semua program-program pembangunan yang di peringkat akar umbi, saya telah sebutkan di dalam jawapan ketika sidang awal, hari awal yang lalu. Dan di antara apa yang dimaksudkan oleh Taman Medan kita juga menyedari pada waktu ini bukan hanya jurulatih-jurulatih baru sahaja hendak dikeluarkan. Pada waktu ini sebenarnya terlalu banyak akademik-akademik bola sepak yang melatih anak-anak muda kita sama ada dari peringkat umur 8 - 9 tahun sampai di peringkat 16 ke 17 tahun. Dan saya pernah menyarankan kepada Pasukan Bola Sepak Selangor dan *Insyah-Allah* perkara ini akan dimasukkan ke dalam *blue print* mereka untuk kita mengatur dan menguruskan atau menetapkan beberapa *brighmark* dengan izin kepada semua akademik-akademik bola yang tidak teratur ini kerana kalau kita dapat tetapkan nanti dengan izin kita atau kita *standard* kan dari segi mutunya, kejurulatihannya *level* kejurulatihannya yang harus diambil saya kira mampu untuk melatih atlet-atlet kita terutama pasukan bola sepak.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat EXCO hanya apa yang saya cadangkan adalah peluang bagi golongan belia selain daripada minat kepada sukan tersebut mampu juga berdikari dari segi ekonomi dengan skil ataupun kemahiran yang ada. Mereka melalui latihan kod *the* mendapat sijil jurulatih dan boleh menawarkan kemahiran mereka ke sekolah-sekolah atau pun mana-mana pihak yang kemahiran tersebut.

**TUAN SPEAKER:** Taman Medan kena ringkaskan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Yang terakhir dalam laporan ini di bawah tajuk Jawatankuasa Hal Ehwal Wanita dan Pembangunan Keluarga. Dalam laporan jeneral gap indeks 2014, Malaysia telah mencatatkan kedudukan yang merosot ada 102 pada tahun 2013 kepada 107 pada tahun 2014 jadi ini telah menggambarkan, sebenarnya global gender gap indeks ini mengukur kesaksamaan gender antara lelaki dan wanita dalam 4 bidang yang kritikal iaitu ekonomi, pendidikan, kesihatan dan juga politik. Jadi saya mohon kepada pihak EXCO yang berkaitan untuk melihat kepada 4 bidang kritikal ini dalam usaha kita membangunkan wanita. Dan saya sangat berterima kasih kepada pihak kerajaan negeri yang telah meluluskan bajet sebanyak 2.8 juta

untuk Pusat Wanita Berdaya dalam usaha membangunkan wanita. Jadi dalam 4 bidang kritikal ini perlu ada tumpuan kerana ini merupakan induktor yang digunakan di peringkat antarabangsa untuk mengukur kesaksamaan gender. Jadi saya mohon pihak EXCO respons.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Taman Medan, Tuan Speaker apa yang diperkatakan oleh Taman Medan adalah sangat bertepatan dengan apa yang kita laksanakan pada 2015 yang akan datang yang mana dengan kelulusan Pusat Wanita Berdaya dengan dana sejumlah RM2.8 juta ini kita akan laksanakan pelbagai program dan aktiviti yang lebih fokus dan menjurus kepada 12 program bidang tumpu yang kita akan laksanakan. Jadi untuk 2015 yang datang daripada 12 bidang tumpu yang kita akan laksanakan antaranya adalah dari segi ekonomi, pendidikan, kesihatan dan politik. Jadi kita akan dengan 56 orang penyelia di setiap DUN dan dengan 4 bidang tumpu ini yang kita akan ketengahkan kepada mereka untuk laksanakan DUN masing-masing oleh penyelia-penyelia ini kita akan melibatkan ramai wanita memberdayakan wanita untuk lebih baik lagi dan kita mengharapkan wanita Selangor akan lebih baik lagi dari wanita di negeri lain, *Insyaa-Allah*, terima kasih.

**TUAN Pengerusi:** Baiklah Jadual B. 1 iaitu wang sejumlah **RM112,419,172.92 (Ringgit Malaysia Satu Ratus Dua Belas Juta Empat Ratus Sembilan Belas Ribu Satu Ratus Tujuh Puluh Dua dan Sen Sembilan Puluh Dua)** untuk kepala B. 1 Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan menjadi sebahagian daripada jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK. Dipersetujui.**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B2 Pelbagai Perkhidmatan **RM76,076,929.00 (Ringgit Malaysia Tujuh Puluh Enam Juta Tujuh Puluh Enam Ribu Sembilan Ratus Dua Puluh Sembilan).**

**TUAN SPEAKER:** Baiklah saya peruntukan 30 minit sahaja untuk Jadual B 2 dan saya nak bagi peluang kepada yang belum lagi berbahas. Pembangkang Dengkil.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** *His* Pembangkang, Terima kasih Tuan Pengerusi saya ingin merujuk muka surat 88 *Vot B 02 Pelbagai Perkhidmatan, butiran 42000 Office of Selangor Economic Edver.* Pejabat Penasihat Ekonomi.



**TUAN SPEAKER:** Ok jangan ceramah ya kalau tidak saya bagi pada orang lain. Tanya soalan.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** 30 minit Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Bukan 30 minit untuk satu orang, 30 minit untuk semua orang. Dengkil.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Saya ingat 30 minit untuk saya tadi. Ok 150 ribu ada diperuntukkan untuk tahun 2014 untuk Pejabat Penasihat Ekonomi tetapi pada tahun 2015 ini tiada langsung peruntukan. Saya ingin bertanya Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan jua kerajaan negeri seperti mana yang dimaklumkan oleh Mantan Menteri Besar yang lalu pejabat sudah ditutup tetapi Menteri Besar, Yang Amat Berhormat Menteri Besar menyatakan bahawa Penasihat Ekonomi jawatan itu masih ada lagi, bila jawatan masih ada lagi mestilah ada pegawai-pegawainya dan juga mestilah ada pejabatnya dan kalau tidak pun elaun Penasihat Ekonomi yang seringgat itu mestilah juga dimasukkan. Saya ingin penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Yang Berhormat Dengkil seperti yang diputuskan oleh Mantan Menteri Besar yang lalu bahawa yang diputuskan adalah penutupan pejabat, yang itu pun boleh dipertikaikan kerana dibuat pada saat-saat akhir, hari terakhir nak tinggalkan pejabat, hari itu ditutup Pejabat Penasihat Ekonomi. Di mana keikhlasan tentang peranan yang telah dimainkan oleh Penasihat Ekonomi Negeri Selangor. Jadi bagi pentadbiran yang baru oleh kerana keputusan yang diambil Mantan Menteri Besar adalah menutup pejabat kita berkeyakinan Penasihat Ekonomi boleh memberi sumbangan kepada Negeri Selangor tanpa pejabat yang telah ditutup oleh Mantan Menteri Besar yang lalu. Dan peruntukan yang kita siapkan oleh Penasihat Ekonomi sebelum ini pun bukan untuk gaji atau elaun tidak timbul dia memberikan khidmat secara percuma kepada kerajaan negeri dan kita merasakan peranan yang telah dimainkan oleh beliau untuk mengangkat nama Negeri Selangor dan menarik minat pelabur-pelabur asing Negeri Selangor itu terus didukung dan ianya peruntukan berdasarkan program yang akan dilaksanakan terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Panjang.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI:** Merujuk kepada muka surat yang sama iaitu muka surat 88 perkara Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor. Kita melihat ada pertambahan hampir lebih daripada RM3 juta, cuma *pendetail* an pengagihan mengikut daerah atau keutamaannya dan sebagainya itu sahaja.

**TUAN SPEAKER:** Sri Setia.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Yang Berhormat Sungai Panjang saya akan berikan butir-butir tersebut secara bertulis untuk makluman Sungai Panjang.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Kampung Tunku.

**TUAN SPEAKER:** Damansara Utama.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Saya nak menyentuhi muka surat 88 Vot 50500 Kod 42000 Pendidikan Industri Yayasan Selangor (PIYS). PIYS adalah untuk UNISEL dan INPENS. Saya telah semua belanjawan ini saya memerhati bahawa kita ada banyak perbelanjaan untuk UNISEL. Kita ada sara diri RM10 juta, RM12 juta kita ada RM60 juta untuk *environment* kondusif. Dan sekarang kita ada RM16 juta lagi untuk PIYS iaitu jumlah adalah RM100 juta untuk UNISEL sahaja. UNISEL dan Kolej INPENS ini membelanja sebanyak 4% daripada jumlah perbelanjaan kerajaan, maka saya nak pastikan bahawa pengurusan UNISEL itu bagus.

So kalau kita merujuk kepada laporan audit, kita mendapati bahawa UNISEL ini telah ataupun PIYS telah mengalami kerugian sejak 2009. Kerugian yang bertambah-tambah. Saya juga ingin merujuk kepada penyata JP ABAS, selepas laporan audit 2013. Ia menyatakan bahawa kedudukan kewangan PIYSB tidak diperkukuhkan semenjak audit malah ia menjadi semakin membimbangkan. Yang penyata ini telah menyatakan bahawa kerugian terkumpul terkini untuk PIYS ialah RM120 juta jika dibandingkan dengan RM42 juta pada tahun 2010 iaitu peningkatan 258%. Saya nak tanya apakah efisien dekat UNISEL, pengurusan UNISEL adakah yang ini paling efisien untuk UNISEL? Lepas itu saya nak tanya kenapa Kerajaan Negeri membelanjakan RM100 juta untuk UNISEL, Kolej INPENS dan KUIS untuk dasar kita pendidikan tinggi percuma? Sebab dasar kita ialah pendidikan tinggi percuma tetapi kita belanja RM100 juta untuk kurang daripada 20,000 orang di UNISEL, INPENS dan KUIS. Apakah rasionalnya? Sebab ini adalah *to me*, perbelanjaan yang tidak strategik sebab RM100 juta ini adalah untuk kurang daripada 20,000 pelajar-pelajar. Ada banyak

yang anak Selangor. Bagaimana pula dengan anak-anak Selangor yang berpendidikan tinggi yang belajar di Institusi yang lain? Akan berat sebelah di belanjawan 2015 ini. So saya amat mengambil berat tentang perbelanjaan kita di UNISEL. Juga perbelanjaan di UNISEL, yang saya ingin menarik perhatian kerajaan ialah RM60 juta yang akan di gunakan untuk penyelenggaraan. Adalah dijanjikan oleh TALAM bahawa dia akan *renew contract*. TALAM sepatutnya yang membiayai kos penyelenggaraan tersebut. Mengapa kerajaan nak membiayainya? So semua ini PIYS perlu memberi penjelasan lebih jelas untuk Dewan ini supaya kita boleh meluluskan Belanjawan yang begitu besar. Akhir sekali saya nak cakap ialah UNISEL atau pun apa-apa Institusi Pendidikan Tinggi nampak baik, nampak kita hari-hari kita akan kata memberi *praise it very high* tetapi adakah kualiti, reputasi itu baik UNISEL dan Kolej INPENS? Yang satu *benchmark* yang kita boleh gunakan ialah adakah kita memang boleh hantar anak-anak kita pergi UNISEL? Kalau tidak *there is a room for improvement*. So saya secara keseluruhannya saya ingin berharap bahawa Kerajaan Negeri boleh mewujudkan satu sistem pemantauan yang lebih ketat untuk PIYS supaya ada *financial* disiplin, ada *management discipline*, *what about assets management*, kenapa dia *ask for* RM60 juta dari Kerajaan Negeri dan seterusnya ialah untuk meningkatkan reputasi dia supaya dia bukan sahaja tokoh jaguh kampung, kita katakan ya. Memang berkualiti tinggi dan menegakkan kebebasan akademik. So dengan ini pandangan saya untuk PIYS dan harap penjelasan daripada Kerajaan.

**TUAN SPEAKER:** Seri Setia.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Terima kasih Damansara Utama. Pertama sekali bila kita bercerita tentang UNISEL dia sebenarnya melibatkan banyak masalah *legacy*. Masalah warisan daripada permulaan pembinaan UNISEL pada tahun 1999. Jadi misalnya perbelanjaan RM60 juta untuk memperbaiki prasarana termasuk pembedugan iaitu bukan untuk 2015. Itu 2014 telah dikeluarkan perbelanjaan tersebut kerana kalau tidak ada perbelanjaan tersebut maka keadaan asrama dan tidak boleh didiami dan diberi kesan yang lebih teruk kepada Universiti. Malah pihak UNISEL sendiri telah menamatkan atau pun dalam proses menamatkan perjanjian dengan pemegang Konsesi. Inilah *legacy* yang kita warisi daripada pentadbiran Zaman Barisan Nasional lagi dengan pemegang konsesi yang membekalkan perkhidmatan asrama. Sebab itu kita perlu membelanjakan wang ini supaya Universiti ini dapat berjalan seperti biasa. Kita perlu maklum bahawa sekejap Damansara Utama, kita perlu maklum bahawa UNISEL ini merupakan Universiti Negeri yang pertama dan berbeza berbanding dengan banyak Universiti-universiti yang lain.

Kita merupakan Universiti milik kerajaan negeri secara IPTS dimiliki oleh Kerajaan negeri. Dia bukan IPTA jadi sebab itu dia ada keunikan tersendiri dan kita juga maklum beberapa isu pengurusan yang perlu diatasi oleh UNISEL dan pihak Lembaga Pengarah yang baru yang akan melihat perkara ini secara dekat dan semestinya berikan tabung biasiswa dan juga tabung sara diri bukan hanya untuk UNISEL tapi juga dengan KUIS yang ini kedua-dua kita mengharapkan dan akan memastikan bahawa dapat membelanjakannya dengan sebaik mungkin. Untuk makluman juga bukan semuanya *blue and gloom* dengan izin di UNISEL. UNISEL baru sahaja dinaikkan ke Tier 5 atau pun peringkat cemerlang oleh pihak Kementerian Malaysia dan ini merupakan tahap yang tertinggi yang boleh dicapai oleh Universiti-universiti yang ada di dalam negara kita. Jadi kita mengharapkan ini satu permulaan yang baik dan dengan pelaburan-pelaburan dan sokongan-sokongan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri akan dapat melonjakkan UNISEL ke peringkat yang seterusnya.

**TUAN SPEAKER:** Damansara.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Apa yang saya mempertikaikan bukan perbelanjaan pengabaian terhadap Laporan Audit, terhadap JP-ABAS saya, *just* minta laporan daripada *Standco* ialah boleh kita buat satu balas apakah *current standing towards this* laporan, *thank you*.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Yang ini sebagaimana dikatakan oleh YAB Dato' Menteri Besar sendiri semua laporan-laporan audit telah dibentangkan. Pentadbiran akan mengambil serius, kita akan untuk kita *follow-up* dan kita akan memberi laporan tentang sejauh mana kita mengatasi isu-isu yang telah dibangkitkan.

**TUAN SPEAKER :** Kinrara.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN:** Terima kasih Tuan Speaker, saya ingin merujuk kepada muka surat 88 Majlis Sukan Negeri Selangor (MSNS). Seperti apa yang kita sedia maklum sukan futsal semakin menjadi popular digolongan remaja kita tetapi ramai yang rasa Selangor amat ketinggalan dalam sukan futsal kerana masih belum ada satu gelanggang yang bersaiz International di Selangor dan pemain-pemain sekiranya perlu melatih mereka perlu pergi ke gelanggang swasta dan ini melibatkan kos yang amat tinggi. Saya ingin bertanya Kerajaan negeri adakah peruntukan RM5 juta untuk MSNS ini akan membina sekurang-kurangnya 1 gelanggang futsal bersaiz internasional, terima kasih.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Kinrara saya rasa tersalah nombor ini B untuk Mengurus. Saya tiada kaitan dengan Pembangunan dan kalau saya boleh jelaskan. Peningkatan yang kita letakkan daripada RM5.2 juta kepada RM5.9 juta ini sebab Majlis Sukan Negeri Selangor telah memasukkan gaji-gaji untuk Jurulatih di dalam program mengurus. Sebelum ini gaji-gaji jurulatih diletakkan dalam program Pembangunan jadi isunya yang berlaku ialah bila tahun-tahun pembangunan sahaja baru kita boleh belanjakan untuk membayar gaji-gaji jurulatih dan akhirnya ramai atlet-atlet kita yang lambat menerima jurulatih-jurulatih kerana kita perlu melatih mereka pada awal. Jadi kalau soal pembangunan itu saya rasa memang tak ada, itu dalam pembangunan tapi dalam Mengurus itu kenaikan itu disebabkan kita memasukkan gaji-gaji jurulatih secara tetap dan separa tetap yang dimaksudkan dalam program peningkatan yang dimaksudkan dalam jadual ini terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada B.02 muka surat yang sama. 2 pemberian yang akan saya kaitkan di sini iaitu utama Tourism Sdn Bhd. yang kedua Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor. Untuk TSSB Tourism Selangor Sdn Bhd. saya ingin membangkitkan satu isu tentang perancangan produk-produk pelancongan. Saya pernah mencadangkan di Dewan Yang Mulia Ini tentang pelancaran atau pun kita wujudkan satu bas pelancongan *hop on hop off* yang sangat popular di semua destinasi pelancongan yang utama di seluruh dunia. Saya ingin bertanya kepada Kerajaan apakah perkembangan terkini tentang perancangan produk pelancongan ini dan kedua saya ingin membagikan isu tentang *Heritage Walk* di Bandar Klang. Semalam saya sempat membuat sedikit kaji selidik di *Lonely Planet* dan saya mendapati bahawa *Heritage Walk* ini adalah satu produk pelancongan yang sangat-sangat penting bagi Selangor malangnya di dalam *Lonely Planet* tidak ada apa-apa promosi yang disebut tentang *Heritage Walk* di Bandar Klang ini jadi saya juga ingin mengapa ini berlaku dan apakah perancangan Kerajaan dari segi *manpower* untuk menyelesaikan masalah ini dan ketiga adalah tentang pesta makanan yang saya rasa ini sebenarnya telah pun diadakan di beberapa PBT yang lain seperti di Majlis Bandar Raya Kuching Selatan. Sekali lagi dari perancangan produk-produk pelancongan ini. Produk yang memang berpotensi di adakan di Selangor, tidak diadakan di Selangor dan saya meminta supaya TSSB memberi perhatian yang serius. Sebenarnya saya ada satu perasaan bahawa TSSB agak ketinggalan dari segi promosi dan kita kurang agresif. Yang kedua adalah tentang Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor saya telah pun mengaitkan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor

ini dengan budaya membaca yang semakin tidak menjadi di Malaysia. Saya masih ingat masa Datuk Seri Anwar menjadi Menteri Pendidikan tahun 1998 adalah tahun membaca tetapi apa yang berlaku sekarang ini orang ramai nampaknya lebih berminat dengan pelancongan kerana pelancongan boleh mendatangkan pendapatan dan membaca dia adalah satu proses yang perlahan *over the time you build up the strength* tapi saya rasa Selangor perlu bermula dari dengan sesuatu dan kita tidak boleh berhenti di sini. Jadi saya berpendapat sekali lagi dari perancangan kakitangan awam haruslah melihat kembali program hadiah masuk Universiti sama ada kita mungkin menukar dari sebahagian hadiah ini dalam bentuk baucar buku dalam ucapan Belanjawan Persekutuan tidak disebut tentang baucar 1M lagi dan ramai yang tertanya-tanya, apakah masalah dia? Jadi saya rasa untuk mengisi *vacum* ini barang kali kita boleh melihat sama ada mungkin dari segi perancangan kita ubah sedikit dan kita menolong anak-anak kita dari segi bentuk baucar buku.

Yang kedua adalah tentang sekali lagi PPIS saya ingin membawa satu cadangan *mobile book cafe* yang mana ada sekumpulan usahawan-usahawan muda telah pun menjalankan satu program untuk mempromosikan budaya membaca di pasar malam. Mereka seperti makanan tapi yang mereka jual bukan makanan di pasar malam tapi mereka jual buku di pasar malam dan mereka pernah ada dalam *facebook* berkata bahawa van PPIS diserahkan kepada mereka, mereka boleh membantu PPIS untuk menghidupkan kembali budaya membaca di Desa. Jadi saya ingin membagikan isu ini kepada Y.B. supaya perkara ini boleh dilihat dengan lebih serius. Itu sahaja.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih Kampung Tunku. Tentang baucar membaca itu yang itu saya fikir itu satu idea yang cukup baik kerana saya tahu di kalangan Mahasiswa ketika ada baucar buku 1M sambutan amat menggalakkan jadi mungkin kita boleh melihat sebahagian daripada hadiah masuk IPT itu disalurkan dalam bentuk baucar membaca dan kedua tentang *mobile book cafe* saya rasa Y.B. pun ada bangkit melalui *facebook* kepada saya dan pihak ini juga begitu aktif di media sosial dan saya fikir kalau mereka dapat merencanakan lagi perpustakaan bergerak yang dimiliki oleh PPAS itu satu pandangan yang baik dan saya akan anjurkan idea ini kepada PPAS.

**TUAN SPEAKER:** Bukit Lanjan jawab dulu.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Tuan Speaker terima kasih juga kepada Kampung Tunku. Ada 4 perkara, 3 perkara yang telah dibangkit, 1 adalah *hop on hop off bus* sebenarnya perkara ini telah diteliti oleh Tourism

Selangor dan juga UPEN. Masalah pokok adalah ketika ini dana tidak cukup untuk mengurus, membeli satu bas khas untuk program ini. Namun begitu dengan izin *it is still within our radar* kita harap pada masa yang terdekat kita ada satu program yang lebih mantap supaya pelancong-pelancong boleh buat program *hop on hop off bus hop on hop off*. Keduanya *Heritage Walk* di Bandar Klang, Bandar di Raja Klang. Untuk tahun ini memang banyak persiapan termasuk dengan izin *trial run* telah dijalankan oleh Tourism Selangor supaya *Heritage Walk* di Bandar di Raja Klang boleh dilancarkan secara rasmi pada tahun depan sempena Melawat Negeri Selangor 2015. Mengapa ianya tidak masuk dalam sebagai contohnya *Lonely Planet* kerana kita belum lancarkan secara rasmi walaupun kita telah ada *soft launch*, kita telah terbitkan satu *phamplet* dan kita juga galakkan Majlis Perbandaran Klang untuk dengan izin *take up this Heritage Walk*. Namun begitu saya juga dimaklum bahawa *Lonely Planet* dia ada seorang wartawan atau pun penulis yang datang ke Malaysia setiap tahun khususnya di Lembah Klang dan setiap kali beliau datang ke sini kita ada peluang untuk berbincang tentang isu-isu pelancongan dan sebaik *Harritage Walk* di Bandar Diraja Klang dilancarkan secara rasmi kita akan masukkan dalam senarai. Kita haraplah mereka boleh masukkan dalam buku *Lonely Planet*. Yang ketiganya, saya setuju di negeri Selangor, orang suka makan. Dan ini juga merupakan satu aktiviti melancong. Pelancong-pelancong memang suka pergi Sabak Bernam, Sekinchan, Klang dan sebagainya. Dan untuk tahun 2015 ada beberapa program yang menumpu kepada acara ataupun pelancongan makanan diadakan sebagai contohnya bulan Mac, Karnival Seribu Satu Rasa Sate Kajang, ini di Kajang ya. Ada juga Festival Citra Rasa Selangor yang penganjurnya merupakan *Tourism Malaysia* bersama kerjasama dengan semua pihak di negeri Selangor. Ada Program Selangor *Chocolate Fair* yang di anjur oleh Muzium Coklat dan sebagainya. Jadi, *Tourism Selangor* tidak ada halangan kalau ada cadangan untuk adakan lebih acara ataupun pesta makan, cuma saya nak ambil tiga puluh saat untuk mengingatkan semua baru satu laporan dikeluarkan bahawa kita ada sedikit masalah tentang kesihatan dan makanan yang terlalu banyak. *So, thats why I thought jus slip in this in* lah. *So*, kita makan tapi kita jangan makan terlalu banyak lah. Jadi saya, saya harap ya, tahun depan semasa Tahun Baru Cina, saya tahu ada pesta makanan juga di Sekinchan dan Sekinchan boleh jemput kita semua untuk meraikan Tahun Baru Cina di sana.

**TUAN SPEAKER:** Saya ada tujuh minit lagi, saya bagi Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh muka surat 88 terutamanya PADAT, LUAS, Lembaga

Perumahan dan beberapa lagi, tapi tiga yang penting. Pertamanya tentang PADAT, saya ingin menimbulkan sekiranya teater dapat dilaksanakan dengan peruntukan yang sewajarnya tokoh-tokoh tempatan seperti *Kenu Production* dari anak kepada seniman besar Sarigani dari kampung Menteri Besar sendiri Kelanggit diperuntukkan dan maksud warisan negeri juga berkaitan dengan perjuangan rakyat. Hari ini perjuangan rakyat berlegar isu hak asasi dan pemaparannya dilakukan oleh NGO-NGO melalui video, *screening* dan sebagainya dengan izin. Dan saya ingin mencadangkan sekiranya diperuntukkan satu peruntukan yang wajar bagi mendukung satu festival filem yang telah diadakan sekian kalinya bagi dua belas kali berturutan. Dan di mana ADUN Pakatan Rakyat telah memberi sokongan dengan inisiatif yang kami lakukan bagi memberi peruntukan. Jadi kalau boleh peruntukan sekitar RM150 ke RM200 ribu setahun bagi *endourse-mengendourse* Program *Screening Freedom* Filem Festival anjuran *Komas* dan dengan tajaan-tajaan beberapa jabatan yang lain. Itu yang pertama. Yang kedua, saya ingin mencadangkan sekiranya Luas itu menjadi *anchor* dengan izin pada program Kitar Semula Sisa Minyak Masak untuk dijadikan *biodesel* kerana selepas inisiatif ini dimulakan oleh Batu Tiga, Sebab EXCO pada masa itu melalui LUAS, tetapi kita dapat arahan bahawa segala program yang berkaitan dengan kitar semula sisa minyak masak di bawah PBT. Jadi kalau boleh diwujudkan penyelarasan agar keberkesanan program itu yang memang telah menunjukkan bukti-bukti yang nyata akan kebaikannya akan dapat dipertingkatkan. Kemudian yang ketiga saya ingin menyentuh tentang Lembaga Perumahan Hartanah Selangor yang merupakan badan yang diterajui oleh Dato' Menteri Besar Selangor sebagai pengerusi, di mana dasar-dasar perumahan, polisi perumahan, pemantauan, semakan pelaksanaan dan penguatkuasaan daripada satu sudut telah dilakukan dan kita ada EXCO perumahan dan pengurusan pembangunan dan setingan dan saya perhatikan sekiranya kalau tidak menyalahi peraturan dan boleh diolah melalui penasihat pegawai undang-undang, jadikan Lembaga Perumahan sebagai platform utama dalam menggerakkan program perumahan di bawah EXCO perumahan. Bukan untuk merampas kuasa daripada Dato' Menteri Besar tetapi kalau kebaikan di situ boleh dipertimbangkan. Dan yang seterusnya, saya meminta pihak kerajaan mengambil kira penyata-penyata yang telah dibentangkan dan bakal dibentangkan dalam sidang dewan kali ini yang berkaitan dengan Majlis Sukan Negeri Selangor, Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS), Rangkaian Mesra Sdn. Bhd., ketika itu telah ada cadangan-cadangan dan syor serta saranan daripada JP Jawatankuasa yang berkenaan dan sekiranya dapat dipertimbangkan dari segi pelaksanaannya berdasarkan itu. Terima kasih, Pengerusi.



**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Hulu Kelang, saya di atas keprihatinan Hulu Kelang di atas program-program yang akan di *lately* kita dijalankan di bawah kebudayaan ataupun PADAT yang kita jangkakan pada tahun lepas pengurusan teater Salam akan diserahkan kepada PADAT. Begitu saya yakin apabila pengurusannya diserahkan kepada Perbadanan Adat Melayu dan Warisan maka ia memerlukan peruntukan untuk perbekalan bagi program-program yang dinyatakan oleh Hulu Kelang tadi, saya kira di bawah kebudayaan ada peruntukan untuk pembangunan program yang kita jalankan pada tahun hadapan. *Insyaa-Allah*, akan kita bincangkan bersama di antara PADAT dan juga Standco yang menjaga kebudayaan ini. Terima kasih.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI :** Saya nak tambah sikit.

**TUAN SPEAKER:** Chempaka kena balas juga nanti. Batu Caves.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Ini kepada Yang Berhormat Hulu Kelang. Yang Berhormat telah membangkitkan isu yang sama kalau seingat saya dua kali iaitu supaya memohon supaya EXCO perumahan menerajui Lembaga Perumahan sebab saya berkepentingan jadi saya pulangkan kepada Yang Berhormat Dato' Menteri Besar untuk menjawabnya, sama ada boleh atau tidak.

**Y.A.B DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih, Yang Berhormat Hulu Kelang. Ini berdasarkan *statute* yang ada tetapi dari segi pentadbiran dan pengurusan memang dikendalikan sepenuhnya oleh Yang Berhormat daripada Cempaka. Terima kasih.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Terima kasih. Saya cuma nak menjernihkan di sini ataupun memberikan sedikit penjelasan apa yang dikatakan tentang laporan daripada ABAS mengenai Majlis Sukan Negeri Selangor. Saya dapat nak buat sedikit pembedahan. Ini memang ramai orang keliru ya. Majlis Sukan Negeri Selangor sudah tidak ada kaitan dengan MSNS *Holdings* Sdn. Bhd. MSNS *Holdings* merupakan anak syarikat MBI dan sebenarnya sekarang MSNS *Holdings* sedang menukar nama sebab bukan sahaja ahli dewan ramai orang yang ter.. ter.. terkeliru dengan nama tersebut ya. Jadi nama yang dibangkitkan tadi sememangnya laporan daripada ABAS itu tak ada kaitan dengan MSN Selangor. Itu nak saya nak maklumkan, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah, saya ada...

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Luas nak jawab. Luas.

**TUAN SPEAKER:** Luas. Ya Luas. Taman Templer tak ada sini. Siapa nak jawab bagi pihak Luas, pihak kerajaan. Ok, Taman Templer. Taman Templer, LUAS. Bukit Lanjan.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Program Minyak Masak. Biodiesel. Mungkin

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Pengerusi.

**TUAN SPEAKER:** Terus kepada soalan sahaja.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Isunya penyelarasan daripada bidang kuasa LUAS dan PBT dalam mengendalikan Program Kitar Semula Sisa Minyak Masak.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Soalannya, adakah penyelarasan? Bukan...

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Program ini dilaksanakan melalui LUAS. LUAS peneraju dan perintis program. Kemudian, apabila kami di peringkat ADUN melakukan kerjasama dengan LUAS dapat surat daripada Dato', pejabat Dato' Menteri Besar. Program-program ini hendaklah dikendalikan di bawah PBT. Daripada EXCO PBT agaknya.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Kita tidak ada pertandingan, siapa nak *incharge* ataupun bertanggungjawab tentang Program Mengutip Minyak Masak Terpakai cuma LUAS menjadi pihak perintis dan selepas itu kita juga menggunakan PBT sebagai pelaksana kerana PBT memang ada *access* kepada minyak masak yang terpakai di kawasan masing-masing. Pada masa yang sama, pihak UPEN juga terlibat untuk membantu menyelaraskan memberi garis panduan, nasihat dan sebagainya untuk sesiapa yang ingin mengutip. Tapi kalau boleh kita ingin masukkan dalam Rang Undang-undang Enakmen Sisa Pepejal Negeri Selangor yang bakal di bentang. Jadi kalau Rang Undang-undang itu di bentang pada masa yang terdekat maka lebih jelas siapa agensi yang bertanggungjawab untuk mengutip minyak masak terpakai.

**TUAN SPEAKER:** Jadual B2 iaitu wang sejumlah RM ringgit Malaysia tujuh puluh enam juta tujuh puluh enam ribu sembilan ratus dua puluh sembilan untuk kepala B2 pelbagai perkhidmatan menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-ahli

Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B3 Dewan Negeri Selangor. Ringgit Malaysia tiga puluh enam juta tiga ratus enam puluh lapan ribu empat ratus lapan puluh tiga dan sen enam belas.

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini tentang muka surat 92 – 50500 Gaji dan Upahan. Berkenaan Dewan Negeri Selangor ini saya ucapkan tahniahlah kerana telah membuat menambah baik semua banyak perkhidmatan dengan baik cuma harapan kerajaan negeri untuk bajet baru akan datang mewujudkan dua ribu lima ratus *hotspot* ya, *hotspot wifi* iaitu satu perkara yang cukup dinantikan. Cuma saya nampak ada aduan di mana ruang tempat media. *Wifi-wifi....*

**TUAN SPEAKER:** Ini sudah masuk pembangunan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Tak. Perkhidmatan. Bukan pembangunan, perkhidmatan. *WIFI* itu, pukul sebelas pun tak ada *WIFI*. Pakai macam mana *hotspot* di Dewan pun ada masalah, kita nak *hotspot* dua ribu lima ratus. Haa, ini pertikaian saya ini. Yang ini saya perlu ada jawapan. Jadi di Dewan sekurang-kurangnya di sekitar kita mesti *hotspotnya* terlalu kuat sehingga ya. Terlalu kuat sehingga.... Signal tu kuat lah. Signal tu kuat supaya semua boleh access. Haa, ini penting. Jadi dalam benda ini, perkara ini saya minta penjelasan dulu sebelum saya teruskan.

**TUAN SPEAKER:** Seri Se.....

**Y.A.B DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih daripada Sekinchan. Kami akan lihat perkara tersebut dan saya setuju sebelum kita nak sebar luaskan kita kena pastikan kemudahan yang ada di SUK dan Dewan ini dalam tahap yang terbaik.

**TUAN SPEAKER:** Teruskan Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Ya, kita pastikan Dewan akan datang berada di tahap yang terbaik baik ya. Saya pantau, saya pantau ni. Seterusnya

berkenaan dengan apa Setiausaha Dewan ini, saya nampak kita, oleh kerana Jawatankuasa Dewan Negeri Selangor banyak sekarang dah hampir dekat sepuluh Jawatankuasa Dewan nak tambah lagi Jawatankuasa Air. Nak *check* air juga sekarang ini banyak. Jadi, mesyuaratnya pun tahukah oleh kerana semua ahli-ahli, pengerusi dan sebagainya bekerja dengan kuat maka saya nampak setiausahanya kerjanya berat dan dia terpaksa juga dalam masa yang sama ya bertindak sebagai setiausaha Dewan, setiausaha MMKN. Saya rasa sudah sampai masanya setiausaha Dewan dan MMKN itu dipecahkan dua, supaya kerja itu tak begitu berat. Kalau tidak, selalunya katanya, begitu sibuk dan sebagainya nanti mesyuarat PAC juga susah nak nampak setiausaha Dewan asyik yang nombor dua, nombor tiga gagal kita nak tengok juga untuk bantu menyelaraskan. Jadi ini juga satu perkara yang saya nampak. Minta penjelasan dulu.

**TUAN SPEAKER:** Yang ini saya pilih Bukit Antarabangsa untuk bantu jawab.

**Y.A.B DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Yang Berhormat Sekinchan, cadangan itu kita akan ambil maklum. Terima kasih. (Dewan ketawa)

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Saya minta, terima kasihlah kepada Yang Amat Berhormat Dato' haha Dato' Menteri Besar, tu saya minta makluman tu ya. Ambil maklum betul-betul maklum tu, jangan saya, dulu pernah saya, pentadbiran lalu saya pernah bangkitkan perkara yang macam tu tapi dia maklum-maklum sampai dah pun dah tak maklumlah. Saya harap ini betul-betul maklumlah ya. Betul-betul maklum dan saya ada lagi satu perkara yang saya nampak walaupun dia remeh tapi kadang-kadang dalam sidang Dewan kali ini kita tak nampak ada maklum balas ya, tentang kualiti perkhidmatan dewan. Kertas jawapan maklum balas sekarang tak ada. Dulu ada ya, soal selidik. Haaa, tentang makanannya, tentang perkhidmatannya. Dulu ada. Walaupun kecil tapi ini penting kita bagi makluman balas dan kali ini walaupun masakan dulu tak bagus kali ini ada peningkatan tapi masih ada masalah. Ada ayam yang kita makan dia keras macam batu, ayam goreng. (Dewan Ketawa). Saya, saya pakai, pakai apa garpu-garpu cucuk sampai nak bengkok garpunya. *Atos koyo batok*, *koyo batok* (Bahasa Jawa) la macam batu, keras macam batu dengan izin. Ya, dan juga kalau boleh diwujudkan satu ruangan, ya ruangan kecil untuk media-media sebab kita prihatin, ya merakyatkan ekonomi, ruangan-ruangan kecil untuk pihak media, ruangan vegetarian. Ada setengah orang dia tak makan daging. Daging lembu tak makan. Daging apa *bak kut teh* pun tak makan dan dengan izinlah. Dengan izin ya. Semua dia tak makan. Dia makan sayur-

sayuran. Tapi kita ada slot kecillah. Kalau ada. Ini prihatinnya. Minta sikit respons dulu. Masa masih ada.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Sekinchan. Ini merupakan cadangan yang cukup baik sebagai penghormatan kita kepada setengah pihak yang, yang perlu kita raikan dan saya, yang ini saya akan ambil maklum dan akan laksanakan. Ha!.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih. Kerana ini dia bukan sahaja dia akan ambil maklum dan laksanakan ya. Dan saya ada juga *parking, parking* Ketua Pembangkang, kadang-kadang selalu dipenuhi. Tapi bukan kereta Ketua Pembangkang. Ini satu masalah. Saya datang, nak *parking* tapi saya tak berani nak *parking* yang khas untuk Ketua Pembangkang. Kita pengiktirafan kepada Ketua Pembangkang ini penting. Ya, kita raikan Ketua Pembangkang. Tapi *parkingnya* lain orang yang *parking*. Jadi, ini perlu ada sikit tindakanlah. Ini tak betul juga. Nanti Ketua Pembangkang dia protes kita malu juga. Ini satu perkara. Ini sebelum ini tambah lagi satu. Ah! Oleh kerana saya hendak ucapkan tahniah kepada Tuan Pengerusi sebagai Speaker kerana talian *online* ini kita untuk hantar soalan Dewan ini luar biasalah daripada dulu. Dulu mungkin kita hantar agak sukar. Sekarang *online* terus. Dan kalau perkataan itu lebih 40 dia hilang. Dia tak boleh masuk. Ah! Saya ucapkan tahniahlah dalam perkara ini. Satu kemajuan. Selangor peneraju Dewan Negeri Selangor. Syabas dan tahniah. Tapi minta yang tadi. Ketua Pembangkang, ya! *parking* Ketua Pembangkang.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Yang Berhormat Sekinchan. Kita akan maklumkan kepada pihak Keselamatan Trafik untuk menjaga letak kereta Ketua Pembangkang tu orang lain tak boleh letak.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Ya. Ya.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Ini adalah khas untuk Ketua Pembangkang. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Dewan perlu bersidang semula.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Oleh kerana urusan Dewan ini masih belum selesai maka Dewan pada hari ini perlu disambung. Saya mempersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk membawakan usul.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian saya ingin membawa suatu usul yang berbunyi seperti berikut:

“ Bahawasanya Dewan yang bersidang pada hari ini mengikut Peraturan 11 dalam Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor hendaklah dilanjutkan sehingga jam 6 petang “

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian usul ini telah pun disokong. Saya kemukakan untuk mendapat persetujuan.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata tidak. Usul ini dipersetujui.

Dewan bersidang semula sebagai Jawatankuasa Perbekalan.

**TUAN SPEAKER:** Sri Andalas.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Terima kasih Tuan Speaker. Ah! Saya nak rujuk, ah! Pengerusi ah! Muka surat 91 Kod 5001 Pentadbiran dan Kewangan Dasar Baru. Ah! Saya hendak, ini, ini *is a bit difficult for me* tapi saya nak bawakan perkara ini sebab ada ke tidak kerajaan akan bawa usul untuk naikkan gaji atau pun turunkan gaji dalam Dewan ini ah! Terbuka kepada mereka semua. Tapi apa yang saya hendak bawa di sini saya minta kerajaan apa pun yang kita ambil tindakan atau pun perhatian atas dasar baru tentang kenaikan gaji dan turun gaji saya ingat kita kena adakan satu ini *convention* yang di, digunakan seluruh dunia bahawa kita kena ambil, bahawa semua Ahli-ahli Dewan ini mendapatkan faedah yang kita akan ambil atau buat di dalam Dewan ini sebab ah! Kalau tidak kita di belakangkan. Ada sahaja, saya bawa ini sebab di dalam pemerintahan yang lepas kenaikan gaji untuk EXCO dan Menteri Besar dan Ahli Dewan Undangan Negeri. Tetapi orang-orang yang tidak ada di dalam, ah! Tidak ada keputusan yang buat di dalam Mesyuarat EXCO pada waktu itu, adakah kenaikan gaji ini akan dibangunkan kepada EXCO-EXCO yang lama atau ADUN-ADUN yang lama. Ah! Sebab itu Dewan sekarang bila bagi pencen untuk ADUN-ADUN yang telah bersara pencen itu adalah kepada gaji yang lama bukan kepada gaji yang baru. So ini satu *convention* yang saya nak bawa kepada perhatian Dato' Menteri Besar dan EXCO untuk ambil pendekatan apa keputusan akan dibuat oleh Dewan ini tetapi

itu kena dinaikkan kepada Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri dari 2008 yang memerintah di dalam negeri, sebelum itu. Terima kasih. Jawapan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Yang Berhormat Seri Andalas. Ah! Pertama sekiranya kita lanjutkan tanpa satu paras siling ianya akan memberi implikasi kewangan yang cukup besar. Khususnya apabila kita masukkan juga elemen pencen. Jadi, kita akan bawa perkara ini dalam Mesyuarat EXCO yang akan datang untuk melihat apakah paras yang boleh kita tetapkan berdasarkan apa ni peraturan dan yang dan juga implikasi kewangan yang mungkin wujud daripada cadangan Yang Berhormat Seri Andalas.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Banyak lagi ke isu?

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Sikit lagi, nak tambah.

**TUAN SPEAKER:** Sikit, sikit.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Kota Anggerik.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Batu Tiga.

**TUAN SPEAKER:** Batu Tiga dulu.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Terima kasih, Pengerusi. Saya ingin membawa dua perkara dalam vot V03 iaitu dalam muka surat 91, iaitu butiran 50-501 Kod Objek 11-100. Saya sebenarnya amat berterima kasih kepada kerajaan Negeri kerana telah pun memperuntukkan peruntukan untuk pengurusan pejabat Pusat Khidmat sebanyak RM 10 ribu sebulan. Bagaimana pun saya ingin menyatakan di bawah dasar baru seboleh mungkin kalau boleh setiap ADUN sekarang ini diberikan setiap daripada kita seorang pegawai dasar untuk memudahkan, ah! Memudahkan kami membuat beberapa kajian-kajian dan penyelidikan. Sebab kita tahu bahawa sekarang ini di bawah Dewan Negeri kita ada pegawai dasar tetapi ianya di tempatkan di bawah pejabat Tuan Speaker. Jadi, saya mencadangkan atau pun saya memohon apakah kemungkinan setiap ADUN boleh diberikan seorang pegawai dasar yang saya rasakan, saya yakin pegawai dasar ini bukan sahaja berfungsi semasa sidang tetapi sebenarnya kita tengok di bawah sekarang ini kita ada banyak jawatankuasa-jawatankuasa pilihan yang kita perlu juga membuat kajian-kajian

tertentu. Jadi saya mohon jawapan itu, saya mohon ianya dijawab oleh pihak kerajaan dulu sebelum saya pergi ke soalan nombor dua.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Cadangan Yang Berhormat Tiga ialah untuk ditambah satu lagi perjawatan yang dinamakan pegawai dasar untuk membantu Ahli Dewan Negeri. Perkara ini boleh kita teliti dan akan kita bincang dalam MMKN lah. Terima kasih.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Akhir, Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN YAAKOB BIN SAPARI :** Ha..

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Saya ada satu lagi. Pengerusi. Yang keduanya saya ingin mencadangkan...

**Y.B. TUAN YAAKOB BIN SAPARI:** Satu lagi.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Nanti dulu. Semasa sidang Dewan, ini pertama kalinya saya duduk sebagai kerusi ADUN. Saya melihat ada sedikit penambahbaikan yang perlu Dewan Negeri ambil maklum, iaitu perlu dibuatkan satu sudut, iaitu sudut khas untuk ADUN untuk membuat *photo copy* dan sebagainya. *Photo copy*, bukan buat kopi. Ya. *Photo copy* atau pun isu-isu yang berkaitan dengan semasa sidang Dewan dua minggu ini kita boleh membuat pengurusan-pengurusan untuk kita menyediakan dokumen-dokumen tertentu. Sebab masing-masing sekarang kita maklum Ahli-ahli Dewan tidak ada pejabat khas. Jadi untuk itu kita minta satu sudut sahaja di sini supaya kita boleh ah! Apa ni memanfaatkan atau pun membuat perkara-perkara dokumentasi ya, kalau semasa sidang Dewan ini. Jadi, itu cadangan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Sebelum saya panggil Kota Anggerik boleh saya minta kerjasama ADUN kalau isu *parking*, isu *photo copy* tak berapa sesuai kita gunakan semasa Dewan untuk Menteri Besar bangun jawab *photo copy machine*, *parking*, makanan dan saya tahu ini perkara serius tapi saya rasa kita ada banyak lagi isu yang lebih serius.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Makanan boleh menyebabkan keracunan.

Dewan ketawa.



**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Saya setuju. Saya tak cakap pasal kopi saya cakap pasal program yang boleh membantu ADUN untuk *efficiency* kecekapan kami semasa sidang Dewan.

**TUAN SPEAKER:** Sg. Pinang. Sg. Pinang boleh jawab.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Ya. Tuan Pengerusi sebab saya duduk dalam Jawatankuasa Pengurusan Dewan mewakili Dato' Menteri Besar. Jadi kira, sekiranya itulah sebenarnya *flatfrom* wakil-wakil ADUN untuk menyuarakan perkara-perkara yang sedemikian. Sebab ini adalah perkara berkenaan dengan pentadbiran Dewan. Jadi. Ah! Kerajaan ada wakilnya dan ADUN ada wakilnya, Pembangkang pun ada wakilnya. Jadi sepatutnya dibawa ke Jawatankuasa Pengurusan Dewan dan tidak perlu dibawa ke peringkat ini. Ya. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Saya merujuk pada *paragraph 3*, 5051 dasar baru tadi iaitu bila mana ada kenaikan elaun kepada ADUN dan juga MMKN dan Menteri Besar, saya sambung sikit, nampaknya tak begitu jelas Seri Andalas. Saya *convention* di Bahagian Pencen JPA telah saya semak. Bila kenaikan pada pencen ada kenaikan pada gaji ada kesan kepada penerima pencen. Di Parlimen juga begitu. Jadi, ah! Pandangan saya pada semua pesara-pesara yang Wakil Rakyat, walau pun yang ramai pada BN, tapi ini ialah satu yang biasa. Baik di JPA atau pun di Parlimen. Saya cadangkan supaya di peringkat negeri saya yakin kemampuan kewangan negeri mampu. Ada sebahagian ADUN berkhidmat sampai lapan penggal. Saya rasa mereka layak untuk diberikan kenaikan supaya kenaikan-kenaikan yang berlaku ini.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Anggerik. Ah! Sukacita saya maklumkan kalau kita merujuk kepada enakmen negeri Selangor ianya terkandung dan termaktub bahawa kenaikan gaji MMKN, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri itu tidak boleh disamakan dengan penjawat awam, ya. Dan perkara ini perlu diteliti dan disemak secara sempurna supaya keputusan yang kita ambil itu mestilah selaras dengan enakmen yang sedia ada. Terima kasih.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Tuan Pengerusi, satu aje daripada pembangkang ya.

**TUAN SPEAKER:** Permatang.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Terima kasih. Saya hendak rujuk kepada muka surat 91 Pentadbiran Kewangan 50-500. Satu sahaja Yang Berhormat Pengerusi, saya hendak pandangan daripada pihak kerajaan, saya tak tahu sama ada ini untuk membaiki atau tidak. Saya hendak sentuh mengenai Undang-undang Tubuh ini. Bolehkah saya mencadangkan kepada pihak Dewan bahawa bukan hendak ubah Undang-undang Tubuh, tapi bila nak baca fasal-fasal ini menggunakan sistem apa yang dipanggil roman saya ingat. Satu, dua saya boleh baca satu hingga sembilan aje. Sepuluh saya baca ada faham lagi, ada X tu. Lepas itu, sebelas, dua belas sampai empat puluh dah tak boleh faham dah. Jadi, boleh ke misalan kata ini atau pun dalam pejabat pentadbiran Dewan boleh kita mengubah sistem *numbers* itu sahaja. Jadi, itu memang agak susah hendak baca ini. Sepuluh, sebelas saya boleh faham lagi. Dua belas, tiga belas, X dah kadang-kadang saya pun malu nak sebut. Tak faham maksud. XXX. Jadi tiga puluh XXX. Jadi boleh tak misal kata Undang-Undang Tubuh ini dipinda yang fasal-fasal itu sahaja. Terima kasih.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Ya, terima kasih.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya sebenarnya, apa ini, apa ni Tuan Pengerusi, sebenarnya saya daripada sidang lepas saya nak sebut benda ini.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Dah panjang. Tak payah cerita. Tuan pendekkan ya. Yang Berhormat Permatang. Sebenarnya perkara ini memang kita sedar dan ada sebenarnya pejabat Penasihat Undang-undang juga sebelum ini ada dalam apa tu usaha untuk membuat semakan ke atas Undang-undang Tubuh di mana kerana ada masalah sikit seperti ejaan, kesilapan ejaan termasuk penomboran ini juga dalam semakan. Dan selepas baru kena bawa ke Dewan. Kerana ini adalah teks yang telah diluluskan oleh Dewan ini sebagai Undang-undang yang tertinggi di Negeri ini dan tidak boleh dipinda oleh Dewan tanpa melalui proses pindaan kepada ah! Ah! Apa tu kepada Undang-undang tubuh tersebut. Tapi kita sedia maklum perkara ini. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Jadual B (3). Iaitu wang sejumlah RM 36,368,483.16 untuk Kepala B (3) Dewan Negeri Selangor menjadi sebahagian daripada jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B.4. Perbendaharaan Negeri, RM252,334,835.46 (Ringgit Malaysia Dua Ratus Lima Puluh Dua Juta Tiga Ratus Tiga Puluh Empat Ribu Lapan Ratus Tiga Puluh Lima dan Sen Empat Puluh Enam).

**TUAN SPEAKER:** Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Tuan Speaker, terima kasih, ringkas sahaja saya ingin merujuk kepada muka surat 97 kod 505001 Pentadbiran dan Kewangan Dasar Baru. Saya ingin bertanya kepada kerajaan negeri adakah satu kajian atau pun pendekatan yang kita boleh buat untuk kita pendekkan pengurusan tender ataupun sebagainya dengan syarat kualiti tidak dikecualikan. Sebab saya nampak bila sebagai contohnya projek tambatan banjir kita luluskan di dalam sidang dewan ini dan ambil masa reka bentuk lebih kurang setengah tahun baru siap lepas itu bila dah *award* tender bila nak laksana kerja atas tapak bulan dekat hujung tahun dah waktu itu musim hujan. Dan waktu itu juga kerja tidak boleh dilaksanakan. Jadi dia nampak dengan izin, ada tak satu cara dia boleh laksanakan supaya peruntukan ini boleh dilaksanakan dengan efisien.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Yang Berhormat Rawang, sukacita saya menyatakan di sini ada dua perkara yang perlu kita teliti yang pertama sekiranya kerja-kerja itu melibatkan keadaan kecemasan atau pun mala petaka ianya boleh dibuat secara terus yang telah pun dimaklumkan kepada pihak PBT. Sekiranya kerja-kerja memerlukan tender terbuka baru-baru ini kita telah mengambil pendirian untuk mengkaji semula dasar perolehan yang diamalkan oleh Kerajaan Negeri sebelum ini. Di mana dasar perolehan sebelum ini ialah mengambil harga yang terendah dan ini menimbulkan banyak implikasi termasuk kelewatan mengendalikan dan menyempurnakan projek-projek yang berkenaan. Salah satu masalah yang kita teliti ialah ada kontraktor yang meletakkan harga yang paling rendah untuk dapatkan kerja tersebut tapi akhirnya tidak dapat menyempurnakan projek yang berkenaan dan terpaksa serah semula. Keduanya kemungkinan juga kualiti kerja yang akan disempurnakan itu jauh lebih rendah daripada kualiti yang diperlukan. Oleh sebab itu baru-baru ini kita telah menukar dasar perolehan kerajaan negeri dan memperkenalkan dasar baru mulai Januari 2015 yang disebut sebagai *...Modify Cut Off Sistem* ini akan memberikan satu peluang baru kepada mereka yang layak dan berwibawa untuk mendapat kerja yang berkenaan dan ia boleh disiapkan dalam satu tempoh yang diberikan seperti yang disyaratkan tender yang berkenaan.

**TUAN SPEAKER:** Damansara Utama.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Saya merujuk kepada muka surat 101, Vot 535002 tajuk Analisa Pemantauan Pelaburan Dan Pinjaman serta 535000 Analisa Pemantauan Pelaburan Dan Pinjaman. Saya telah meneliti bahawa kerajaan negeri telah memberi pinjaman kepada anak-anak syarikat, kepada Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun mengikut penyata kewangan yang disediakan oleh Perbendaharaan Negeri. Saya mendapati bahawa anak syarikat mendapat pinjaman daripada kerajaan negeri RM800 juta, PBT RM58 juta, Badan Berkanun RM172 juta yang jumlahnya ialah satu bilion. Yang kita memberi pinjaman kepada anak-anak syarikat, Badan Berkanun dan juga PBT. Saya nak menarik perhatian dewan yang mulia ini ialah apabila saya meneliti pinjaman tersebut saya mendapati bahawa Perbendaharaan telah melakukan 6 penjadualan semula pinjaman iaitu penjadualan semula pinjaman KEDB yang seperti yang kita maklumkan tetapi ia adalah berjumlah RM633 juta sebab ada bantuan UNISEL RM20 juta, air percuma RM200 juta. Dengan apa yang kita tahu pengambil alih KHSB RM413 juta. Selain itu saya juga nampak ada penjadualan semula untuk pinjaman untuk PIYS yang berjumlah RM81 juta, PKPS RM35 juta dan Lembaga Perumahan Hartanah Selangor yang berjumlah RM100 juta. Ini penjadualan semula. Seterusnya saya juga mendapati bahawa terdapat 7 pinjaman Perbendaharaan kepada anak-anak syarikat ataupun Badan Berkanun yang telah melampaui tarikh akhir tebusan pinjaman. Sepatutnya sudah dipulangkan tetapi tidak dipulangkan. Saya nak *highlight* di sini dengan izin ialah pinjaman kepada Yayasan Selangor yang berjumlah RM30.8 juta untuk meringankan beban kewangan RM10 juta dan RM20.8 juta adalah untuk INPENS. Dan pinjaman untuk PKNS RM65 juta yang sepatut tamat 2009 tetapi sampai sekarang PKNS hanya bayar kita RM25 juta dan ada tunggakan RM40 juta. Semua ini dalam penyata kewangan. Saya ingin meminta penjelasan daripada Kerajaan Negeri, ada juga yang ada INPENS RM17 juta, Amanah Saham Selangor RM20 juta yang tiada tarikh akhir tebusan berjumlah RM37 juta. So saya amat terkejut tengok penjadualan semula, ada pinjaman yang tidak bayar balik dan ada pinjaman yang tidak ada tarikh tutup untuk pembayaran balik. Saya juga terkejut tengok PIYSB mendapat pinjaman daripada Perbendaharaan yang berjumlah RM3.12 juta untuk memberi bonus sebulan kepada kakitangan. Dia dapat pinjaman daripada Perbendaharaan Negeri untuk memberi *bonus to me* ini adalah budaya yang sangat tidak sihat di mana kita dapat Perbendaharaan beri pinjaman, *you don't need to return the money if you can't return the money you boleh* penjadualan semula. So ini bukan budaya yang sihat sebab kita tidak akan menekan satu disiplin untuk

anak-anak syarikat ataupun Badan Berkanun. Saya mohon penjelasan kerajaan negeri dan mohon maklum Kerajaan Negeri. Damansara Utama memang saya merasa bahawa tidak seharusnya membiarkan budaya sedemikian untuk berlaku kita kena memastikan bahawa pinjaman kepada anak syarikat atau badan-badan berkanun mereka dapat bayar balik supaya... Tetapi untuk PBT memang saya tengok ini untuk manfaat rakyat kalau tunggakan *to me it's ok but not to the* anak-anak syarikat dan Badan-badan Berkanun. So ini sahaja pandangan saya untuk kerajaan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Yang Berhormat Damansara Utama, perkara yang dibangkitkan itu banyak perkara-perkara yang spesifik dan khusus yang dinyatakan angka-angka dan agensi dan anak-anak syarikat dan saya pohon keizinan Tuan Pengerusi untuk memberikan secara bertulis secara khusus perkara yang dibangkitkan. Walau bagaimana pun kalau yang dibangkitkan kita akan pergi secara khusus walau bagaimanapun isu penjadualan semula ini pinjaman terhadap agensi dan anak-anak syarikat kita kenakan kadar faedah 4% kepada mereka untuk memastikan ia tidak akan mengganggu kedudukan kewangan kerajaan negeri. Sebahagian daripada pinjaman yang diberikan kepada anak-anak syarikat tersebut telah dengan kelulusan MMKN juga untuk tujuan-tujuan tertentu maka oleh sebab anak-anak syarikat ini milik kerajaan negeri sudah tentulah kita memantau secara dekat dan perkara khusus yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu akan diberikan secara bertulis untuk memberikan penjelasan. Namun saya bersetuju dengan Yang Berhormat supaya pengurusan kewangan ini termasuk dalam bidang pinjaman kepada anak syarikat mestilah dibuat secara telus dan berhemah kerana ianya adalah wang rakyat di Negeri Selangor.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Pengerusi.

**TUAN SPEAKER:** Batu Tiga.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Terima kasih Pengerusi ada satu perkara yang saya ingin timbulkan di bawah Vot yang dinyatakan B 04 saya bersetuju satu dasar baru dibuat untuk pengkajian semula tender terbuka. Tetapi saya ingin bertanya apakah pihak kerajaan mohon penjelasan dan bertanya apakah kerajaan ada satu kajian yang begitu spesifik tertentu tentang tender-tender terendah yang dibuat sebelum ini. Satu soalan saya berapa projek yang telah dikeluarkan sepanjang tender ataupun dasar baru itu dibuat, yang kedua berapakah tender yang berjaya, berapa yang gagal dan kalau dia berjaya berapakah duit yang kita dapat, dapat jimatkan, berapa kerugian yang kita ada.

Ini penting kerana dasar baru walaupun kita menyatakan tender terbuka saya mohon ada satu kajian khas supaya kita dapat tentukan supaya dasar-dasar baru yang dapat ditambah nilai kepada usaha yang ada. Jadi itu cadangan dan mohon penjelasan memang faham ianya satu data yang mungkin dibekalkan kemudian.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Yang Berhormat Batu Tiga, sudah tentulah sebelum dasar baru diperkenalkan pihak yang bertanggungjawab menjalankan kajian di mana dasar perolehan menggunakan harga yang terendah ini menimbulkan terlalu banyak masalah dan tidak semestinya satu mekanisme yang baik yang perlu diteruskan oleh kerajaan negeri. Kajian telah dilakukan kita telah memperkenalkan dasar baru ini akan hanya dilaksanakan tahun 2015. Tentang perincian yang dinyatakan diminta Yang Berhormat akan diberikan secara bertulis.

**TUAN Pengerusi:** Jadual B. 4 – iaitu wang sejumlah RM252,334,835.46 (Ringgit Malaysia Dua Ratus Lima Puluh Dua Juta Tiga Ratus Tiga Puluh Empat Ribu Lapan Ratus Tiga Puluh Lima dan Sen Empat Puluh Enam) untuk kepala B.4 Perbendaharaan Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK. Dipersetujui.**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B. 5 – Caruman kepada Kumpulan Wang Berkanun, RM120 (Ringgit Malaysia Satu Ratus Dua Puluh).

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Kampung Tunku.

**TUAN SPEAKER:** Saya bagi Kuala Kubu Baharu dulu.

**Y. B. PUAN LEE KEE HIONG:** Terima kasih Tuan Speaker saya merujuk kepada muka surat 108 Butiran 505000 Pemberian Dalam Negeri. Saya tiada masalah berkenaan dengan ada Majlis Bandar raya, Majlis Perbandaran yang dapat RM10.00. Apa yang saya nak sentuh di sini ialah Majlis Daerah Hulu Selangor, Tuan Pengerusi saya mohon hujah sikit, sebab kalau saya tidak hujah orang tak faham mengapa saya nak mintak tuntutan ini dan juga mengapa saya nak buat rayuan tersebut.

**TUAN SPEAKER:** Boleh ringkaskan.

**Y. B. PUAN LEE KEE HIONG:** Daerah Hulu Selangor adalah kalau mengikut keluasan adalah PBT yang terbesar di antara 12 PBT yang ada, walaupun keluasannya yang hampir sama dengan Negeri Melaka tetapi hasil cukai tafsiran mereka adalah rendah. Kalau mengikut laporan Ketua Audit Negara mengenai penyata kewangan MDHS kita boleh dapati hasil cukai taksiran yang dipungut pada tahun 2013 adalah RM43,000,000.00 sahaja. Salah satu faktor kenapa kehilangan hasil taksiran tersebut adalah kerana Daerah Hulu Selangor juga merupakan institusi pendidikan dan latihan kerajaan seperti Darul Quran, Maktab Polis Diraja Malaysia, Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia, Institut Kemahiran Belia Negara, Maktab Rendah Sains Mara dan 3 buah lagi pusat latihan Khidmat Negara. Institusi-institusi tersebut hanya dikehendaki membayar carum membantu kadar kepada MDHS untuk mendapat perkhidmatan MDHS seperti kutipan sampah dan sebagainya. Puan Pengerusi, MDHS telah membelanjakan RM730,000.00 untuk membeli tong sampah sahaja sejak tahun 2009 bagi menjaga kebersihan Daerah. Perkhidmatan sampah dan pembersihan awam untuk tahun ini menelan perbelanjaan sebanyak RM26,000,000.00. Seperti PBT yang lain sebahagian besar hasil memang digunakan untuk kutipan sampah dan pembersihan awam, tapi MDHS dia perlu memastikan kawasannya bersih memandangkan baru-baru ini Daerah Hulu Selangor telah menerima anugerah *The Most Preferred Investment Location By District In Selangor* dan *The Most Preferred Investment By Local Authority*. Sempena majlis malam penghargaan pelabur negeri Selangor 2013. Persoalan sekarang ialah adakah MDHS mampu menjaga kebersihan tanpa mengabaikan perkhidmatan lain bagi mewujudkan persekitaran yang harmoni, yang selesa dan makmur. Kalau mengikut Laporan Ketua Audit Negara yang sama mengenai MDHS, dia menunjukkan hutang ragu MDHS telah meningkat kepada RM41,000,000.00 pada tahun 2013. Hutang ragu PBT yang lain seperti Majlis Bandaraya Shah Alam hanya RM6,000,000.00 sahaja. Hutang ragu kepada Petaling juga tidak tinggi iaitu RM18,000,000.00 sahaja. Laporan tersebut juga mendedahkan penghutang MDHS adalah terdiri daripada sangat *interesting* dengan izin Kumpulan TALAM, Kumpulan Emkay, Entiti Kepentingan Kerajaan serta anak-anak syarikatnya. Ini lagi menarik perhatian penerima bantuan Kebajikan Masyarakat, bil cukai yang tidak dapat diserahkan dan pegangan yang berada di kawasan berisiko. Ini adalah satu gambaran keadaan yang dihadapi MDHS di mana kewangannya teramat terhad untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada penduduk Hulu Selangor. Saya ingin cadangkan kepada kerajaan Negeri supaya peruntukan kepada MDHS secara pemberian dalam negeri ini jangan RM10.00 lagi la. Untuk menjadikan Hulu Selangor sebagai sebuah Daerah yang kondusif dan progresif dan setanding dengan kawasan lain di Negeri ini. Puan Pengerusi, ini para yang terakhir walaupun bukan kepada

Kerajaan Selangor, tetapi saya kena suarakan di sini sebab di Hulu Selangor ada 3 ADUN, 1 dari Pakatan Rakyat, 2 daripada pihak pembangkang. Saya juga merayulah kepada YB Hulu Bernam dan YB daripada Batang Kali agar menerima peruntukan RM200,000.00 itu supaya kita boleh sama-sama berkhidmat sebagai wakil rakyat di Hulu Selangor. Terima kasih Puan Pengerusi.

**TUAN SPEAKER:** Seri Kembangan.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Tuan Speaker, saya ucap terima kasihlah kepada Kuala Kubu Baharu yang begitu prihatin tentang status kewangan di Majlis Daerah Hulu Selangor. Kod ini disediakan kerana kita boleh bantu bila PBT ada masalah. Jadi memang pun Kerajaan Negeri telah selalu membantu memberi menghulurkan tangan untuk membantu PBT yang mengalami masalah kewangan. Jadi, kalau boleh PBT mengalami masalah, bolehkah, boleh sediakan satu kertas kerja dengan alasan yang konkrit, Kerajaan bersedia untuk membantu PBT untuk dari segi *administration* dari segi pengurusan ataupun pembangunan setempat. Sekian.

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Puan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada muka surat 108, 505000 Pentadbiran dan kewangan mengenai Majlis Daerah Sabak Bernam ya. Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini mengenai Majlis Daerah Sabak Bernam ini antara 12 Majlis Daerah yang kedudukan kewangannya memang antara kritikal, selalunya 1 Daerah yang agak terpencil, kurang kewangan dan hasil. Namun begitu, perkhidmatan Majlis Daerah Sabak Bernam dengan kerjasama semua pihak kita teruskan kekuatan walaupun kewangan kurang kita kerja kuat juga. Memberi perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat di situ ya walaupun di luar bandar. Isu yang saya nak timbulkan di sini ialah Majlis Daerah Sabak Bernam dia ada hutang, hutangnya RM8.8 juta daripada pecahan itu RM7.6 juta adalah hutang Alam Flora. Dulu punya hutang tanggungan kepada Kerajaan Negeri. Jadi oleh kerana kita hutang seperti apa yang pernah YAB Dato' Menteri Besar kata kita jangan berniaga dengan Jabatan, Majlis Daerah, Jabatan Kerajaan kita jangan berniaga. Kerajaan jangan berniaga. Jadi, pinjam-pinjam duit itu pun tak payahlah kalau boleh yang hutang-hutang RM7.6 juta ini saya minta Kerajaan Negeri lupuskanlah kalau tidak kita memang beban dengan hutang itu, bayar tiap-tiap bulan pun oleh kerana kita perlukan perkhidmatan untuk kutip sampah dan



sebagainya dengan lebih kemas, saya rasa hutang ini saya minta kalau boleh dilupuskan secara beransur-ansur. Terima kasih.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Ya lah Sekinchan pun seorang yang prihatin ya. Kerajaan Negeri bersedia untuk mengkaji permintaan daripada Sekinchan tetapi PBT juga perlu menguruskan kewangannya mereka dengan lebih efektif dan juga dengan lebih baiklah supaya hutang dapat dilupuskan dengan *capability* sendiri kalau boleh. Tapi kalau tak boleh Kerajaan boleh ya mengambil pertimbangan untuk membantu. Sekian.

**TUAN SPEAKER:** Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih puan pengerusi, saya ingin masuk ke muka surat yang sama B05 505000, 42000. Pemberian dalam negeri MBPJ, Majlis Bandaraya Petaling Jaya. Isu saya ada 3 isu ya. Semuanya isu yang ringkas.

**TUAN SPEAKER:** Isu satu isu sahaja Kampung Tunku, tolong. 3 isu?.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** 3 isu dalam 1 minit.

**TUAN SPEAKER:** 1 minit.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** 1 minit, jangan bimbang. Yang pertama ialah tentang isu garis panduan komuniti pelbagai dan berpengawal, *gated and guarded community*. Saya menyeru kerajaan supaya dari segi perancangan UPEN ataupun PBT kena lihat semula garis panduan yang ada sekarang ini kerana ia bukan satu garis panduan, garis panduan yang lama bukan satu garis panduan yang *perfect* ada banyak masalah saya rasa ada banyak perlu dilihat semula khususnya termasuk juga isu yang melibatkan dengan Seksyen 46, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 yang pada pendapat saya perlu dipinda walaupun ia nya bukan kuasa dewan dan kerajaan Negeri tapi dalam perbincangan dengan kerajaan pusat perkara ini wajar diberi perhatian. Yang kedua, adalah tentang isu pusat jagaan warga emas ataupun *retirement...*

**TUAN SPEAKER:** Kampung Tunku, tak ada kaitan dengan pemberian negeri kepada PBT.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Ya, ada kaitan dengan perancangan.

**TUAN SPEAKER:** Yang ini saya nampak komuniti berpagar lebih sesuai untuk Lembaga Perumahan kerana garis panduan tersebut dikeluarkan oleh Lembaga Perumahan.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Saya kena semak semula. Yang kedua adalah tentang *retirement village* di mana perkara ini saya rasa PBT pun perlu ada satu garis panduan dan dari segi perancangan saya berpendapat kita tidak boleh tunggu masalah daripada pelaku tetapi kita perlu pro aktif dan *pre empt* isu ini supaya ia nya PBT ada satu...

**TUAN SPEAKER:** Ini saya rasa ini isu pembangunan la Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Perancangan, perancangan.

**TUAN SPEAKER:** *No, no, no, no.* Isu pembangunan tak berkaitan. Baiklah saya jemput Kampung Tunku tolong duduk.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Ok, terima kasih. Nanti saya akan masuk Pembangunan ya. Bangkit semula. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih Puan Pengerusi, saya nak bangkitkan muka surat 108, Kod 505000 Pentadbiran Kewangan khususnya Majlis Perbandaran Ampang Jaya. Baru-baru ini penduduk di kawasan Ampang Jaya mendapat khidmat yang cukup istimewa memandangkan Menteri Besarnya yang datang dari kawasan yang sama dan itu belum lagi di MPS saya yakin juga MPS akan memberi khidmat yang cemerlang dan kita harap dengan penglibatan kerajaan dalam merangka perancangan bagi MPAJ melaksanakan penggunaan wang MARRIS berkenaan ya perancangannya. Jadi saya mendukung tinggi usaha Dato' Menteri Besar untuk menggunakan sepenuhnya ataupun seluruhnya MARRIS dan baru-baru ini saya telah menulis surat mencadangkan bagi pihak kawan-kawan peruntukan setiap DUN RM10,000,000.000 ke RM12,000,000.00 dan saya dapati surat itu pun dah bocor dan diuarkan di dalam dan sebagainya dalam nada yang negatif ya. Tapi cadangan kita kalau RM10,000,000.00 satu DUN. 56 DUN kita ada RM600,000,000.00 baru untuk RM560,000,000.00 Dato' Menteri Besar tak ada masalah *no sweat* dengan izin. Jadi saya mencadangkan kajian awal dilaksanakan dalam rangka menurap jalan, memperbaiki longkang, *road furniture* dengan izin dengan skop yang telah dinyatakan baru-baru ini oleh Dato' Menteri Besar semalam. Sedikit perancangan itu diperlukan dengan

rangka satu penggunaan keseluruhan wang MARRIS RM600,000,000.00 yang kita mulakan dengan RM10,000,000.00 sebagai *planning based*. Jadi adakah ini merupakan satu perkara yang munasabah, terima kasih. Puan Pengerusi.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Terima kasih kepada Hulu Kelang kerana Kerajaan Negeri bersedia untuk mengkaji cadangan daripada Hulu Kelang supaya satu perancangan lebih lengkap dan juga lebih awal untuk memastikan peruntukan MARRIS itu diguna dengan cara yang baik dan juga tersusun.

**TUAN SPEAKER :** Jadual B. 5 - iaitu wang sejumlah **RM120.00 (Ringgit Malaysia Satu Ratus Dua Puluh)** untuk kepada B.5 Caruman kepada Kumpulan Wang Berkanun, menjadi sebahagian daripada jadual.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**. **Dipersetujui.**

**SETIAUSAHA DEWAN :** Jadual B. 6 – Caruman Kepada Kumpulan Wang Pembangunan Negeri, **RM1,133,970,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Bilion Satu Ratus Tiga Puluh Tiga Juta Sembilan Ratus Tujuh Puluh Ribu),**

**TUAN SPEAKER :** Jadual B. 6 – iaitu wang sejumlah **RM1,133,970,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Bilion Satu Ratus Tiga Puluh Tiga Juta Sembilan Ratus Tujuh Puluh Ribu)** untuk Kepada B. 6 Caruman Kepada Kumpulan Wang Pembangunan Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**. **Dipersetujui.**

**SETIAUSAHA DEWAN :** Jadual B. 7 – Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor, **RM1,485,405.83 (Ringgit Malaysia Satu Juta Empat Ratus Lapan Puluh Lima Ribu Empat Ratus Lima dan Sen Lapan Puluh Tiga).**

**TUAN SPEAKER :** Jadual B. 7 – iaitu wang sejumlah **RM1,485,405.83 (Ringgit Malaysia Satu Juta Empat Ratus Lapan Puluh Lima Ribu Empat Ratus Lima dan Sen Lapan Puluh Tiga)** untuk Kepala B.7 Caruman Kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor menjadi sebahagian daripada jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**. **Dipersetujui.**

**SETIAUSAHA DEWAN :** Jadual B. 8 – Jabatan Pertanian, **RM20,690,078.32 (Ringgit Malaysia Dua Puluh Juta Enam Ratus Sembilan Puluh Ribu Tujuh Puluh Lapan dan Sen Tiga Puluh Dua).**

**TUAN SPEAKER :** Jadual B. 8 – iaitu wang sejumlah **RM20,690,078.32 (Ringgit Malaysia Dua Puluh Juta Enam Ratus Sembilan Puluh Ribu Tujuh Puluh Lapan dan Sen Tiga Puluh Dua)** untuk Kepala B.8 Jabatan Pertanian Selangor menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**. **Dipersetujui.**

**SETIAUSAHA DEWAN :** Jadual B. 9 – Pejabat Tanah dan Galian, **RM22,828,949.24 (Ringgit Malaysia Dua Puluh Dua Juta Lapan Ratus Dua Puluh Lapan Ribu Sembilan Ratus Empat Puluh Sembilan dan Sen Dua Puluh Empat).**

**TUAN SPEAKER :** Jadual B. 9 – iaitu wang sejumlah **RM22,828,949.24 (Ringgit Malaysia Dua Puluh Dua Juta Lapan Ratus Dua Puluh Lapan Ribu Sembilan Ratus Empat Puluh Sembilan dan Sen Dua Puluh Empat)** untuk kepala B.9 Pejabat Tanah dan Galian menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**. **Dipersetujui.**

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Kampung Tunku.

**TUAN SPEAKER:** Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Terima kasih Puan Pengerusi, muka surat 147, perkara 505000. Saya ingin bertanya memandangkan kita memperuntukkan satu jumlah wang yang sangat besar. Apakah KPI yang diberi kepada PTG berkenaan dengan isu-isu tanah. Satu masalah tanah yang saya menghadapi di DUN Bukit Gasing ialah pembatalan warta di Bukit Gasing untuk diwartakan semula untuk Kuil Sivan walaupun Mesyuarat EXCO-MTES pada bulan Mei tahun ini telah memutuskan supaya pendengaran awam diadakan untuk tujuan pembatalan warta asal, tetapi hingga sekarang bulan November pendengaran awam itu masih lagi tidak dilakukan. Selain daripada Kuil Sivan, isu lagi ialah daripada pemilik tanah industri yang menukar syarat tanah kepada

komersial mereka pun merungut mengambil masa setahun untuk selesai ubah syarat tanah. Ini bukan pemberian tanah baru tetapi setakat mengubah syarat tanah dan mengutip premium daripada mereka. Mereka nak bayar premium, tetapi mengambil masa sehingga setahun. Jadi pembangunan projek-projek mereka ini tergendala setahun sambil menunggu penukaran syarat berkenaan.

**TUAN SPEAKER:** Pihak kerajaan.

**Y.A.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Terima kasih YB Bukit Gasing, Pertama mengenai KPI yang harus dikenakan kepada Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor untuk memastikan urusan yang berkaitan dengan tanah-tanah ini dapat memenuhi beberapa kriteria bagi menjamin urus tadbir yang baik dan lebih efisien. Kita mengambil maklum seperti yang saya nyatakan dalam sesi soal jawab pada pagi tadi, terdapat hampir 80 jenis urusan tanah dalam amalan kita sekarang ini. Pada ketika ini, kita telah memulakan satu polisi *first in first out* yang saya kupaskan pagi tadi dan telah memperlihatkan satu prestasi pencapaian yang cukup baik kalau dibandingkan dalam dua tiga tahun yang lalu. Walau bagaimanapun untuk urusan yang lain, seperti ubah syarat tanah, dan urusan-urusan yang lain, Pejabat PTG memang memantau cara berkala dengan semua sembilan pejabat daerah, untuk memastikan sekurang-kurangnya ada mekanisme dan kaedah yang perlu dipatuhi untuk memastikan kepuasan dan penerimaan oleh pihak pelanggan itu dapat kita capai. Berhubung secara khusus tentang isu kuil di Bukit Gasing, pendengaran awam belum dibuat, ya.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHAKARAN:** Yang ini berkenaan pembatalan warta asal. Pembatalan warta ini, mesyuarat MTES bulan Mei dah setuju untuk melakukan pendengaran awam.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** So, belum buat.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHAKARAN:** Belum lagi dilakukan. Pemberian itu memang ada perbincangan yang perlu dibuat tapi pembatalan warta yang asal sudah dipersetujui di MTES tetapi masih lagi belum dibuat.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Ini juga ada kaitan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sekinchan pagi tadi, di mana keputusan MTES itu tidak dipatuhi dan dilaksanakan oleh Jabatan dan Agensi yang berkenaan. Walau bagaimanapun saya akan siasat mengapa pendengaran awam tidak dilakukan lagi. Tetapi pada yang sama, Yang Berhormat Bukit Gasing sendiri telah mengambil inisiatif untuk membawa Jawatankuasa Kuil

yang berkenaan bertemu dengan saya dan susulan daripada pertemuan dan perbincangan tersebut, saya telah pun sampaikan terus kepada Pengarah PTG Selangor, untuk melihat semula beberapa rayuan yang telah dibangkitkan oleh Jawatankuasa Kuil yang berkenaan dan kita akan percepatkan proses ini. Tetapi khusus tentang pendengaran awam, saya akan semak dan pastikan perkara dan keputusan yang dibuat oleh MTES perlu dilaksanakan segera. Terima kasih, Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHAKARAN:** Saya ucapkan terima kasih kepada Dato' Menteri Besar.

**TUAN Pengerusi:** Pandamaran.

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya juga ingin merujuk kepada muka surat yang sama iaitu muka surat 147, Butiran 505000, berkenaan dengan Pentadbiran dan Kewangan. Ada dua isu yang saya ingin sebut di sini berkenaan dengan prestasi dan keberkesanan kakitangan di kalangan Pejabat Tanah. Yang pertama, berkenaan dengan pendaftaran pindah milik, berkenaan dengan *Strata Title*. Dia ambil lebih kurang 6 bulan untuk dapat mendaftarkan pemilik yang baru. 6 bulan itu adalah minimum, minimum, betul. Yang adanya dalam pengalaman saya, 9 bulan pun belum dapat. Dan berkenaan dengan *title* individu, pada asalnya dia, Pejabat Tanah berjanji dapat mendaftarkan dalam 24 jam. Tetapi sekarang pun, dia akan letakkan satu cap, katakan balik dalam masa 7 hari, tapi dia akan siapkan tidak kurang daripada dua minggu. Dia menjadi semakin lambat. Jadi apa masalahnya. Adakah ini masalah kakitangan ataupun masalah sistem yang sedia ada. Kalau ini berkenaan dengan sistem, sama ada sistem ini akan di naik taraf. Ini yang pertama. Yang kedua, berkenaan kualiti, kakitangan di Pejabat Tanah, kerana saya sentiasa menerima aduan melalui forum *Bar Council*. Berkenaan dengan setiap satu Pejabat Tanah, dia mengenakan syarat-syarat yang tidak sama apabila menerima *presentasi*. Contohnya, kalau ada *presentasi* terlibat syarikat, sekarangnyanya dia minta, catatkan SSM dibekalkan. Tetapi kalau hanya *printed copy* diberikan, dikatakan itu perlu disahkan oleh *Company Secretary*, dengan izin. Tetapi, sahkan, maksud yang mengesahkan salinan diakui sah, iaitu adalah maksudnya untuk berbanding dengan original. Maka pegawai yang berkenaan boleh meletakkan pengendosannya untuk memastikan salinan tersebut adalah salinan benar. Tetapi kalau, macam carian syarikat sekarang semua di buat atas talian. Dia, cetakan tersebut adalah sah. Jadi kalau minta *Company Secretary* untuk mengesahkan. Saya rasa itu akademik, itu pun tidak betul dari segi undang-undang. Lagipun ada Pejabat Tanah, dia minta, okey tak pe, kalau you

tak boleh dapatkan CDC *copy*, *you* dapatkan *copy* yang dicetakkan berwarna. Jadi diharapkan terima itu sebagai, saya rasa. Saya rasa itu semua berkaitan dengan kualiti staf yang ada. Dan setiap satu pejabat tanah, nampaknya dia mengenakan terma-terma, syarat-syarat yang tidak sama. Macam satu pejabat tanah, satu *kingdom*. Jadi saya mohon dalam perbelanjaan ini, adakah ini diambil kira ataupun sekiranya apa-apa *software* ataupun sistem yang perlu dinaiktaraf. Adakah ini diambil kira untuk memperbaiki dua masalah ini. Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Yang Berhormat Pandamaran. Isu yang pertama yang dibangkitkan ialah berhubung proses pendaftaran pindah milik *strata title* ini mengambil satu tempoh yang panjang, minimum 6 bulan, seperti yang didakwa oleh Pandamaran. Saya mengambil maklum, walau bagaimanapun untuk maklumat Yang Berhormat Pandamaran, saya telah mengadakan perbincangan dengan Pengarah PTG Negeri dan beliau telah menyatakan bahawa satu sistem pendaftaran pindah milik untuk *strata title* ini, telah pun dibina, dan kita menjangkakan sistem ini akan dilancarkan pada awal tahun 2015. Dan saya percaya dengan sistem yang dibina ini dapat memendekkan tempoh pemindahan pendaftaran pindah milik tersebut. Yang keduanya, berhubung tidak ada persamaan di antara satu pejabat daerah dengan pejabat daerah yang lain. Saya dapati memang telah ada satu *check list*, senarai semakan yang perlu dipatuhi oleh semua pihak khususnya peguam-peguam yang mengendalikan kes-kes pindah milik ini dan juga *runners*, dan PTG telah pun mengarahkan semua pejabat tanah untuk mendaftarkan mereka supaya garis panduan yang diperkenalkan ini dapat disampaikan kepada mereka. Dan bila mereka bawa permohonan ini ke pejabat daerah, mereka telah pun memenuhi semua kriteria yang berkenaan. Dan kalau ini berlaku, ia tidak perlu mengambil masa yang lama. Tetapi kalau Yang Berhormat Pandamaran menyatakan ada beberapa perkara yang menimbulkan masalah, tidak konsisten di antara satu pejabat daerah dengan pejabat daerah yang lain, termasuk keperluan untuk mengesahkan carian tersebut, perkara ini akan saya bangkitkan dengan Pengarah PTG. Terima kasih.

**TUAN Pengerusi:** Taman Medan dulu.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Terima kasih Pengerusi. Penduduk PJ menyambut baik apabila kerajaan mengumumkan fi lanjutan pajakan untuk kediaman pada kadar RM1,000.00. Namun demikian masih ada lot-lot kediaman yang tidak dapat membuat lanjutan pajakan mereka kerana mereka telah menggunakan lot kediaman ini untuk kuil, kegunaan sebagai kuil

dan juga, ataupun tokong, dan juga sebagai pusat perniagaan. Saya mohon pada pihak kerajaan untuk mendatang, ataupun membuatkan satu formula bagi melakukan satu pemutihan bagi lot-lot kediaman yang telah di tukarkan untuk menjadi selain dari kediaman, bagi membolehkan mereka melanjutkan pajakan tanah tersebut. Kerana apa yang berlaku, perniagaan yang terdapat di kawasan PJ Old Town khususnya, tidaklah begitu rancak namun sebab perniagaan tersebut telah berjalan dari generasi kepada generasi. Jadi jika mereka terpaksa membayar fi pajakan yang pada kadar perniagaan, itu agak di luar kemampuan pihak berkaitan. Jadi saya mohon pihak kerajaan merangka satu formula bagi memastikan pemutihan sama sekali bagi kes-kes seperti ini.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Yang Berhormat Taman Medan, sebelum kerajaan negeri boleh memberikan pertimbangan terhadap perkara yang dibangkitkan, kita juga harus melihat semula sama ada tindakan pemilik berkenaan menukar syarat guna tanah ataupun syarat bangunan itu, telah pun mendapat kelulusan daripada pihak berkuasa. Sekiranya mereka menukar syarat guna tanah ataupun syarat bangunan dengan sewenang-wenangnya, adalah sukar untuk kerajaan negeri memberikan pelepasan dan pertimbangan di atas permohonan tersebut. Kerana ini akan memberikan satu *president* yang tidak sihat terhadap pembangunan di sesuatu kawasan. Dan ada kemungkinan ia juga akan melibatkan *zoning* yang telah ditetapkan dan diwartakan bagi satu-satu kawasan. Jadi kita kena pastikan mereka-mereka yang tidak mematuhi syarat guna tanah dan bangunan itu perlu mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan sebelum kita boleh memberi pertimbangan bagi rayuan lanjutan pajakan tersebut.

**TUAN Pengerusi:** Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih, Puan Pengerusi. Saya merujuk kepada muka surat 148 kod 505000, berkenaan dengan Pejabat Tanah Galian ini. Berhubung dengan, saya ingin mengucapkan tahniahlah kepada PTG kerana antaranya telah berjaya mendapat kutipan hasil yang tinggi untuk negeri Selangor dan juga *Task Force* yang ditubuhkan untuk menyelesaikan masalah-masalah tanah di seluruh negeri Selangor telah mencapai, mendapat pujian daripada berbagai-bagai pihak kerana begitu berkesan. Dan pada masa yang sama saya ingin timbulkan, dua perkara yang penting, saya rasa antara isu yang saya nak timbulkan ialah tentang tempoh tukar syarat tanah itu. Daripada syarat tanah pertanian kepada tanah perindustrian dan perumahan dan sebagainya. Dan saya dimaklumkan makan tahun masanya. Ramai pemaju, ramai pemilik tanah mereka memohon supaya dipercepatkan, agar birokrasi, waktu itu, *time*



*frame* itu, dapat dipendekkan, supaya dapat mereka bayar premium untuk perindustrian dan sebagainya. Kalau lebih cepat, boleh diluluskan, kerajaan lebih cepat dapat premium. Hasil kita lebih cepat dapat. Ha, ini satu perkara saya nyatakan. Yang keduanya, saya ingin timbulkan tentang PTG ini banyak menghadapi masalah berkaitan dengan jabatan yang berkaitan iaitu pelan-pelan warta, banyak pelan-pelan warta yang kita tunggu khususnya, saya bagi tiga contoh di Sekinchan, pelan warta daripada isu Lorong 6 hingga Lorong 12, pewartaan, mengeluarkan warta, membatalkan warta tanah rizab di situ ditukar dengan tanah lain, sudah diluluskan. Tapi sampai sekarang, pelan warta pun tak boleh keluar, makan tahun. Rakyat tanya, mana, bila kita boleh mohon tanah, tak boleh mohon. Pelan warta, katanya UPEN tak ada bagi. Tiap-tiap hari masalahnya UPEN. Ya, itu satu. Yang kedua, daripada permohonan rumah ibadat selain Islam, tanah-tanah diwartakan. Tokong-tokong tertentu, dua contoh, Tokong Shen Fa Sheih, dan juga Kuil Mathuraidevan di Bagan, Sekinchan. Dah lulus, EXCO dah lulus, RIBI dah lulus dah, pelan warta sampai sekarang, makan tahun tak dapat. Penganut tanya saya, saya tak boleh jawab. Ini antara kelemahan kita di sini. Daripada UPEN, UPEN mungkin, ini antara masalah yang saya minta penjelasan daripada pihak kerajaan supaya perkara ini dapat diambil berat.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Dua perkara Yang Berhormat Sekinchan, tentang birokrasi yang menyebabkan tempoh tukar syarat itu terlalu lama dan terlalu panjang. Pada dasarnya memang saya bersetuju supaya perkara ini tidak boleh terus berlaku dan kita mahu meningkatkan kecekapan di semua pejabat daerah di negeri Selangor dan saya akan lihat semula garis panduan yang diguna pakai, supaya kita dapat kemaskinikan. Yang kedua, secara khusus tentang pelan-pelan warta yang tidak diperolehi dan juga masalah kegagalan untuk mewartakan tanah-tanah tapak rumah-rumah ibadah bukan Islam ini, ini perkara khusus yang perlu saya semak dan akan beri jawapan secara bertulis.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Satu saja, Pengerusi.

**TUAN PENERUSI:** Ya, permatang.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya nak sentuh daripada muka surat 147, dalam kod 505000 mengenai pentadbiran. Satu isu saja, iaitu mengenai penguatkuasaan. Saya nak minta kalau boleh, kerajaan berikan sedikit jawapan mengenai isu perlombongan pasir. Mengenai KSSB, ataupun mana-mana juga. Dalam kes di kawasan saya ini, di Kuala Selangor ini, kita nak minta kalau boleh penguatkuasaan, ada dua isu. Pertama, mengenai royalti. Siapa

yang akan *check and balance* di antara sumber daripada KSSB, dari segi pengeluaran pasir dan royalti. Mesti ada satu kaedah, *check and balance* daripada pejabat daerah atau pejabat tanah, boleh mengesahkan, saya tak ada rasa curigalah mengenai apa yang, royalti yang dibayar oleh KSSB. Tetapi *check and balance* daripada pejabat tanah kena ada. Di semua kawasan lah dalam negeri Selangor, supaya apa yang diberi, royalti yang dibayar itu, sebenar-sebenarnya sama dengan jumlah yang dikeluarkan oleh pengusaha-pengusaha pasir. Termasuk daripada anak syarikat kerajaan. Yang kedua, mengenai penguatkuasaan, sebab saya menerima banyak sekali, komplek daripada penduduk awam, penduduk-penduduk tempatan mengenai lalu lintas yang menyebabkan lori dan banyak juga berlaku kemalangan. Sebab, walaupun ini melibatkan JPJ dan sebagainya, tapi penguatkuasa daripada pihak pejabat daerah, pejabat tanah ini kena selalu ditempatkan. Saya tak nampak sangat penguatkuasaan ini dibuat dan rungutan daripada orang ramai ini menyebabkan lalu lintas ini selalu terhalang dengan industri. Terutama hari ini kita sedang dalam proses, terutama di kawasan HORAS 600. Kadang-kadang hari Sabtu pun keluar, hari minggu pun, waktu pun ada keluar. Jadi saya tak nampak kalau hari minggu ini, penguatkuasa akan berkhidmat. Minta maaf, saya tak ada buat tuduhan, tapi ini rungutan daripada orang ramai. Saya nak minta kalau boleh penguatkuasaan ini benar-benar berfungsi, berperanan supaya rungutan-rungutan dan juga penyelesaian orang ramai tidak terganggu. Jadi saya minta dua isu tadilah.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Yang Berhormat Permatang. Saya menghargai keprihatinan Yang Berhormat tentang langkah-langkah penguatkuasaan yang ada di Pejabat Daerah Dan Tanah di seluruh negeri Selangor. Masalah yang kita hadapi sebelum ini ialah *strength* ataupun keanggotaan penguatkuasaan di Pejabat Daerah itu memang pada tahap yang minima. Walau bagaimanapun, kerajaan negeri pada dasarnya telah bersetuju untuk melantik 200 anggota penguatkuasaan, yang baru untuk ditempatkan di Pejabat-pejabat Daerah dan Tanah di seluruh negeri Selangor. Dan perkara ini sedang dalam proses untuk proses pelantikan dan latihan yang perlu diberikan pada mereka, supaya mereka dapat memberikan khidmat yang baik di kawasan-kawasan yang akan kita tentukan nanti. Yang kedua, tentang mekanisme untuk menyemak, khususnya dari segi pembayaran royalti oleh KSSB kepada kerajaan negeri dan juga dividen kepada MBI. Kita ada satu garis panduan yang cukup jelas untuk memastikan tidak ada perkara-perkara yang boleh menimbulkan kecurigaan ataupun salah guna kuasa dan saya boleh serahkan kepada Yang Berhormat secara bertulis tentang garis panduan yang telah ditetapkan oleh kerajaan negeri. Terima kasih.

**TUAN Pengerusi:** Jadual B. 9 – iaitu wang sejumlah **RM22,828,949.24 (Ringgit Malaysia Dua Puluh Dua Juta Lapan Ratus Dua Puluh Lapan Ribu Sembilan Ratus Empat Puluh Sembilan dan Sen Dua Puluh Empat )** untuk Kepala B.9 Pejabat Tanah dan Galian menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila ka **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata **TIDAK. Dipersetujui**.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B.10 – Jabatan Perhutanan, **RM20,845,858.88 ( Ringgit Malaysia Dua Puluh Juta Lapan Ratus Empat Puluh Lima Ribu Lapan Ratus Lima Puluh Lapan dan Sen Lapan Puluh Lapan )**.

**TUAN Pengerusi:** Bukit Gasing.

**Y.B. Tuan Rajiv A/L Rishakaran:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin tanya merujuk muka surat 175, Perkara 5050, *sorry*, muka surat 208, eh *sorry*, 153, dengan izin. Saya ingin bertanya KL Outer Ring Road. Ada keputusan ataupun, apakah status pendengaran awam yang dilakukan untuk di gazet hutan simpan sebanyak 106 hektar yang dicadangkan untuk pembinaan lebuh raya ini. Ada tak sebarang keputusan sudah dibuat.

**Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping:** Terima kasih Bukit Gasing. Pendengaran awam telah diadakan pada bulan Jun 2014 dan selepas itu, MTES, pada bulan Ogos telah membuat keputusan untuk merujuk perkara ini kepada Pengarah Jabatan Perancang Bandar dan Desa untuk memberi rumusan dan juga cadangan kepada pihak MTES. Dan MTES pada bulan November, telah mengambil maklum tentang EKVE dan juga syor-syor yang diberi oleh Jabatan-jabatan tersebut. Cuma pada masa ini kita masih ada beberapa syarat yang belum dipenuhi oleh pihak konsesi. Jadi setakat ini keputusan untuk keluar gazet, belum ataupun tidak diambil oleh kerajaan negeri Selangor.

**Y.B. Tuan Rajiv A/L Rishakaran:** Mohon tanya, ada tak kepastian berkenaan kawasan tadahan air, *water catchman area*, akan terjejas seperti yang didakwa oleh banyak pihak di media.

**Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping:** Untuk projek EKVE, apa yang kita tau ataupun dimaklumkan oleh agensi berkenaan iaitu Lembaga Urus Air Selangor, adalah kawasan *in take point*. Kawasan yang di mana *abstraksi* air, di Hutan Simpan Ampang, tidak terjejas kerana *the root*, dengan izin, jalan ataupun

jajaran EKVE itu dibawah, di bahagian hilir, Hutan Simpan Ampang dan di bahagian hilir sungai yang berkenaan. Pada masa yang sama, saya belum habis. Pada masa yang sama, kalau kita merujuk kepada kawasan tadahan ataupun hutan tadahan air Gombak yang lebih besar dan diletakkan di utara daripada jajaran fasa 1 ini. Perkara ini, tidak ada keputusan kerana pihak konsesi tidak ataupun belum mengemukakan fasa kedua kepada kerajaan negeri Selangor.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Pengerusi.

**TUAN PENERUSI:** Permatang.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ada satu saja mengenai dalam muka surat 153 ini, dalam kod 505000, saya nak bertanya mengenai, saya ada maklumat yang hampir tepat dan sebenarnya pun dah diberi taklimat mengenai lebuhraya WCE. Dalam lebuhraya Pantai Barat, yang daripada Banting ke Taiping dan sebenarnya sudah bermula, daripada Banting dah bermula, Taiping dah bermula. Dan akan memalui jajaran melibatkan di kawasan di negeri Selangor. Jadi saya nak tanya, apakah sikap ataupun pandangan Yang Berhormat, daripada pihak kerajaan, jajaran yang baru ini akan melibatkan kawasan hutan simpan, di kawasan hutan simpan. Dan juga kawasan-kawasan estet, saya rasa mungkin tak ada isu. Tapi bila melibatkan hutan simpan di kawasan hutan simpan Tanjung Karang, dan juga Hutan Simpan di kawasan Sabak Bernam dan Sungai Besar. Jadi, apakah kerajaan negeri akan bersedia untuk memberikan sokongan ataupun dalam bentuk kelulusan awal dan sebagainya, kerana lebuhraya ini akan melalui jalan-jalan ataupun hutan di kawasan Hutan Simpan yang melibatkan kerajaan negeri Selangor. Dan juga kawasan paya, paya bakau. Bersebelahan dengan kawasan Sekinchan, Sekinchan tak ni, kalau tidak, dia boleh sokong saya. So, berhampiran kawasan-kawasan hutan. Jadi, apakah kerajaan negeri bersedia untuk memberikan. Sebab, lebuhraya ini dah bermula daripada kedua-dua Banting dan juga ni. Sebab kalau tak ada sokongan ini, tak ada kelulusan ini, saya ingat *highway* ini akan terhenti tengah jalan lah. Tak boleh disambungkan melalui kawasan hutan, termasuk hutan simpan. Saya nak minta kalau ada penjelasan.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Terima kasih Permatang. Saya, tadi semak dengan beberapa rakan-rakan EXCO kita, dan dimaklum bahawa sebenarnya jajaran ataupun Projek *West Coast Highway*, Lebuhraya Barat, Pantai Barat, belum dikemukakan kepada kerajaan negeri, setahu kitalah. Dan

bila perbincangan tentang jajaran itu dikemukakan kepada kerajaan negeri, baru kita boleh memberi jawapan yang lebih mantap. Tapi sebaik boleh jajaran tersebut janganlah melintasi ataupun memotong kawasan hutan simpan kekal, khususnya di Sungai Karang, Raja Musa dan sebagainya kerana kawasan tersebut memang amat unik dan boleh dikatakan antara yang paling unik di Semenanjung Malaysia. Kalau perlu melintasi hutan simpan, perlu buat *elevated highway* dengan izin.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Ni, maklumatlah, Puan Pengerusi. Saya dimaklumkan pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia telah mengemukakan permohonan ini. Saya tak pastilah. Kita sama-sama semaklah, tapi dimaklumkan LLM, sebab itu yang pembinaan sudah bermula di Banting ini. Kalau boleh nanti, mungkin dalam sesi yang lain boleh beri, dapat penjelasan. Terima kasih.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Tapi maklumat yang saya terima adalah lebuhraya tersebut masih di peringkat semakan oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia.

**TUAN Pengerusi:** Jadual B.10 – iaitu wang sejumlah **RM20,845,858.88 ( Ringgit Malaysia Dua Puluh Juta Lapan Ratus Empat Puluh Lima Ribu Lapan Ratus Lima Puluh Lapan dan Sen Lapan Puluh Lapan )** untuk Kepala B.10 Jabatan Perhutanan menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila ka **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata **TIDAK**. **Dipersetujui.**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B.11 – Pejabat Mufti, **RM3,342,591.85 (Ringgit Malaysia Tiga Juta Tiga Ratus Empat Puluh Dua Ribu Lima Ratus Sembilan Puluh Satu dan Sen Lapan Puluh Lima).**

**TUAN Pengerusi:** Jadual B.11 – iaitu wang sejumlah **RM3,342,591.85 (Ringgit Malaysia Tiga Juta Tiga Ratus Empat Puluh Dua Ribu Lima Ratus Sembilan Puluh Satu dan Sen Lapan Puluh Lima)** untuk Kepala B.11 Pejabat Mufti menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata **TIDAK**. **Dipersetujui.**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B.12 – Jabatan Kerja Raya, **RM115,525,321.70 (Ringgit Malaysia Satu Ratus Lima Belas Juta Lima Ratus Dua Puluh Lima Ribu Tiga Ratus Dua Puluh Satu dan Sen Tujuh Puluh).**

**TUAN Pengerusi:** Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Tuan Pengerusi, saya merujuk pada muka surat 175, B 12, 505000. Saya bertanya pada kerajaan, kerajaan-kerajaan memastikan keupayaan JKR dalam melaksanakan program pembangunan negeri Selangor ini, saya dapati bahawa kemampuan untuk JKR melaksanakan program-program ini sangat rendah, bahkan pernah ditegur sejak 2008 lagi. Saya nampak prestasi pembangunan JKR ini, masih sangat rendah.

**Y.B. TUAN ZAIDY DIN ABUDL TALIB:** Terima kasih Kota Anggerik. In shaa Allah bagi tahun ke hadapan ini seperti mana yang telah pun disebut oleh Bukit Antarabangsa, bahawa di peringkat kerajaan negeri akan membuat Jawatankuasa Penilaian Pemantau di peringkat tertinggi untuk memastikan supaya program-program, projek-projek ini dilaksanakan mengikut seperti mana yang *dischedule* kan. Kita berkeyakinan akan mampu mengatasi masalah ini.

**TUAN Pengerusi:** Ya, Sungai Panjang.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHD:** Berapa, tak nampak. 505900, JKR Sabak Bernam. Nak rujuk kepada insiden yang berlaku, yang menyebabkan banjir di sepanjang jalan FR5 itu memang telah ada penyelesaian, bahawa akhirnya telah diberikan kepada JPS. Tapi apa jaminan perkara ini tidak berlaku lagi di masa akan datang, kerana pertembungan ini nampaknya sehingga menunggu banjir, baru penyelesaian itu berjaya diselesaikan.

**Y.B. TUAN ZAIDY DIN ABUDL TALIB:** Terima kasih, kepada Sungai Panjang. Seperti mana yang disebut tadilah, proses-proses maknanya kena perbanyakkan forum-forum, perbincangan-perbincangan di kalangan agensi-agensi pelaksana ini, supaya tidak timbul permasalahan sebegini tak sepatutnya berlaku, di mana tidak jelas, tidak kejelasan dari sudut siapa sebenarnya yang bertanggungjawab dan sebagainya. Begitu juga akan dibawa dalam skop Jawatankuasa Pemantau di peringkat tertinggi nanti.

**TUAN Pengerusi:** Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHAKARAN:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Merujuk kepada muka surat 175 berkenaan Perkara 505000, sebenarnya saya ada satu perkara saja yang berkaitan dengan DUN Bukit Gasing. Aduan ini dah setahun kami majukan kepada JKR, dan dah *follow up*, banyak kali dengan JKR tetapi tak selesai. Di semua ram *Federal Highway*, Lebuhraya Persekutuan, di Petaling Jaya, di *interchange* PJ Hilton, Amcorp Mall, dan Jalan Universiti, apabila diturap dahulu, tidak diturap dengan rata, terdapat *invest* bonggol, dengan izin, di mana *metal strip* atas jambatan tu, tak di turap tetapi jalan tu diturap lebih tinggi, jadi banyak bonggol atas *ramp* tersebut. Aduan ini telah dibincang dengan JKR banyak kali, tetapi tindakan sanat lambat, lebih daripada setahun sekarang. Jadi kenapa mengambil masa yang sangat lama, dan harap JKR memberi jawapan kepada aduan ini.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Bukit Gasing jadi kita saya rasa Pengarah tersebut pun telah diambil perhatian oleh JKR. Seperti mana yang sedia dimaklumkan bahawa dalam bulan 12 ini fasal yang pertama satu kursus amalan baik penyelenggaraan jalan dan sebagainya akan dijalankan bermula dengan peringkat Jurutera Daerah dan juga semua agensi-agensi Pelaksana termasuk juga semua kontraktor-kontraktor. Jadi hasil daripada kursus ini mereka akan mendapat memperoleh satu sijil yang dengan polisi tersebut kita mengharapkan akan supaya amalan kerja penyelenggaraan baik yang berkaitan dengan jalan ini mampu untuk memastikan pakar-pakar yang sebegini tidak berlaku, terima kasih.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Saya harap bagi aduan ini yang mengganggu beribu-ribu kereta setiap hari Y.B. EXCO boleh menolong penduduk di DUN Bukit Gasing dan penduduk-penduduk yang melalui Bukit Gasing untuk memberi pantauan kepada isu ini.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih Bukit Gasing saya ambil perhatian.

**TUAN SPEAKER:** Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih Puan Pengerusi saya merujuk muka surat 176 Butiran Program Aktiviti 505200 JKR Gombak. Kod Objek Am RM10,000 Emolumen dengan peningkatan dari 4.3 atau 4.7 juta. Isu-isu yang saya nak timbulkan ialah tentang penyelenggaraan berjadual pemantauan perkhidmatan yang diberikan oleh JKR Gombak khususnya yang berkaitan dengan jajaran MRR2 yang melalui kawasan Hulu Kelang dari Kelang

Gates hingga ialah ke Ampang Point. Manalah isu-isu di antara yang telah diadakan sebagai yang telah dapat diselesaikan dengan kadar yang segera, ada yang masih dalam tindakan tapi yang ketara sekali adalah selepas 5, 6 tahun masalah ini masih berterusan iaitu banjir kilat di atas Jalan Lebuhraya MRR2 khususnya di kawasan dan di Ampang. Telah dengar kenal pasti masalah adalah laluan longkang di bawah yang telah di bawah Lebuhraya yang tersumbat dan apabila kita tanya dia tidak ada kepakaran, tidak ada alat dan sebagainya untuk membersihkan sumbatan pasir dan kayu-kayu seperti pokok-pokok yang telah menutup sebahagian besar yang jalan. Jadi saya harap kali ini dapat diambil tindakan segera. Kedua adalah berkenaan dengan kesesakan jalan turun daripada Ukay Perdana satu tempat dan ke Ampang Point satu tempat dan perlu tindakan segera dan saya percaya kalau JKR tidak mampu boleh kita uruskan dengan memohon peruntukan MARRIS yang berkaitan dengan perbaiki sistem trafik, *traffic light* dengan izin. Dan ketiganya adalah tentang pokok-pokok rendah yang mula-mula saya mengadu pada MPAJ tapi dia kata itu adalah tanggungjawab kepada JKR dan apabila merujuk kepada JKR Selangor dia minta merujuk kepada JKR Gombak iaitu pokok-pokok rendah yang menghalang penglihatan pemandu-pemandu yang boleh membahaya di samping hujan pokok-pokok itu akan tumbang dan sejak tahun 2008 tak ada program yang sistematik untuk mencetas atau pun program yang sistematik untuk mencetas atau pun memotong pokok-pokok yang jalan khususnya di masjid, kampung. terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Taman Templer

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Hulu Kelang tadi akan diambil perhatian *Insyah-Allah*.

**TUAN SPEAKER:** Selat Kelang.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI:** Saya merujuk muka surat 176 B.12 Butiran program 505300 JKR Klang. Saya melihatkan angka peruntukan yang diberi oleh JKR Klang tidak banyak berubah kalau kita lihat dengan JKR Daerah lain sedangkan projek besar Projek Megah khususnya di bawah Kerajaan Negeri Selangor itu Jambatan Ketiga Klang dan juga keperluan untuk memastikan jalan-jalan di daerah Klang itu diselenggara, dipantau dengan baik. Jadi saya nak tanya kepada Kerajaan adakah cukup orangnya yang akan memantau bukan sahaja Jambatan Klang itu tetapi seluruh Klang ini dengan peruntukan yang ada ini.



**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB :** Jambatan Ketiga Klang itu di bawah Pembangunan, Pembangunan.

**TUAN SPEAKER:** Taman Templer, Selat Kelang tanya mengenai kakitangan sama ada mencukupi untuk memantau projek khas di Klang?

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Untuk Jambatan Ketiga Klang itu diuruskan secara langsung oleh JKR Negeri termasuk pemantau dan sebagainya.

**TUAN SPEAKER:** Jadual B.12 iaitu wang sejumlah RM115,525,321.70 (Ringgit Malaysia: Satu Ratus Lima Belas Juta Lima Ratus Dua Puluh Lima Ribu Tiga Ratus Dua Puluh Satu dan Sen Tujuh Puluh) untuk Kepala B.12 Jabatan Kerja Raya menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK. Dipersetujui.**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B.13 – Jabatan Pengairan dan Saliran RM88,895,133.05 (Ringgit Malaysia: Lapan Puluh Lapan Juta Lapan Ratus Sembilan Puluh Lima Ribu Satu Ratus Tiga Puluh Tiga dan Sen Lima).

**TUAN SPEAKER:** Lembah Jaya.

**Y.B. TUAN ABDUL KHASIM BIN ABDUL AZIZ:** Terima kasih Puan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada muka surat 207 di bawah 505000. Berhubung dengan banjir yang berlaku pada tahun 2012. Banjir besar yang berlaku pada 2012 melibatkan di kawasan Lembah Jaya Utara dan sedikit di Bukit Antarabangsa Kampung Melayu. Cumanya Kerajaan negeri apabila berlaku banjir tol hanya membina semula jambatan yang runtuh. Membina semula jambatan yang runtuh dan sehingga kini sudah berlalu 2 tahun tidak ada apa-apa tindakan daripada jabatan saliran di Selangor ini berhubung dengan pembaikan balik tebing-tebing sungai. Jadi apabila hujan lebat hingga menyebabkan penduduk di situ menjadi trauma kejadian banjir yang berlaku hari itu. Jadi saya harap mendapat perhatian daripada pihak Kerajaan.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Ok terima kasih berkenaan dengan banjir yang dinyatakan itu akan diambil maklum terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Panjang.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI:** Saya nak merujuk kepada muka surat 228 10090 Program Pengairan Saliran dan Pertanian.

**TUAN SPEAKER:** Y.B. Sungai Panjang yang itu di bawah Pembangunan. Kita masuk B sekarang Bekalan.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI:** Bekalan P. ok tak apa. Saya sambung nanti.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah. Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Terima kasih Puan Pengerusi merujuk muka surat 208. Perkara pertama 505000 saya perhatikan gaji dan upahan peruntukan 2014 RM9 juta anggaran 2015 RM6 juta satu penurunan yang besar. Agaknya kenapa? Dipotong gaji ke semua Pegawai JPS?

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih Bukit Gasing saya akan buat semakan kembali kepada Bukit Gasing, terima kasih.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Satu lagi pertanyaan Perkara 29000 Perkhidmatan Ikhtisas. Saya nak tanya antara perkhidmatan JPS ini sungai tetapi tebing-tebing sungai yang berhampiran dengan kawasan perumahan spesifiknya untuk kes di Bukit Gasing Sungai Penchala melalui kawasan perumahan Seksyen 14 Tebing Sungai ini tidak diselenggara banyak semak samun di tepi sungai yang sangat hampir dengan rumah. Jadi penduduk penghuni rumah di rumah tersebut rasa tidak senang hati dengan semak-semak yang besar di belakang rumah mereka dan juga ada banyak aduan ular. Jadi untuk perkhidmatan JPS ini saya harap untuk tahun 2015 akan termasuk mungkin 2 kali setahun membersihkan semak-semak bukan di seluruh tepi sungai cuma = di kawasan yang berhampiran dengan rumah.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih Bukit Gasing juga akan diambil perhatian.

**TUAN SPEAKER:** Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih Puan Pengerusi, muka surat 207. Butiran Program 505000 Pentadbiran Kewangan Perkhidmatan dan Bekalan peningkatan RM1 juta bagi Khidmat dan Bekalan. ADUNnya saya telah

menerima surat daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri menyatakan 3 masalah yang terbesar di DUN untuk diselesaikan. Salah satunya adalah keadaan Sungai Klang yang semak samun macam Bukit Gasing tadi dan sebenarnya 3 tahun lepas sebelum program ROL dimulakan soalan yang saya kemukakan kepada Pengerusi Majlis pada masa itu mewakili Kementerian. JPS di peringkat pusat adalah tentang penyelenggaraan sungai ketiga-tiga program ROL dilakukan *report live*. Dan pada masa itu 3 tahun yang lepas dinyatakan bahawa pihak ROL baru menjadi kertas kerja untuk mencadangkan pada kerajaan pihak mana yang akan menyelia menyelenggara *maintenance* dengan izin tebing sungai program itu diadakan. Tapi hari ini hampir-hampir program itu projek ROL dari Klang Gates ke Jalan Jelatik hampir siap atau pun hampir 80%, 90% siap tapi keadaan semak samun yang amat malukan. Sedangkan idea ROL untuk mengindahkan di samping program penempatan banjir dan sebagai pembersihan sungai tetapi adalah juga untuk mengindahkan tetapi apa yang berlaku sekarang ini lintang pukang semak samun dan sebagainya. Jadi adakah ini bidang kuasa yang patut diteruskan dan tidak ada penempatan yang khusus pada projek ROL. Tugas ini adalah tugas JPS jadi kita minta penjelasan, terima kasih Puan Pengerusi.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih Y.B. Hulu Kelang, perkara itu juga akan disemak dan akan di kembali kepada Hulu Kelang, terima kasih.

**TUAN PENERUSI:** Taman Templer dalam sidang yang akan datang Taman Templer kena bagi maklum balas ya kepada semua Pegawai yang telah dibangkitkan tadi. Batu Tiga.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Terima kasih Pengerusi, saya ingin menyentuh kepada muka surat 208 505000 Butiran 2800 minta maaf Kod Objek 2800 iaitu berkaitan dengan isu penyelenggaraan kunci pam-pam yang rosak dan juga kunci air. Baru-baru ini berlaku banjir semula di Padang Jawa Petaling yang saya puncunya adalah daripada kunci-kunci air dan pam-pam yang tidak dijaga. Soalan besarnya semasa air pasang dan ia memang kawasan keadaan yang bermusim jika kita tahu dalam bulan 11 dan 12 selalunya air pasang tapi tidak ada pengurus, kakitangan yang menjaga. Jadi kunci-kunci air itu tidak ditutup jadi itu menyebabkan air melimpah. Jadi saya rasa isu sering timbul di dalam Dewan tetapi saya nampak usaha ini tidak ada sedangkan kita lihat peruntukan yang dinyatakan itu agak besar jadi saya ingin mencadangkan supaya atau pun yang bertanya apakah isu sebenarnya, isu manusia atau isu duit tak cukup atau pun *maintenance* tidak dibuat itu yang pertama. Yang

keduanya juga isu penyelenggaraan tebing-tebing sungai yang dibuat daripada ban-ban pasir. Kadang-kadang seperti di Kampung Kebun Bunga, kadang-kadang ban pasir itu telah uzur, bila berlakunya banjir yang air naik dan keadaan yang kuat bila dianya uzur tiba-tiba air ban itu runtuh dan menyebabkan kembali banjir di kampung kebun bunga. Jadi itu juga persoalan yang sama yang saya ingin nyatakan. Dan ketiga tentang kecekapan pengurusan Projek-projek Tebatan Banjir, saya baru-baru ini dimaklumkan oleh Pejabat Daerah Klang, Jambatan Banjir Sungai Rasah baru mencecah 24%. Jadi saya ingin meminta pihak EXCO untuk melihat tentang kecekapan pengurusan isu-isu ini duit dah tak ada tinggal lagi ianya tidak dapat *kick-off* sebab pengurusan yang tidak efisien, terima kasih Pengerusi.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih Batu Tiga. Saya kira dengan reka bentuknya yang kita sebut tadi yang pertama Jawatankuasa Pemantau di peringkat tertinggi untuk kerja-kerja yang telah pun kita tetapkan dan sebagainya mengikut *progress %* pelaksana itu dengan mengikut *schedule* yang telah kita nyatakan. Yang keduanya juga dengan kita akan seperti mana sebut akan melihat kepada kemungkinan untuk akan mengadakan *task force* banjir itu sendiri. Di mana dengan *Task Force* ini kita akan melihat kembali dari sudut inventori kes-kes yang berlaku dan apakah sebab-sebabnya termasuklah juga tentang masalah kunci air perlu diganti atau pun dari sudut penyelenggaraan, pengawasan dan sebagainya juga termasuk ban-ban pasir dan sebagainya. Itu akan dimasukkan nanti dalam kita punya *task force* untuk melihat supaya yang dibangkitkan ini mampu, kita selesaikan dari masa ke semasa, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Permatang.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya nak ambil rujuk kepada muka surat 207 mengenai pentadbiran. Mengenai isu yang kita dah pun dah bawah dalam Mesyuarat Jawatankuasa tetapi kita tak dapat jawapan mengenai pembelian pam oleh pihak JPS. Struktur isu nak mengepam air daripada lombong Sungai. Ini peruntukan RM10 juta sudah diumumkan dalam bajet yang lepas, ini RM10 juta termasuk kita dimaklumkan termasuk RM10 juta ialah pembelian pam dan juga untuk di *cloud seeding*. Tapi dalam kes pembelian pam ini sehingga *proceed* pengepaman air dari lombong ke Sungai selesai sebab bukan kebetulan hujan. Jadi kelewatan ini kita dimaklumkan dalam pembelian pam ini daripada Sweden, jadi saya nak minta kalau boleh Dewan ini dimaklumkan apa sebenarnya yang berlaku terhadap proses pembelian pam dalam kes untuk mengepam air daripada lombong-lombong di kawasan-kawasan Bestari Jaya untuk ke Sungai Selangor. Ini satu perkara yang masih belum

mendapat jawapan lagi daripada pihak Dewan. Kalau boleh jelaskan sepanjang Dewan ini atau pun hari ini atau bila-bila masa yang ada, terima kasih.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB :** Terima kasih, Permatang bertanya berkenaan dengan status pembelian pam yang nanti di peringkat saya akan kembali ke Permatang itu buat semakan terlebih dahulu.

**TUAN SPEAKER:** Telefon siapa itu tolong *off* telefon.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI:** Rujuk muka surat 208 berkaitan dengan Perkara 28000 kaitan dengan SOP Penyelenggaraan Parit-parit ini. Mendapat aduan kebelakangan ini Penyelenggaraan Parit ini banyak menggunakan racun makna dengan meracun rumput-rumput tersebut dan saya difahamkan dengan polisi ini dulu memang tidak dibenarkan. Apabila rumput-rumput itu diracun makna *habitat-habitat* ikan yang sedia ada pun turut sama mati. Jadi mohon mungkin penjelasan sama ada ini polisi yang betul atau pun tidak daripada segi SOP kerja, terima kasih.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih prihatin daripada Sungai Panjang memang penting, saya juga akan membuat semakan terhadap polisi yang disebutkan.

**TUAN SPEAKER:** Jadual B.13 - iaitu wang sejumlah RM88,895,133.05 (Ringgit Malaysia Lapan Puluh Lapan Juta Lapan Ratus Sembilan Puluh Lima Ribu Satu Ratus Tiga Puluh Tiga dan Sen Lima) untuk Kepala B.13 Jabatan Pengairan dan Saliran, menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK. Dipersetujui.**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B.14 – Jabatan Agama Islam Selangor, RM236,640,301.29 (Ringgit Malaysia Dua Ratus Tiga Puluh Enam Juta Enam Ratus Empat Puluh Ribu Tiga Ratus Satu dan Sen Dua Puluh Sembilan).

**TUAN SPEAKER:** Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. SAPARI BIN YAAKOB:** Terima kasih MC. JAIS ini antara *department* yang peruntukan agak besar iaitu RM236,640,301.29 untuk Mengurus dan RM95,500 untuk Pembangunan. Dan saya dapati untuk Pembangunan JAIS tidak mempunyai Jurutera sendiri dan JAIS bergantung

kepada Jurutera JKR. Prestasi permohonan JAIS agak rendah, saya difahamkan bawah 40%, kalau ambil *exam* 40% ini *fail*. Itu saya cadangkan supaya JAIS mempunyai Jabatan Kejuruteraan sendiri, saya rasa SS setuju dengan saya agar SS ini bekas mantan Pengarah JAIS supaya JAIS untuk menguruskan projek pembangunan dan JAIS punya aset yang banyak. Keduanya dengan peruntukan yang begitu besar saya difahamkan JAIS tidak punya akaun sendiri kalau boleh kena ada profesional Akauntan yang menguruskan akaun JAIS, Pengerusi itu sahaja.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Terima kasih Kota Anggerik. Perkara ini memang telah kita maklumi kerana sebahagian daripada peruntukan Pembangunan yang begitu besar kita tidak dapat menggunakan peruntukan itu untuk digunakan pada tahun semasa. Seperti mana yang saya maklum semalam antara beberapa kelewatan termasuklah urusan tapak tanah contohi bagi pembinaan Masjid. Begitu juga antaranya adalah proses membuat tender kerana JAIS *decide* sendiri kita tidak mempunyai Jurutera, kita tidak mempunyai Juru Ukur Bahan yang mana saya kira ini memang sudah kita maklumi dan kita akan cuba mengambil tindakan. Seperti mana yang telah berlaku kalau kita ambil contoh di Jabatan Pengairan dan Saliran di Selangor mereka juga memerlukan proses-proses pembangunan ini daripada persiapan BQ dan sebagainya melalui Jabatan Kerja Raya dan masalah itu dapat diselesaikan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran serba sedikit dengan pelantikan pegawai secara kontrak untuk membantu proses ini dengan lebih baik lagi. Saya akan lihat beberapa peningkatan yang mungkin kita boleh gunakan kerana seperti mana yang Kota Anggerik itu maklumi bahawa banyak sebenarnya aset kita di peringkat Negeri pun dalam urusan baik pulih penyelenggaraan, bangunan-bangunan, Sekolah-sekolah Agama dan sebagainya yang saya kira kadangkala berlaku penambahbaikan atau Pembesaran tidak mengikut spesifikasi yang hari ini tidak mempunyai impak yang tidak baik dari Jabatan Agama Islam Selangor. *Insyah-Allah* kita akan melihat perkara ini dan kita akan mengambil tindakan yang sewajarnya demi memperbaiki lagi prestasi di Jabatan Agama Islam Selangor, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih Puan Pengerusi, saya telah diminta sebenarnya oleh penduduk-penduduk beragama Islam di kawasan saya untuk membawa isu berkaitan dengan Lembaga Zakat Selangor dan keberkesanan JAIS dalam menangani

**TUAN SPEAKER:** Kampung Tunku mungkin saya semakin tuan tapi saya betul-betul tak boleh dengar, boleh cakap kuat sedikit tak?.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Saya rasa saya dengan cuba kuatkan dengan suara saya tapi dengan kebelakangan sistem PA di Dewan ini ada masalah sedikit tapi saya ialah ini isu tentang Lembaga Zakat. Baru-baru ini saya telah dimaklumkan tentang kesukaran penduduk-penduduk Muslim Fakir Miskin Asnaf untuk mendapat bantuan zakat dan saya telah pun menghadapi masalah kerana sebagai wakil rakyat bukan Muslim ramai daripada kita tidak terlibat dalam perbincangan-perbincangan yang melibatkan kebajikan kaum Muslim di kawasan kita sendiri. Jadi saya ingin menyeru kepada Pegawai-pegawai Zakat, MAIS dan JAIS termasuk supaya bersikap terbuka terhadap wakil rakyat bukan Muslim kerana di kawasan kami juga ada banyak dan ramai kaum Muslim yang memerlukan bantuan dan kami memerlukan akses di peringkat JAIS, MAIS, Zakat untuk tengok macam mana kita boleh membantu mereka. Jadi saya rasa ini sangat penting kita harus bekerja sebagai satu pasukan.

Yang kedua adalah tentang dengan Jabatan Takwal JAIS di mana baru-baru ini telah pun diadakan beberapa *serial* lawatan ke rumah ibadat bukan Islam di sekitar Shah Alam dan Klang. Puan Pengerusi isu ini sangat penting dan saya memuji betul Jabatan Takwal JAIS saya rasa tindakan inilah yang akan memperbaiki keharmonian dan kesejahteraan hidup di Negeri Selangor. Bila saya baca berita ini saya berasa cukup gembira dan saya meminta supaya peruntukan untuk aktiviti yang seperti begini dirancang dengan lebih dipertingkatkan kalau boleh untuk nampakkan keharmonian kehidupan di kalangan rakyat berbilang kaum di negeri Selangor. Jadi inilah beberapa isu yang saya ingin bawa kepada Yang Berhormat dan saya berharap amat sangatlah Ketua-tuannya isu pertama dapat diberi perhatian dan kami sebagaimana apa yang saya nyatakan pada permulaan ucapan kita harus berusaha sebagai satu pasukan, terima kasih.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Terima kasih kepada Kampung Tunku di atas keprihatinan utamanya tadi pada kami Islam yang mungkin memerlukan peruntukan atau pun sumbangan-sumbangan dari Lembaga Zakat. Saya kira pada masa ini seperti yang mana kita sedia maklum Lembaga Zakat di bawah pengurusan Majlis Agama Islam di Selangor dan saya kira tiada pengagihan yang memilih Penghulu dan sebagainya cuma mungkin daripada segi kelemahan di sana sini berlaku. Saya rasa bukan sahaja di Lembaga Zakat malah di agensi-agensi selain daripada itu juga. *Insyah-Allah* saya kira Jabatan Agama Islam dan saya juga akan melihat perkara ini kerana kolaborasi di antara

agensi iaitu termasuk Lembaga Zakat MAIS dan JAIS ini kita boleh membincang bagaimana kita boleh memperbaiki lagi perkara-perkara atau pun isu-isu permasalahan yang mungkin kadang-kadang terlepas pandang yang boleh dibaiki secara langsung. Berkaitan dengan Jabatan Dakwah itu antara *administrative* di bawah Jabatan Agama Islam Negeri Selangor untuk kita melihat supaya ada satu bentuk keharmonian dan toleransi di antara agama atau antara kaum khususnya saya kira kepelbagaian kaum di negeri Selangor ini begitu jelas dan kita tidak mahu perkara-perkara yang begitu sensitif yang akhirnya tidak ada jalan penyelesaiannya. Sebab itulah di bawah Unit Dakwah Jabatan Agama Islam di Selangor kita mengadakan lawatan ke rumah-rumah ibadat bukan Islam dan ini sebenarnya adalah termasuk di dalam Perancangan kita dalam masa 5 tahun program kita untuk mengadakan lawatan-lawatan seperti ini. Tujuannya untuk memberikan satu fakta yang sebenarnya, bukan sekadar tangkapan daripada penganut-penganut Agama atau pun daripada rumah ibadat yang lain yang akhirnya tidak mendatangkan keharmonian di dalam masa kita, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Permatang.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Terima kasih Tuan Pengerusi, saya satu sahaja mengenai halaman 232, kalau saya boleh rujuk Sekolah SRA yang di bawah kelolaan JAIS. Jadi saya dapat memang banyak sekali rungutan daripada ibu bapa termasuk guru dan kakitangan mengenai keadaan fizikal bangunan-bangunan Sekolah dalam SRA yang mana dalam kes ini kita tengok banyak dari segi penyelenggaraan bangunan yang tidak begitu teratur, kemudian keadaan fizikal bangunan yang ada yang bocor atap, bangunan-bangunan tidak begitu selesa. Jadi berlaku di banyak sekolah terutama di kawasan saya sendiri pun banyak *complain* dan sebagainya tapi sebahagian besarnya merujuk kepada rujuk kepada pihak JKR. Jadi saya bersetuju dengan ada rakan yang menyebut rakan Yang Berhormat menyebut perlukan ada kejuruteraan sendiri. Jadi saya mengharapkan supaya peruntukan pembangunan yang besar juga dan juga peruntukan yang besar diberi kepada JAIS ini kenalah bantu Sekolah-sekolah ini kerana terlalu saya nak katakan terlalu naif mungkin kurang bagus tapi dalam keadaan memang tidak selesa. Banyak kawasan-kawasan sekolah yang seolah-olah terbiar tidak ada pengurusan yang begitu teratur. Ini menyebabkan bila suasana sekolah yang begini jadi ialah pelajar-pelajar sendiri pun belajar dengan keadaan tidak begitu selesa. Jadi saya mohon pada *STANDCO* yang menjaga Agama Islam ini supaya dapat melihat dan memberikan peruntukan yang mencukupi kepada Sekolah-sekolah SRA ini supaya mereka mendapat bentuk-



bentuk apa ini keadaan Sekolah yang lebih selesa dan kondusif untuk tempat mereka belajar.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Permatang, untuk maklumat Permatang Jabatan Agama Islam memperuntukkan lebih kurang dalam RM5 juta setahun untuk kita menyelenggarakan atau pun menambahbaikkan kepada struktur-struktur terutamanya mengikut keutamaan-keutamaan kita. Walau pun begitu memang saya katakan bahawa peruntukan ini memang bukanlah satu peruntukan yang besar dan kita juga mempunyai ketegangan dari segi tenaga di peringkat Jabatan Agama Islam sendiri. Buat masa ini kita sama ada melalui Jabatan Kerja Raya (JKR) untuk membantu kita daripada segi Audit melihat kerosakan-kerosakan yang berlaku dan juga daripada segi penambah baik pulih-baik pulih yang kita lakukan. Kita memerlukan Jabatan-jabatan lain termasuk JKR dan melalui juga Pejabat Daerah dan saya mengenal pasti bahawa baru-baru ini ada beberapa kelemahan dari segi baik pulih yang kita lakukan ini. Sepatut yang mana saya kata tadi yang mana juga sahabat kita daripada Kota Anggerik tadi memaklumkan perlu ada satu jabatan kejuruteraan sendiri dan *Insyah-Allah* perkara-perkara baik pulih yang kita lakukan pada tahun ini kita akan lakukan Audit dan melalui Perancangan kita untuk melantik Pegawai-pegawai Kontrak ini untuk membantu kita terutamanya dalam mengenal pasti beberapa .....

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat Sijangkang boleh berhenti dulu dan sambung hari Isnin. Dewan bersidang semula. Baiklah jam sudah menunjukkan jam 6.00 petang maka saya tangguhkan Dewan sehingga 1 Disember 2014 jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

**( Dewan ditangguhkan jam 6.00 petang )**